

LAPORAN TAHUNAN

2017




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & HAL EHWAH PENGGUNA



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agenzia di bawah KPDNHEP)



Bersama Kita Mencapai Kejayaan



RASIONAL KONSEP KULIT HADAPAN LAPORAN TAHUNAN 2017

Kepelbagai ilustrasi manusia melambangkan perpaduan dan semangat kerjasama berpasukan dalam mencapai kejayaan. Seperti pokok yang mempunyai pelbagai cabang, SSM menerap nilai teras dan visinya yang utuh sehingga ke akar umbi. Setiap cabang melambangkan setiap sumbangan warga kerja SSM yang sangat signifikan dalam mencapai kemajuan dan kecemerlangan. Ilustrasi ini melambangkan semangat kekeluargaan SSM.

MENARA SSM@SENTRAL
NO. 7, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50623 KUALA LUMPUR

TEL. +603 7721 4000
FAKS. +603 2299 4411
EMEL. enquiry@ssm.com.my
LAMAN SESAWANG. www.ssm.com.my
MEDIA SOSIAL.  /ssmofficialpage





Bersama Kita Mencapai Kejayaan

LAPORAN TAHUNAN 2017



TERAS STRATEGIK



TERAS STRATEGIK PERTAMA:
Mengoptimumkan Penambahbaikan Proses



TERAS STRATEGIK KEDUA:
Menggunakan Platform Teknologi Agil



TERAS STRATEGIK KETIGA:
Memupuk Budaya Kerja Cemerlang



TERAS STRATEGIK KEEMPAT:
Menyediakan Persekutuan Perniagaan yang Dipercayai



TERAS STRATEGIK KELIMA:
Mengintegrasikan Nilai Berkekalan

KANDUNGAN

	PERUTUSAN YB MENTERI	06
	PRAKATA PENGERUSI	08
	ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	10
	ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA	16
	PENGURUSAN EKSEKUTIF	24
	LAPORAN PENGURUSAN	33
	• Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan	34
	• Inisiatif Pembaharuan Undang-Undang	51
	• Penyampaian Perkhidmatan	57
	• Penglibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan	93
	• Sorotan Media	104
	• Inisiatif Penguatkuasaan	109
	PENYATA KAWALAN DALAMAN	143
	PENYATA KEWANGAN	145



PERNYATAAN VISI SSM

NILAI-NILAI KORPORAT

“**UNTUK MENJADI
PENDAFTAR DAN
PENGAWAL SELIA
KORPORAT
TERULUNG**”

KOLABORASI

Kami komited dalam membina kredibiliti dan kepercayaan di dalam organisasi dengan menggalakkan kolaborasi di kalangan rakan kerjasama untuk menyampaikan nilai-nilai perniagaan kepada pihak berkepentingan kami.

UTAMAKAN PELANGGAN

Kami sebagai peneraju tadbir urus korporat berikhtiar untuk memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat.



NOBATKAN ILMU

Kami menggalakkan warga kerja untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi.

CEMERLANG

Kami menetapkan standard yang tinggi dan berusaha melangkaunya. Kami bersikap tegar dalam memajukan kualiti, dari segi keberkesaan dan produktiviti di dalam organisasi. Kami mengiktiraf pencapaian yang cemerlang dan memberi ganjaran yang sewajarnya.

INTEGRITI

Kami komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul sejajar dengan kod etika SSM dan mengaplikasikannya secara profesional dan penuh tanggungjawab dalam setiap bidang tugas.



PERUTUSAN YB MENTERI





Assalamualaikum WBT., Selamat Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

2017 adalah tahun yang amat signifikan kerana telah menyaksikan pelaksanaan Akta Syarikat 2016 dan Akta Skim Kepentingan 2016 yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2017. Selaras dengan pelaksanaan kedua-dua Akta tersebut, SSM juga telah mengeluarkan peraturan-peraturan baharu di bawah Akta masing-masing. Pelaksanaan Akta-akta tersebut adalah untuk mengimbangi keperluan pihak berkepentingan namun tetap mengekalkan rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa dan memastikan persekitaran perniagaan di Malaysia yang kondusif. Ini adalah selaras dengan aspirasi dan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang stabil dan secara langsung menggalakkan pelaburan asing.

Pihak Kementerian bersama dengan SSM juga telah mula mengerakkan agenda Nasional selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk merancang masa hadapan melalui "Transformasi Nasional 2050" atau TN50 seperti yang sering diperkatakan.

**MATLAMAT UMUM TN50
ADALAH AGAR MALAYSIA
MENJADI
20 NEGARA
TERATAS
DI DUNIA
MENJELANG
TAHUN 2050. MELIHAT
KEPADAVISIINI,SSM
TELAH MEMPERKENALKAN
PROGRAM
"YOUNGPRENEURS,
GO!" (YPGO)
DENGANKERJASAMA
UNIVERSITI TEMPATAN
TERPILIH. OBJEKTIF
UTAMA YPGO ADALAH
UNTUK MEWUJUDKAN
PERUBAHAN DI DALAM
MINDA USAHAWAN MUDA
YANG BERPOTENSI AGAR
MEMAHAMI KEPENTINGAN
MENDAFTARKAN ENTITI
PERNIAGAAN DI SSM
SEBELUM MEMULAKAN
SESUATU PERNIAGAAN
ATAU SYARIKAT.**

Ini adalah penting untuk memacu minat di kalangan pelajar universiti untuk melihat keusahawanan sebagai salah satu pilihan kerjaya mereka setelah tamat pengajian.

Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama Kerajaan menyedari

bahawa terdapat beberapa kekangan yang menghalang pelajar institusi pengajian tinggi daripada mengejar cita-cita mereka sebagai seorang usahawan. Kekangan yang dikenalpasti adalah dari segi dana untuk menjalankan perniagaan di Malaysia dan kos untuk memulakan perniagaan kerana pelajar-pelajar tersebut biasanya tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap. Untuk mengurangkan bebanan ini, Kerajaan telah memperkenalkan Skim "1 Pelajar 1 Perniagaan" yang merupakan peruntukan geran pendaftaran perniagaan dengan jumlah RM10 juta untuk tempoh sepuluh (10) tahun kepada pelajar dari institusi pengajian tinggi. Skim ini telah dilaksanakan bermula Januari 2017. Saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa dengan pengenalan skim ini, terdapat peningkatan yang ketara dalam penglibatan pelajar yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

Pada kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada SSM kerana berjaya melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kepada golongan sasaran ini beserta inisiatif-inisiatif lain yang mendorong ke arah aspirasi untuk menjadi sebuah "Caring Ministry" agar rakyat Malaysia secara amnya dapat meningkatkan ekonomi masing-masing dan lebih berdaya maju, berdaya saing dan berdaya mampan.

YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
Menteri, Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

PRAKATA PENGERUSI



2017 adalah merupakan tahun kedua saya menjadi Penggerusi SSM dan di dalam masa dua (2) tahun tersebut saya telah menyaksikan perkembangan yang memberangsangkan serta pelbagai inovasi lahir dari organisasi ini. Sebagai contoh, SSM telah berjaya memperkenalkan SSM BizTrust. Melihat kepada perkembangan semasa yang terkini, penipuan transaksi secara atas talian telah mencapai tahap yang tidak memuaskan. Perkara ini bukan sahaja dialami secara eksklusif di Malaysia malah turut dialami oleh negara-negara lain di seluruh dunia. Di dalam usaha untuk mengekang aktiviti penipuan yang berlakudi Malaysia ini, SSMBizTrust telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 20 Julai 2017. SSM BizTrust menetapkan piawaian yang perlu dipatuhi oleh sesuatu entiti perniagaan secara atas talian untuk menerima perakuan iaitu pensijilan SSM BizTrust. SSM BizTrust ini akan dipaparkan di laman web atau halaman media sosial perniagaan tersebut dengan tujuan untuk meningkatkan keyakinan pengguna ketika menjalankan transaksi secara atas talian.

SSM juga sedang melalui fasa transformasinya, dan ini telah membuka ruang terhadap pelbagai peluang untuk perubahan dan inovasi. Salah satunya adalah pengenalan perkhidmatan salinan diakui sah digital atau SSM Digital CTC pada 31 Januari 2017. SSM Digital CTC membolehkan orang ramai untuk memohon

salinan dokumen yang diakui sah secara atas talian sahaja. Saya berbangga kerana produk baharu ini mendapat perhatian dan pengiktirafan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dan *Malaysian Book of Records* (MBR) pada 17 Julai 2017 di mana SSM disenaraikan sebagai Agensi Kerajaan yang pertama untuk melaksanakan salinan yang disahkan secara digital ini.



**SECARA DASARNA,
DENGAN PENGENALAN
LEBIH BANYAK
PERKHIDMATAN SECARA
ATAS TALIANINI, SSM
BERGERAK KE ARAH
MENCAPAI**

**PELAN STRATEGIK
ICT SEKTOR AWAM
2016-2020**

**IAITU PENYEDIAAN
“CITIZEN
CENTRIC DIGITAL
SERVICES.”**



Selain daripada penyampaian perkhidmatan yang diperkenalkan, SSM turut terlibat dengan pelbagai perkara bersama dengan Bank Dunia di bawah inisiatif “*Ease of Doing Business*”, “*Financial Action Task Force (FATF)*”, ASEAN, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan “*Organisation for Economic Co-operation and Development*” (OECD). Di dalam era ini, isu mengenai pemilikan

benifisial, pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan harus ditangani untuk memastikan terdapat ketelusan dalam pemilikan sesuatu entiti perniagaan dan juga untuk memastikan tiada sebarang penyalahgunaan. Kebanyakan negara di seluruh dunia juga menghadapi isu yang sama dan penglibatan Malaysia di dalam perbincangan ini dapat memastikan rangka kerja perundangan di Malaysia terus diperkuuhkan.

2018 adalah merupakan tahun yang mencabar namun menarik bagi SSM dengan pengenalan pelbagai perkhidmatan dan produk baharu. SSM akan terus melakar kejayaan dan saya yakin bahawa SSM akan lebih maju terutamanya dalam penyediaan perkhidmatan yang cemerlang kepada pihak berkepentingan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan, Anggota Suruhanjaya, barisan Pengurusan Eksekutif dan warga kerja SSM di atas sokongan, dedikasi dan sumbangan mereka yang berterusan.

YBHG. DATO' SRI JAMIL BIN HJ. SALLEH
Pengerusi
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

.....ULASAN TAHUNAN..... **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**



Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2017, yang merupakan tahun yang luar biasa dalam beberapa bidang. Secara kronologi, kita merayakan ulang tahun ke-15 SSM, menandakan usia yang akan mendatang.

Akta Syarikat 2016 (AS 2016) dan Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK 2016) berkuatkuasa pada 31 Januari 2017 dengan pengecualian seksyen 241 dan Bahagian 8 Bahagian III. Akta Syarikat 1965 (AS 1965) telah dibatalkan sebagai hasil daripada pengenalan AS 2016. AS 2016 mengetengahkan beberapa revolusi seperti memudahkan pemerbadanan syarikat dan pembuatan keputusan, pengenalan rejim tanpa nilai, pengenalan kepada keperluan solvensi, pengasingan penyata tahunan dan penyata kewangan beraudit serta pengenalan mekanisme penyelamatan korporat.

Perubahan dalam Akta baharu ini akan memberi impak yang jauh lebih besar serta mengubah cara syarikat beroperasi di Malaysia. Perubahan penting ini memberi kesan langsung kepada perunding profesional, syarikat PKS dan pengarah. Selaras dengan pelaksanaan kedua-dua Akta, SSM telah menganjurkan tiga (3) persidangan utama yang berfungsi sebagai platform kepada pihak berkepentingan untuk berkumpul dan bertukar-tukar pendapat mengenai pelaksanaan Akta baharu ini yang melibatkan 1,302 peserta secara keseluruhan. Program kesedaran terus diadakan pada tahun 2017 sebagai salah satu saluran utama bagi SSM untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pihak berkepentingannya.

**PADA TAHUN 2017,
JUMLAH SYARIKAT YANG
DIPERBADANKAN
MENINGKAT SEBANYAK
10.75%,
DENGAN
47,871 SYARIKAT
BERBANDING
43,225 SYARIKAT
PADA 2016.**

**MANAKALA,
484,029
PERNIAGAAN
BAHARU
DIDAFTARKAN PADA
TAHUN INI,
28.49%
MENINGKAT
DARIPADA
376,720 YANG
DIDAFTARKAN
BERBANDING 2016.**


MENJELANG AKHIR TAHUN 2017,

**JUMLAH SYARIKAT YANG
DIPERBADANKAN DENGAN
SSM IALAH
1,251,190
DAN PERNIAGAAN YANG
DIDAFTARKAN BERJUMLAH
6,859,080
MENUNJUKKAN
MENINGKAT
KESELURUHAN SEBANYAK
3.98% DAN
7.59%**

**BERBANDING TAHUN
SEBELUMNYA.
.....
PERKONGSIAN LIABILITI
TERHAD MENCATATKAN
SEBANYAK
4,132
PENDAFTARAN
BAHARU DARIPADA
14,191 iaitu
KENAIKAN
23.45%
BERBANDING 2016.**

Sekarang kita sedang melalui perjalanan yang menarik dan fasa seterusnya melibatkan evolusi. Masa depan adalah digitalisasi. Sejajar dengan pendekatan kita untuk melaksanakan transformasi digital, pelbagai inisiatif dan produk baharu telah dilancarkan pada tahun 2017.

- Produk salinan dokumen disahkan benar secara digital (*Digitally Certified True Copy*) bagi Salinan Imej Dokumen Berkanun Syarikat telah mula diperkenalkan bermula 31 Januari 2017 bagi menggantikan salinan dokumen yang dibekalkan melalui pengesahan secara manual. Kejayaan besar Produk Digital CTC ialah pengiktirafan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media (SKMM) dan *Malaysia Book of Records* (MBR) pada 17 Julai 2017 di mana MBR telah menyenaraikan SSM sebagai agensi pertama yang melaksanakan Digital CTC.
- Pelaksanaan projek SSM BizTrust merupakan salah satu projek utama bagi tahun 2017. Projek ini telah dipersetujui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) untuk dijadikan sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) pencapaian tahun 2017 bagi Menteri KPDKKK. SSM BizTrust telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Menteri pada 20 Julai 2017 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Kampus Kuantan, Pahang. Ianya diperkenalkan sejajar dengan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan tahap keyakinan pengguna terutamanya para peniaga dalam talian bagi merangsang pertumbuhan ekonomi serta perniagaan e-dagang di Malaysia.
- Pada tahun 2017 Ezbiz Online telah ditambahbaik dengan memperkenalkan konsep “Daftar Online, Bayar Offline dan *Self Service Registration*”. Konsep ini membenarkan pemilik perniagaan membuat bayaran secara tunai bagi transaksi yang ditawarkan dalam Ezbiz Online. Pemilik perniagaan boleh membuat pengaktifan ID User sendiri di Kiosk *Self Service Registration* tanpa perlu melalui kaunter SSM.
- Pada tahun 2017, SSM telah menambah perkhidmatan EzBiz Kiosk sebanyak 18 unit yang menjadikan keseluruhan 29 unit EzBiz Kiosk di seluruh Malaysia. Pada bulan Jun, penambahbaikan fungsi EzBiz Kiosk dengan pengaktifan penggunaan kad debit/credit (*cashless*) telah dilaksanakan.
- Portal MyDATA SSM International telah dilancarkan pada 24 Oktober 2017 oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. MyDATA International merupakan satu-satunya platform yang dihubungkan ke lebih 180 pendaftar di seluruh dunia. Portal ini telah dibangunkan dengan kerjasama Big Dataworks Sdn. Bhd., iaitu penyedia perkhidmatan maklumat korporat SSM dan KYCKR Ltd, sebuah syarikat tersenarai di Bursa Sekuriti Australia yang berpengkalan di Sydney, London, yang memberi perkhidmatannya dari Ireland.
- Skim 1P1P telah diwujudkan apabila YAB Perdana Menteri Malaysia mengumumkan peruntukan geran pendaftaran perniagaan sebanyak RM10 juta untuk tempoh sepuluh (10) tahun kepada para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.





**FORUM PENDAFTAR
KORPORAT (CRF) YANG
KE-13 ANJURAN HONG KONG
COMPANIES REGISTRY TELAH
BERLANGSUNG DI KOWLOON,
HONG KONG PADA 6-10 MAC
2017 BERTEMAKAN**

**“
CORPORATE
REGISTRIES –
CHALLENGES AND
OPPORTUNITIES,
TODAY AND
TOMORROW.”**

Malaysia diwakili oleh SSM, yang merupakan ahli pengasas CRF. SSM juga telah menyertai Forum Pendaftar Korporat Eropah (ECRF) yang ke-20 bertemakan

**“
GETTING THE
RIGHT DIRECTION”**

pada 14-16 Jun 2017 bertempat di Vilnius, Lithuania anjuran State Enterprise Centre of Registers, Lithuania. The Companies and Intellectual Property Commission's (CIPC) of South Africa telah menganjurkan Bengkel Teknikal Forum Pendaftar Korporat (Bengkel Teknikal CRF) yang Ke-3 di Pretoria, South Africa bertemakan

**“
EFFICIENCIES OF
A MODERNIZED
REGISTRY, FROM
A REGISTRATION
OFFICE TO BEING
A REGULATOR”**

pada 23-25 Ogos 2017. Bengkel ini telah disertai oleh delegasi daripada negara Malaysia, Afrika Selatan, Botswana, Lesotho, Mauritius, Zambia, Nigeria, Ghana, Sierra Leone, Tunisia, Uganda, the United Arab Emirates, Singapura dan Pakistan bersama delegasi daripada Bank Dunia.

Pada tahun 2017, SSM meneruskan fokus terhadap tiga (3) strategi utama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan di kalangan komuniti korporat. Kesemua strategi tersebut bertujuan untuk mencapai objektif utama pemantauan iaitu meningkatkan kadar pematuhan dan persekitaran perniagaan yang kondusif, kualiti dan integriti penyata kewangandan memastikan tadbir urus, amalan dan tahap kompetensi intermidiari korporat. Strategi-strategi tersebut telah menyumbang kepada 92% kadar pematuhan untuk tahun 2017 (2016: 93%).

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan serta sokongan berterusan pihak pengurusan Eksekutif SSM. Kita telah melalui pelbagai cabaran di masa lalu. Namun, selama 15 tahun, kita boleh mengatakan bahawa kita lebih kuat dari sebelumnya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda, pihak berkepentingan kami, atas kepercayaan anda kepada kami. Setelah melihat apa yang kita capai, mendorong kita untuk menjadi lebih baik pada tahun mendatang. Kita mempunyai pasukan dan keluarga SSM yang hebat untuk meneruskan perjuangan kita ke tahap yang lebih tinggi. Sinergi untuk memfokus kepada matlamat kita.

Saya mewakili pengurusan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga SSM, di atas usaha dan kerja keras anda, tanpa anda, kita tidak berada di tempat sekarang. Untuk sampai di mana kita ingin berada di masa depan, kita sangat memerlukan semangat dan dedikasi berterusan anda. Kekuatansesebuahorganisasilahir daripada perpaduan warganya. Marilah kita bekerjasama sebagai satu pasukan dan "Bersama Kita Mencapai Kejayaan."

DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

KPE

PASUKAN

ANGGOTA
SURUHANJAYA SYARIKAT
MALAYSIA & PENGURUSAN
EKSEKUTIF

IDEA

A collage of business-related illustrations on a brown background, centered around a circular graphic. The collage includes: a handshake between four people; a briefcase and glasses; a brain with blue and pink sections; a yellow lightbulb; a group of people at a table; a coffee cup; microphones; a network diagram; a target with an arrow; a clock; and a calendar.

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



1. YBHG. DATO' SRI **JAMIL BIN HJ. SALLEH**
2. YBHG. PROF. DATO' DR. **AISHAH BINTI BIDIN**
3. YBHG. DATO' **ZAIDON BIN HJ. ASMUNI**
4. YBHG. DATO' **OTHMAN BIN SEMAIL**
5. YB DATO' SRI **IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**



6. YB TUAN ABDULLAH HJ. SAIDOL
7. YBHG. DATUK SERI PROFESOR DR. HAJI KHAIRIL ANNAS BIN JUSOH
8. YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
9. YBHG. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

YBHG. DATO' SRI JAMIL BIN HJ. SALLEH

YBhg. Dato' Sri Jamil bin Hj. Salleh telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya pada 15 Mac 2016.

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Malaya. Beliau juga merupakan pemegang diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan telah menghadiri beberapa kursus pengurusan dan kepimpinan di Oxford University, United Kingdom dan Asian Institute of Technology, Thailand. Dato' Sri Jamil memulakan kerjaya beliau pada tahun 1983. Beliau pernah berkhidmat di beberapa kementerian dan badan kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Penjara Malaysia. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan seperti Penolong Setiausaha Kewangan dan Perolehan, Timbalan Setiausaha Bahagian (*National Key Result Area*) di Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Ketua

Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Belia dan Sukan bermula tahun 2010, sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan pada 12 Jun 2013.

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB), Pengerusi Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Pengerusi Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), Ahli Lembaga Pengarah Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dan Ahli Lembaga Pengarah Pengurus Majlis Sukan Negara (MSN). Dato' Sri Jamil mula menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bermula 15 Mac 2016. Pada masa yang sama, beliau juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pengerusi Rakyat Holdings Sdn. Bhd., Pengerusi Rakyat Travel Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, Ahli Lembaga Pengarah Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA), Ahli Majlis Inovasi Negara (NIC), Ahli Majlis Rekabentuk Malaysia, Ahli Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negeri Melaka. Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

YBHG. PROF. DATO' DR. AISHAH BINTI BIDIN

YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2011.

Beliau adalah seorang Profesor Undang-Undang Korporat dan Insolvensi di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang pengkhususan beliau adalah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, regulasi sekuriti, bankrupsy dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian sejak tahun 1989, dan antara bidang kepakaran beliau yang lain adalah undang-undang tenaga dan pengawal seliaan korporat. Prof. Dato' Dr. Aishah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai jurnal akademik terbitan Malaysia dan

Britain tentang undang-undang syarikat, sekuriti dan insolvensi. Prof. Dato' Dr. Aishah menerima Ijazah Sarjana Muda LLB (Kepujian) daripada Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Undang-undang daripada University of Kent dan Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang daripada University of London.

Prof. Dato' Dr. Aishah pernah menjadi ahli *Malaysian Corporate Law Reform Steering Committee* (CLRC). Beliau juga pernah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang UKM Holdings, yang merupakan cabang korporat Universiti Kebangsaan Malaysia dan mantan Anggota Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Beliau juga merupakan Ahli Eksekutif Konsel, Pusat Undang-undang Antarabangsa dan Kajian Undang-Undang, Pejabat Peguam Negara Malaysia dan (I-Cells), dan Ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM. Prof. Dato' Dr. Aishah juga merupakan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Felo Akademi Sains Malaysia.

YBHG. DATO' ZAIDON BIN HJ. ASMUNI

YBhg. Dato' Zaidon bin Hj. Asmuni, yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 1 Julai 2016.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1981 di Kementerian Dalam Negeri. Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di Kementerian tersebut. Dato' Zaidon pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan Imigresen Malaysia, dan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan. Dato' Zaidon merupakan mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

YBHG. DATO' OTHMAN BIN SEMAIL

YBhg. Dato' Othman bin Semail berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Kewangan dan telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 2 Januari 2015.

Beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam pada 1982 sebagai Penolong Pegawai Pertanian di RISDA. Beliau seterusnya telah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Perusahaan Utama dan seterusnya di Kementerian Kewangan sehingga sekarang. Dato' Othman merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian di Sektor Dasar Perolehan Kerajaan & Akreditasi, Bahagian Perolehan Kerajaan, sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan.

YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ

YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Disember 2015.

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Sivil dari University of Tennessee, Amerika Syarikat. YB Dato' Sri Ikmal

Hisham merupakan Pengerusi Mara Incorporated Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat MARA. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Noble Twin Sdn. Bhd. dan TJM Sdn. Bhd. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai Penggerusi Amanahraya Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. Beliau sebelum ini pernah dilantik sebagai Pengarah Bebas di Taiping Super Berhad dan OSK Property Holdings Berhad, di samping menjadi Pengerusi Jawatankuasa Audit OSK Property Holdings Berhad selama lebih 4 tahun. YB Dato' Sri Ikmal Hisham merupakan Ahli Parlimen Tanah Merah sejak 2013.

YB TUAN ABDULLAH HJ. SAIDOL

YB Tuan Abdullah Hj. Saidol telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 2 Januari 2015.

Beliau merupakan graduan Undang-Undang dari ITM (UiTM) dan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam sektor korporat. Beliau pernah bekerja di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) dan Research Institute of Investment Analysis Malaysia (RIIAM). YB Abdullah merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri N.42 Semop, Sarawak dan juga Menteri Muda Hal Ehwal Korporat Kerajaan Negeri Sarawak.

YBHG. DATUK SERI PROFESSOR DR. HAJI KHAIRIL ANNAS BIN JUSOH

YBhg. Datuk Seri Profesor Dr. Haji Khairil Annas bin Jusoh telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2017.

Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kepimpinan dan Politik dari Asia e University (AeU), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam bidang Kewangan dan Perbankan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Sarjana Undang-Undang Antarabangsa (LL.M) dari Universiti Cambridge dan Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian Kelas Pertama (LL.B) dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Beliau juga telah diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 16 Januari 1996 dan juga merupakan seorang Jaksa Pendamai (JP) sejak 2009.

YBhg. Datuk Seri Profesor Dr. Haji Khairil Annas merupakan tokoh termuda menjadi Felo Emeritus Malaysian Institute of Management (EFMIM). Beliau turut berpengalaman dalam bidang korporat dan swasta sebelum sepenuh masa menumpah khidmat sebagai Pegawai Khas dan kini dilantik secara rasmi sebagai Penasihat kepada YAB Perdana Menteri Malaysia.

Bersesuaian dengan dirinya sebagai seorang ilmuwan dan dilantik menjadi Profesor Adjung, Felo Kanan serta Profesor Tamu di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi, selain di balik tabir politik tanah air, beliau merupakan seorang penulis prolifik yang telah menyunting dan mengkaryakan lebih 17 buah buku.

YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

YB Dato' Hasbullah bin Osman telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 April 2017.

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dari Open University Malaysia (OUM). YB Dato' Hasbullah ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Malaysia Design Development Centre (DDEC) yang merupakan anak syarikat MARA. Beliau juga merupakan Pengerusi Perak ITC Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. YB Dato' Hasbullah bin Osman merupakan Ahli Parlimen Gerik sejak 2013.

YBHG. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Beliau sebelum ini merupakan Timbalan KPE (Perkhidmatan) bermula pada tahun 2002 selaras dengan penubuhan SSM, sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Januari 2015. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan), portfolio yang dipegang oleh Dato' Zahrah termasuklah mengetuai Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat, Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Pematuhan, Akademi Latihan dan Seksyen Komunikasi Korporat.

Dato' Zahrah merupakan lulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan seorang Akauntan Berdaftar dan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuastra Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).

Dato' Zahrah adalah Ahli Lembaga untuk Pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah dan XBRL International (XII) serta ahli Lembaga Yayasan Pelaporan Kewangan

(FRF). Dato' Zahrah merupakan ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFS), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jawatankuasa Pemantauan Audit (AOB). Beliau juga merupakan Pengerusi Koperasi SSM bagi tempoh 2011 sehingga 2014. Pada tahun 2018, Dato' Zahrah telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Forum Pendaftar Korporat iaitu jawatan yang disandang sejak 2016. Dato' Zahrah telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat (CRF) pada 2016 yang merupakan gabungan pendaftar-pendaftar korporat antarabangsa. Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Dato' Zahrah memulakan kerjaya beliau sebagai Akauntan Penasihat dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia bermula pada tahun 1984 sehingga 1992, di mana bidang kepakaran beliau merupakan penilaian dan piawaian antarabangsa hal-hal berkaitan amalan pasaran terbuka. Dato' Zahrah seterusnya berkhidmat dengan Kementerian Luar Negeri sebagai Akauntan Prinsipal bermula pada tahun 1992 sehingga 1995 dan bertanggungjawab menguruskan akaun kewangan dan proses pengauditan pejabat-pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia. Lanjutan daripada itu, beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pejabat Pendaftar Syarikat pada tahun 1995, sehingga pelantikan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan) pada tahun 2002.

YBHG. DATUK SERI SYED ALI SYED ABBAS ALHABSHEE

YBhg. Datuk Seri Syed Ali Syed Abbas Alhabshee telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2012 sehingga 15 Januari 2017.

Beliau merupakan pemegang Diploma Kepimpinan dan Pengurusan daripada New Zealand Institute of Management, New Zealand. Datuk Seri Syed Ali merupakan Pengerusi Yayasan Pendidikan Cheras dan Pengarah Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan. Di samping itu, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Tourism Malaysia dan Pengerusi Perbadanan Nasional Berhad (PNS).

YBHG. DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD

YBhg. Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 1 April 2016 sehingga 1 Januari 2017 (meletakkan jawatan).

Beliau merupakan lulusan Sarjana Pengajian Strategik dan Pertahanan dari Universiti Malaya serta Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan pemegang diploma Intelligence and Security dari Taiwan (Military College).

Dato' Sri Alias memulakan kerjaya sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1982. Beliau

pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian dan badan-badan kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Beliau pernah berkhidmat dalam beberapa jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri bermula tahun 2003, sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Imigresen Malaysia pada 15 Oktober 2010. Dato' Sri Alias mula menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bermula Februari 2014. Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Majlis Keselamatan Negara pada 15 Mac 2016. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat. Dato' Sri Alias merupakan mantan Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Dato' Sri Alias kini memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia bermula 3 September 2016.

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Anggota Suruhanjaya terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan, golongan profesional dan tokoh korporat yang memiliki rekod pencapaian cemerlang. Anggota Suruhanjaya yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang ini diamanahkan untuk memimpin dan memacu hala tuju SSM. Pada tahun-tahun yang lepas, panduan dan bimbingan yang amat berguna daripada Anggota Suruhanjaya telah membolehkan SSM mencapai kejayaan cemerlang dan menjadi penanda aras dalam sektor korporat.

Anggota Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali sepanjang tahun 2017 bagi membincangkan pelbagai perkara penting termasuk pelan jangka panjang, inisiatif strategik dan analisis petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya berpendapat tadbir urus dan amalan terbaik adalah penting untuk dimasukkan ke dalam pelbagai fungsi serta tugas yang dilaksanakan dalam mengawal selia operasi yang dilaksanakan oleh Pengurusan SSM.

Butiran mesyuarat yang diadakan pada tahun 2017 ialah seperti berikut:

JUMLAH KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA UNTUK MESYUARAT ANGGOTA SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2017

ANGGOTA	MESYUARAT ANGGOTA KE 92	MESYUARAT ANGGOTA KE 93	MESYUARAT ANGGOTA KE 94	MESYUARAT ANGGOTA KE 95	MESYUARAT ANGGOTA KE 96	MESYUARAT ANGGOTA KE 97	MESYUARAT ANGGOTA KE 98	MESYUARAT ANGGOTA KE 99	JUMLAH KEHADIRAN
	23 Januari 2017	27 Februari 2017	10 April 2017	8 Jun 2017	14 Ogos 2017	26 Oktober 2017	20 November 2017	19 Disember 2017	
YBhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh	●	●	●	●	●	●	●	●	8/8
YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah binti Bidin	●	●	●	●	X	●	X	●	6/8
YB Tuan Abdullah bin Haji Saidol	●	●	●	●	●	X	●	●	7/8
YBhg. Dato' Othman bin Semail	X	●	●	X	●	●	●	●	6/8
YB Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz	●	●	●	●	X	X	●	●	6/8
YBhg. Dato' Zaidon Haji Asmuni	●	X	●	●	X	●	●	●	6/8
YBhg. Datuk Seri Prof. Dr. Khairil Annas Jusoh	●	X	X	●	●	X	X	X	3/8
YB Dato' Hasbullah Osman			●	●	●	X	●	●	5/6
YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner	●	●	●	●	●	●	●	●	8/8

● Hadir

X Tidak Hadir

[Yellow Box] Mula dilantik menjadi Anggota Suruhanjaya pada 1 April 2017

PENGURUSAN EKSEKUTIF



YBHGS. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

YBHGS. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER TELAH DILANTIK SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM PADA 1 JANUARI 2015. SEBELUM INI, BELIAU MENYANDANG JAWATAN TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PERKHIDMATAN) DARI 16 APRIL 2002 HINGGA 31 DISEMBER 2014.

Sebagai TKPE (Perkhidmatan), beliau mengetuai Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Akademi Latihan (COMTRAC) dan Seksyen Perhubungan Awam. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA). Dato' Zahrah adalah Ahli Lembaga untuk Pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah dan XBRL International (XII) serta ahli Lembaga Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). Seterusnya, beliau adalah ahli lembaga bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFS), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Lembaga Pemantauan Audit (AOB). Beliau juga merupakan Pengurus Koperasi SSM antara 2011 dan 2014. Pada tahun 2018, Dato' Zahrah telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Forum Pendaftar Korporat iaitu jawatan yang disandang sejak 2016. Pada tahun 2016, YBhg. Dato' Zahrah dipilih sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat (CRF) yang merupakan persatuan pendaftaran korporat antarabangsa. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Akauntan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja antara bulan Ogos 1984 dan April 1992 selaku penasihat hal-ehwal berkaitan penilaian dan piawaian amalan antarabangsa di pasaran terbuka. Beliau menyertai Kementerian Luar Negeri antara bulan Mei 1992 dan Julai 1995, yang bertanggungjawab menyelia akaun kewangan dan audit untuk Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia. YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner memiliki Ijazah Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan adalah seorang Akauntan Bertauliah.



HAJI ROSLI HAJI AHMAD
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PERKHIDMATAN KORPORAT)

HAJI ROSLI HAJI AHMAD TELAH DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PERKHIDMATAN KORPORAT) PADA 15 MAC 2015.

Beliau mengetuai Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, Bahagian Modal Insan, Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan dan Seksyen Operasi Pejabat Negeri. Haji Rosli yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah memulakan kerjayanya di Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985 dan pada tahun 1990 telah ditempatkan di Pejabat Cawangan Labuan. Pada tahun 1992 pula, beliau bertugas sebagai Ketua Cawangan, Negeri Pahang dan Negeri Melaka. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat, Ibu Pejabat sebagai Ketua Unit, Bahagian Pentadbiran & Kewangan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa pelaksana penubuhan SSM, antara tahun 1999 hingga 2002. Kemudiannya pada tahun 2004 beliau dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka dan diikuti Johor pada tahun 2006. Pada tahun 2008 beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan dan seterusnya sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran pada 2014.



KHUZAIRI YAHAYA
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PENDAFTARAN & PERKHIDMATAN
PERNIAGAAN)

**KHUZAIRI YAHAYA TELAH DILANTIK SEBAGAI
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PENDAFTARAN & PERKHIDMATAN PERNIAGAAN)
PADA 15 MAC 2015.**

Khuzairi Yahaya memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1994. Selepas sembilan (9) tahun bersama Suruhanjaya Sekuriti, pada tahun 2003 beliau menjadi Pengurus Besar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM dan ini diikuti oleh pelantikan beliau sebagai Pengarah Audit Dalaman pada tahun 2007. Pada tahun 2010, beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Sebagai TKPE (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan), beliau kini menguruskan semua bahagian di bawah Operasi di SSM. Khuzairi memainkan peranan instrumental dalam inisiatif untuk mengubah sistem pendaftaran berdasarkan kerangka utama kepada sistem berdasarkan web pada tahun 2003 dan beliau juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan dalam SSM. Beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem dan proses kerja baharu yang menaikkan kedudukan Malaysia di dalam Laporan '*Ease of Doing Business World Bank*' melonjak kepada tangga ke-6 untuk penilaian tahun 2014. Pada masa ini, beliau terlibat dalam pelaksanaan Pelan Transformasi SSM dengan matlamat untuk mengubah model perniagaan dan operasi SSM dengan memanfaatkan keupayaan digital.



**NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(KAWAL SELIA & PENGUATKUASAAN)**

NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ TELAH DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KAWAL SELIA & PENGUATKUASAAN) PADA 1 MEI 2016.

Portfolio di bawah naungan beliau adalah Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pendakwaan dan Litigasi, Bahagian Pematuhan, Bahagian Siasatan dan Seksyen Aduan. Sebelum pelantikan ini, beliau telah berkhidmat sebagai Peguambela dan Peguamcara bermula 1992 dan kemudiannya sebagai Pensyarah Undang-undang di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), seterusnya dipinjamkan ke Institut Akauntan Malaysia pada tahun 2000. Pada tahun 2003, beliau mula berkhidmat di SSM sebagai Pengurus Besar Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat. Kemudiannya pada April 2007, beliau dilantik sebagai Pengarah Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC). Seterusnya pada September 2010, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat SSM. Nor Azimah Abdul Aziz memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Institut Teknologi Mara (kini UiTM) dan Sarjana Undang-undang Perniagaan (*LLM In Business Law*), University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.



1. **AMIR AHMAD**
Pengarah, Bahagian Akademi
Latihan & Pengurusan Pengetahuan
2. **AZNORASHIQ MOHAMED ZIN**
Pengarah, Bahagian Pematuhan
Korporat
3. **REZY IZWAN RAMLY**
Pengarah, Bahagian Siasatan
4. **ZARINA ABDUL SAMAD**
Pengarah, Bahagian Kewangan &
Akaun
5. **MUHAMAD FARIS OTHMAN**
Pengarah, Bahagian
Perkhidmatan Pendaftaran
6. **AIDA ADHHA ABU BAKAR**
Pengarah, Bahagian Pendakwaan &
Litigasi



7. **FARID AHMAD**

Pengarah, Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan

8. **AZIZAH ROHANI**

Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi

9. **MOHAMAD SHAHREN MOHAMAD YUSRI**

Pengarah, Bahagian Strategi & Komunikasi Korporat

10. **SAMSIAH IBRAHIM**

Pengarah, Bahagian Modal Insan

11. **NORHAIZA JEMON**

Pengarah, Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundungan



BAHAGIAN PENTADBIRAN & FASILITI

(Bermula 10 Ogos 2017)

CARTA ORGANISASI



STATISTIK UTAMA DAN PENCAPAIAN SSM PADA 2017



PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2017

- (a) **Perkhidmatan MyData International** - Perluasan kemudahan bekalan maklumat syarikat-syarikat antarabangsa secara atas talian yang telah dilancarkan pada 24 Oktober 2017;
 - (b) **EzBiz Online** - Memperkenalkan kemudahan pembaharuan pendaftaran perniagaan, pembayaran kompaun dan bekalan maklumat secara atas talian dengan pertambahan kemudahan bayaran secara tunai di kaunter-kaunter SSM seluruh negara;
 - (c) **EzBiz Kiosk** - Perluasan kemudahan pembaharuan pendaftaran perniagaan dan bekalan maklumat perniagaan melalui kios ke Pejabat Negeri dan Pusat Perkhidmatan SSM seperti Pejabat SSM Selangor, Pejabat SSM Johor, Pejabat SSM Pulau Pinang, Pejabat UTC Kuala Lumpur dan Pusat Perkhidmatan SSM di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya;
 - (d) Pemberian Geran 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) sebanyak RM10 juta berkuatkuasa pada 1 Januari 2017 untuk tempoh sepuluh (10) tahun atau sehingga geran berkenaan habis digunakan mengikut mana yang terdahulu;
 - (e) Pengenalan tempoh insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 sempena Ulang Tahun ke-15 SSM dengan pengurangan kadar kompaun sebanyak 70% berkuatkuasa pada 17 April 2017 sehingga 15 Mei 2017; dan
 - (f) Pengenalan tempoh Moratorium untuk pembatalan nama syarikat berkuatkuasa pada 1 Oktober 2017 sehingga 31 Disember 2017.
-

PIAGAM PELANGGAN SSM



LAPORAN PENGURUSAN



PERNIAGAAN

KEJAYAAN



BERITA




AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2017

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-7 dengan tema '*Implementing the Companies Act 2016. Moving Together. Greater Together*' telah diadakan pada 22 dan 23 Ogos 2017 di Sunway Resort Hotel & Spa, Selangor dan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 1,005 orang perwakilan pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta.

Seramai 25 orang penceramah, ahli panel dan moderator telah membentangkan topik-topik berikut:

- *Transitioning into Companies Act 2016.*
- *Companies Act 2016. Moving Together. From Policies to Legislation to Implementation.*
- *4 Things Directors Are Talking in the Boardroom.*
- *Would People Rather Attend AGM Than Catch Pokemon?*
- *Amendments on the BURSA Listing Requirements Arising from Companies Act 2016.*
- *XBRL will be the Next Reality. Are you Ready?*



- *Making the Most of e-Commerce Boom in Malaysia.*
- *Practical Insights on Implementation of Companies Act 2016.*
- *Top 5 Highly Discussed Implementation Matters.*
- *What to Expect for the Next 12 Months?*

PERSIDANGAN SKIM KEPENTINGAN KEBANGSAAN SSM 2017

Persidangan Skim Kepentingan Kebangsaan SSM 2017 buat julung kali telah diadakan pada 30 Mac 2017, selaras dengan penguatkuasaan Akta Skim Kepentingan 2016 dengan tema "Interest Schemes Act 2016. Alternative Financing for Business Growth", di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 144 orang perwakilan dari Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Perak, Terengganu, Johor, Kelantan dan Putrajaya. Persidangan kali ini menfokuskan kepada pelaksanaan Akta Skim Kepentingan 2016 yang telah dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017. Rangka kerja kawalselia baharu telah diperkasakan untuk mengalakkan perusahaan kecil dan syarikat besar meneroka penyelesaian kewangan alternatif melalui skim kepentingan.

Seramai 16 orang penceramah, ahli panel dan moderator telah membentangkan topik-topik berikut:

- *Highlights of Interest Schemes Act 2016 (Act 778), Regulations and Guidelines.*
- *The Roles of Intermediaries under the Interest Schemes Act 2016 (Act 778).*



- *Alternative Financing for SME via Interest Schemes.*
- *Investment Schemes: Catalyst of Growth, Branding & Innovation.*
- *Golf, Time Share, Recreational Clubs & Tourism Industry – Think Beyond.*

SEMINAR SSM SARAWAK 2017

Seminar SSM Sarawak dengan tema "Companies Act 2016 & Interest Schemes Act 2016" telah dianjurkan pada 4 Mei 2017 di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 163 orang perwakilan dari Sarawak, Sabah, Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Seramailima (5) orang penceramah, ahli panel dan moderator telah membentangkan topik-topik berikut:

- *Highlights of the Companies Act 2016 & the Interest Schemes Act 2016.*
- *Guidelines, Practice Directive & Practice Notes for Companies Act 2016.*
- *Guidelines & Practice Notes for Interest Schemes Act 2016.*
- *Transition Issues Arising from Companies Act 1965 to Companies Act 2016 & Interest Schemes Act 2016.*



PERSIDANGAN INSOLVENSI KEBANGSAAN SSM 2017

Persidangan Insolvensi Kebangsaan SSM 2017 kali ke-2 dengan tema “*Corporate Restructuring & Insolvency under Companies Act 2016. A Paradigm Change*” telah dianjurkan pada 3 Oktober 2017 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 153 orang perwakilan dari Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Perak, Terengganu, Johor, Kelantan dan Putrajaya. Persidangan ini adalah platform kepada Pendaftar dan pengamal insolvensi untuk membincangkan, berkongsi dan menganalisis impak Akta Syarikat 2016 berkaitan insolvensi dan pengstrukturkan semula korporat.

Seramai sepuluh (10) orang penceramah, ahli panel dan moderator telah membentangkan topik-topik berikut:

- *The World Bank's Perspective on Debtors' & Creditors' Rights.*
- *Corporate Rescue Mechanism: How it will work.*
- *New Guidelines in Striking Off of Companies & Asset Management of Dissolved Companies.*
- *Impact of the Companies Act 2016 on Winding Up.*
- *What it takes to become an Insolvency Practitioner?*



PROGRAM LATIHAN DAN PENDIDIKAN

1. PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PIHAK BERKEPENTINGAN



Penyertaan Pihak Berkepentingan Dalam Program Pendidikan dan Kesedaran dari tahun 2015 hingga 2017

Berikut adalah jumlah keseluruhan program korporat yang dijalankan sepanjang tahun 2017:

PROGRAM	BILANGAN SESI	JUMLAH PESERTA
Corporate Directors Training Programme Fundamental 1.0	5	185
Company Secretaries Training Programme Essential 1.0	21	1,503
Company Secretaries Training Programme Significant 1.0	6	329
Continuing Education Programme	56	4,598
In-House Training Programme	16	1,059
Collaboration Programme	2	116
SSM National Conference 2017	1	1,005
SSM Sarawak Seminar 2017	1	163
SSM National Insolvency Conference 2017	1	153
SSM National Interest Schemes Conference 2017	1	144
Jumlah	110	9,255

2. CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME FUNDAMENTAL 1.0

Corporate Directors Training Programme 1.0 secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, pereka cipta dan usahawan dengan topik khusus berkaitan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat.

Dengan menyertai program CDTPF 1.0, peserta akan memperoleh manfaat berikut:

- Meningkatkan pemahaman yang baik tentang konsep, ciri dan watak sesbuah syarikat;
- Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit;
- Melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam menguruskan syarikat dan memaparkan komitmen profesional untuk amalan beretika;
- Memahami tanggungjawab pengarah dalam cukai korporat; dan
- Memberi pemahaman tentang isu-isu etika dan integriti yang mungkin akan dihadapi dalam perniagaan.

CDTPF 1.0 terbahagi kepada enam (6) modul. Modul-modul bagi CDTPF 1.0 ialah seperti berikut:

Modul 1 : *Dynamics of a Company*.

Modul 2 : *Duties and Responsibilities of Directors, Company Secretaries and Auditors*.

Modul 3 : *The Fundamentals of Corporate Governance*.

Modul 4 : *The Fundamentals of Corporate Responsibility*.

Modul 5 : *Introduction to Business Ethics & Integrity*.

Modul 6 : *Introduction to Corporate Taxation*.

Pada tahun 2017, sebanyak lima (5) program CDTPF 1.0 (2016: 11) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 185 orang peserta (2016: 236).

3. COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL 1.0

Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 adalah kesinambungan daripada *Company Secretaries Training Programme Essential* di mana modul program ini telah dikemaskini berdasarkan Akta Syarikat 2016. Program CSTPE 1.0 ini ialah kursus wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education (CPE)* bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 235(2) (b) Akta Syarikat 2016.

CSTPE 1.0 direka untuk bakal setiausaha syarikat dan yang sedia ada bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat dalam tanggungjawab mereka sebagai penasihat lembaga pengarah. Walaupun CSTPE 1.0 disasarkan kepada setiausaha syarikat berlesen, pengamal korporat seperti setiausaha syarikat daripada badan profesional, pengarah syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan juga memperoleh manfaat daripada program ini sekaligus mampu menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk menguruskan syarikat mereka.

Para peserta modul CSTPE 1.0 akan memperoleh manfaat berikut:

- Membangunkan pemahaman yang baik tentang konsep dan ciri sesuatu syarikat;
- Peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat;
- Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah dan auditor dalam syarikat;
- Pengetahuan dalam menguruskan buku-buku berkanun dan mesyuarat syarikat; dan
- Mengenal pasti kesalahan utama di bawah Akta Syarikat 2016.

CSTPE 1.0 terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap bahagian mengandungi dua (2) modul. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTPE 1.0 ialah seperti berikut:

BAHAGIAN A

Modul 1 : *Anatomy of a Company.*

Modul 2 : *Roles and Responsibilities of Company Secretaries.*

BAHAGIAN B


Modul 3 : *Roles, Duties and Responsibilities of Company Directors and Auditors.*

Modul 4 : *Managing the Registered Office, Statutory Books, Returns and Other Documents.*

BAHAGIAN C

Modul 5 : *Managing Company Meetings.*

Modul 6 : *Navigating Compliance: Key Offences under Companies Act 2016.*



Peserta Company Secretaries Training Programme Essential dari tahun 2015 hingga 2017

4. COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT 1.0

Company Secretaries Training Programme Significant (CSTPS) 1.0 merupakan program susulan kepada CSTPE 1.0

Para peserta modul CSTPS 1.0 akan memperoleh manfaat berikut:

- Membina nilai-nilai integriti korporat yang baik dan beretika;
- Mengenal pasti peranan setiausaha syarikat untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- Menyepadukan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat dalam syarikat;
- Mengenal pasti cabaran dan isu utama yang memberi kesan kepada fungsi harian setiausaha syarikat;

- Memahami keperluan pengawalseliaan rangka kerja Audit Cukai; dan
- Membaca dan mentafsir penyata kewangan.

Program CSTPS 1.0 terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap bahagian mengandungi dua (2) modul. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTPS 1.0 adalah seperti berikut:

BAHAGIAN A

Modul 1 : *Advocating Integrity and Ethics in the Boardroom.*

Modul 2 : *Roles and Responsibilities of Company Secretaries in Combating Money Laundering and Terrorism Financing.*

BAHAGIAN B


Modul 3 : *Company Secretary: Walking the Balance between Professionalism and Performance.*

Modul 4 : *Integrating Corporate Governance into Company Operations.*

BAHAGIAN C

Modul 5 : *Company Director Responsibilities under Income Tax Act 1967.*

Modul 6 : *Understanding Financial Statement for Company Secretaries.*




Peserta Company Secretaries Training Programme Significant dari tahun 2015 hingga 2017

5. CONTINUING EDUCATION PROGRAMME (CEP)

Continuing Education Programme (CEP) direka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS 2016, sektor korporat dan pemain utama sektor ekonomi. Program tersebut telah direka untuk lembaga

pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional, pereka cipta dan usahawan.



Peserta Continuing Education Programme dari tahun 2015 hingga 2017

6. PROGRAM LATIHAN DALAMAN YANG DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI

COMTRAC turut menjalankan program latihan dalaman untuk lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi dan sambutan adalah amat memberangsangkan. Sebanyak 16 (2016: 19) latihan

dalam untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan dengan jumlah peserta seramai 1,059 orang (2016: 880) yang merangkumi tajuk-tajuk berikut:

NO.	PROGRAM	ORGANISASI
1.	<i>Highlights of Companies Act 2016</i>	<i>Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC)</i>
2.	<i>Companies Act 2016</i>	<i>Malaysian Associations of Tax Accountants (MATA)</i>
3.	<i>Corporate Directors Leadership and Integrity Programme (CDLIP)</i>	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) – 2 sesi
4.	<i>Anatomy of Company under the new regime of Companies Act 2016 and managing the registered office, statutory books, returns and other documents under Companies Act 2016</i>	<i>TRICOR Corporate Services Sdn. Bhd.</i>
5.	<i>Seminar on Companies Act 2016</i>	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
6.	<i>Seminar on Companies Act 2016</i>	<i>Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA)</i>
7.	<i>Companies Act 2016 and Understanding Financial Statements for Company Directors</i>	<i>MATRIX Concepts Holding Berhad</i>
8.	<i>Seminar on Companies Act 2016</i>	Lembaga Tabung Haji
9.	<i>Company Director Training Programme Essential</i>	<i>PIJ Holdings Sdn. Bhd.</i>
10.	<i>Seminar on Companies Act 2016</i>	<i>Johor Corporation</i>
11.	<i>Seminar on Companies Act 2016</i>	<i>Talam Transform Berhad</i>
12.	<i>Corporate Insolvency & Corporate Rescue</i>	Suruhanjaya Tenaga
13.	<i>Key Offences under the Companies Act 2016 & Role and Responsibilities of Directors, Auditors and Company Secretaries under the Companies Act 2016</i>	<i>TRICOR Corporate Services Sdn. Bhd.</i>
14.	<i>Company Director Training Programme Essential</i>	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
15.	<i>Seminar on Companies Act 2016</i>	UEM Group Berhad

7. KERJASAMA DENGAN BADAN PROFESIONAL DAN ORGANISASI

COMTRAC masih meneruskan pendekatan kerjasama yang meluas dengan pihak berkepentingan. Pada tahun 2017, COMTRAC telah bekerjasama dengan satu (1) organisasi bagi

pelaksanaan dua (2) program latihan bersama dengan jumlah penyertaan seramai 116 peserta seperti jadual di bawah:

NO.	PROGRAM	ORGANISASI
1.	<i>SSM-IACS Joint Seminar on "Roles & Responsibilities of Directors, Company Secretaries and Auditors & Compliance Requirements Under Companies Act 2016" di Johor Bahru, Johor.</i>	<i>Institute of Approved Company Secretaries (IACS)</i>
2.	<i>SSM-IACS Joint Seminar on "A Practitioner's Guide on Company Meetings Under the Companies Act 2016" di Sibu, Sarawak.</i>	<i>Institute of Approved Company Secretaries (IACS)</i>

8. CORPORATE TEA TALKS

Program 'Corporate Tea Talk Series' merupakan inisiatif untuk menyediakan latihan percuma terutamanya bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan profesional korporat dan usahawan tentang perkembangan pembaharuan

undang-undang. Sebanyak tiga (3) (2016: 8) program telah diadakan pada tahun 2017 yang dihadiri oleh seramai 785 (2016: 1,368) orang peserta. Topik-topik adalah seperti jadual di bawah:

NO.	PROGRAM	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1.	<i>Corporate Tea Talk: Companies Act 2016</i>	1	210
2.	<i>Corporate Tea Talk: Implementation of MyCOID</i>	1	350
3.	<i>Corporate Tea Talk: Companies Act 2016</i>	1	225
Jumlah		3	785

PROGRAM LATIHAN SSM BERKAITAN 'MEMULAKAN PERNIAGAAN' DAN 'PENGENALAN KEPADA AKTA SYARIKAT 2016'

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat SSM, COMTRAC telah meneruskan usahanya menyediakan latihan percuma untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan graduan, penuntut

institusi pengajian tinggi dan usahawan baharu untuk mendorong semangat keusahawanan. Sebanyak 81 program dengan 6,285 penyertaan pada tahun 2017.

KOLABORASI STRATEGIK SSM BERSAMA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Universiti Teknologi MARA

Program Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera merupakan program khas kolaborasi di antara SSM dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus Negeri Sembilan bertujuan untuk memberi latihan serta pembelajaran kepada alumni UiTM yang bermingat untuk meneruskan kerjaya sebagai seorang Setiausaha Syarikat. Program selama lima [5] hari ini dipadatkan dengan kelas, slot perkongsian ilmu bersama pengamal serta lawatan ke premis setiausaha syarikat terpilih untuk tujuan pendedahan sebelum menduduki ujian bertulis dan lulus sesi temuduga untuk mendapatkan lesen setiausaha syarikat yang sah.



Universiti Malaysia Kelantan

Corporate Directors Training Programme (CDTP) Siri 3 bagi tahun 2017 telah dianjurkan oleh UMK Entrepreneurship Institute, Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama SSM. Program ini bertujuan untuk memberi gambaran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan yang lebih jelas kepada pelajar terutamanya pengarah-pengarah syarikat mahasiswa dari seluruh Universiti Awam dalam memastikan syarikat yang dijalankan oleh mereka mengikuti lunas undang-undang dan peraturan dari semasa ke semasa di samping giat dalam aspek-aspek seperti pemasaran, sumber manusia dan kewangan.

Program Anjuran
**BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
TAHUN 2017**

Program
Companies Act 2016

Tarikh/Tempat

16 Januari 2017,
Auditorium Tun Dr. Siti
Hasmah, Menara SSM@
Sentral, Kuala Lumpur



Program
*Closing of Companies
& Limited Liability
Partnerships*

Tarikh/Tempat

23 Februari 2017,
Bilik Enggang, Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur



3.



Program
*Corporate Directors
Training Programme
Fundamental 1.0*

Tarikh/Tempat

23 Februari 2017,
Bilik Merak, Tingkat 18,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

4.



Program
*SSM Compass on
Companies Act 2016 &
Interest Schemes Act 2016*

Tarikh/Tempat

1 Mac 2017,
Hotel Cititel,
Pulau Pinang

Program
*No Par Value & Issuance
of Shares and Others
Securities*

Tarikh/Tempat

2 Mac 2017,
Hotel Puteri Pacific,
Johor Bahru, Johor



Program
*Corporate Directors
Training Programme
Fundamental 1.0*

Tarikh/Tempat

8 Mac 2017,
Hotel Hilton, Kuching,
Sarawak

6.



Program
*SSM Compass on
Companies Act 2016 &
Interest Schemes Act 2016*

Tarikh/Tempat

21 – 23 Mac 2017,
Hotel Promenade,
Kota Kinabalu, Sabah

7.



Program
*SSM Compass on
Companies Act 2016 &
Interest Schemes Act 2016*

Tarikh/Tempat

16 Mac 2017,
TH Hotel & Convention
Centre, Kuala Terengganu



Program
*Company Secretaries
Training Programme
Essential 1.0*

Program Anjuran
**BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
TAHUN 2017**

Program

*Awareness Programme
on Companies Act 2016
For SME Association of
Malaysia*

Tarikh/Tempat

24 Mac 2017,
Auditorium Tun Dr. Siti
Hasmah, Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

9.



Program

*Lunch Talk –
How To Manage Stress*

Tarikh/Tempat

28 Mac 2017,
Auditorium Tun Dr. Siti
Hasmah, Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

10.



11.



Program

*SSM National Interest
Schemes Conference 2017*

Tarikh/Tempat

30 Mac 2017,
Berjaya Times Square
Hotel, Kuala Lumpur

12.



Program

*Inspection on Competency
of Company Secretary*

Tarikh/Tempat

4 - 5 April 2017,
Bilik Merak, Tingkat 18,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

Program

*Companies Act 2016.
What's New For Company
Secretaries?*

Tarikh/Tempat

3 April 2017,
Hotel Hilton, Kuching,
Sabarawak

13.



Program

*Company Secretaries
Training Programme
Essential 1.0*

Tarikh/Tempat

4 - 6 April 2017,
Bilik Enggang, Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

14.



15.



Program

*SSM Compass on
Companies Act 2016 &
Interest Schemes Act 2016*

Tarikh/Tempat

6 April 2017,
Hotel Promenade,
Kota Kinabalu, Sabah

16.



Program

*Protocol and Event
Management*

Tarikh/Tempat

13 - 14 April 2017,
Bilik Merak, Tingkat 18,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

Program Anjuran
**BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
TAHUN 2017**

Program

The Company Director – Expanded Duties & Responsibilities Under Companies Act 2016

Tarikh/Tempat

11 April 2017,
Kinta Riverfront Hotel &
Suites, Ipoh, Perak



19.



Program

Business Premises Inspection

Tarikh/Tempat

18 - 19 April 2017,
Bilik Latihan Korporat,
Tingkat 13,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

Program

Awareness Programme on MyCoLD 2016

Tarikh/Tempat

12 April 2017,
Auditorium Tun Dr. Siti
Hasmah, Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

18.



Program

SSM Sarawak Seminar 2017

Tarikh/Tempat

4 Mei 2017,
Hotel Hilton, Kuching,
Sarawak

21.



Program

Program Latihan Sistem MyCoLD 2016 E-Charge

Tarikh/Tempat

9 Mei 2017,
Bilik Latihan IT,
Tingkat 13,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

22.



23.



Program

Awareness Programme on Companies Act 2016 For SME Association of Malaysia and Malaysia Retail Chain Association

Tarikh/Tempat

11 Mei 2017,
Auditorium Tun Dr. Siti
Hasmah, Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

24.



Program

Seminar on Companies Act 2016 For Lembaga Tabung Haji

Tarikh/Tempat

11 Mei 2017,
Dewan Tabung Haji,
Lembaga Tabung Haji,
Kuala Lumpur

Program Anjuran

BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN TAHUN 2017

Program

Chargers: Registration, Compliance & Practice

Tarikh/Tempat

20 Julai 2017,
Bilik Enggang,
Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

33.



Program

Program Pemantapan
Kecemerlangan
Kepimpinan SSM (All
Stars) 2017

Tarikh/Tempat

3-7 Ogos 2017,
The Frangipani Langkawi
Resort and Spa,
Langkawi, Kedah

34.



Programme
*SSM National Conference
2017*

Date/Venue

22 & 23 Ogos 2017,
Sunway Resort Hotel &
Spa, Selangor



Program

*Lunch Talk: Hijrah Minda
Transformasi Organisasi*

Tarikh/Tempat

6 September 2017,
Dewan Utama,
Tingkat 14,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

Programme
*SSM National Insolvency
Conference 2017*

Date/Venue

3 Oktober 2017,
Berjaya Times Square
Hotel,
Kuala Lumpur



Program
*ICT Matters – Dasar
Keselamatan ICT*

Tarikh/Tempat

11 Oktober 2017,
Dewan Utama,
Tingkat 14,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur



Program
*Interest Schemes Act 2016
& Guidelines*

Tarikh/Tempat

16 Oktober 2017,
Bilik Enggang,
Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur



Program
*Company Secretaries
Training Programme
Essential 1.0*

Tarikh/Tempat

24 – 26 Oktober 2017,
Dewan Utama, Tingkat 14 &
Bilik Enggang, Tingkat 10,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

Program Anjuran

**BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
TAHUN 2017**

41.



Program

Melestari Setiausaha
Syarikat Bumiputera Sesi
Ke-2 Tahun 2017 [Siri No.5]

Tarikh/Tempat

23 - 27 Oktober 2017,
Fakulti Sains Pentadbiran
dan Pengajian Polisi
(FSPPP), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan,
Kampus Seremban 3

42.



Program

*Effective Presentation
and Public Speaking
Skills 2017*

Tarikh/Tempat

30 - 31 Oktober 2017,
Bilik Merak, Tingkat 18,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

Program

*Corporate Directors
Training Programme
Fundamental 1.0*

Tarikh/Tempat

1 November 2017,
Hotel Promenade,
Kota Kinabalu, Sabah

43.



Program

*AGM, Account, Annual
Return Under the
Companies Act 2016*

Tarikh/Tempat

2 November 2017,
Hotel Promenade,
Kota Kinabalu, Sabah

44.



Program

*English For Business
Communication
(Recording Statements)
Siri No.15*

Tarikh/Tempat

15-16 November 2017
Bilik Merak, Tingkat 18,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

45.



Program

*English For Business
Communication
(Recording Statements)
Siri No.15*

Tarikh/Tempat

3 November 2017,
Bilik Pengurusan,
Tingkat 12, Menara SSM@
Sentral, Kuala Lumpur

46.



Program

*Interview & Body
Language Technique*

Tarikh/Tempat

15-16 November 2017
Bilik Merak, Tingkat 18,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

Program

*Course Content Review
2018*

Tarikh/Tempat

22-24 November 2017,
Hotel Dorsett, Putrajaya

47.



Program

*Microsoft Office
(Excel & PowerPoint) –
Intermediate Level*

Tarikh/Tempat

28-30 November 2017,
Bilik Latihan IT,
Tingkat 13,
Menara SSM@Sentral,
Kuala Lumpur

48.



INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

PENGUATKUASAAN AKTA SYARIKAT 2016 DAN AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016

Akta Syarikat 2016 (AS 2016) telah berkuatkuasa bermula pada 31 Januari 2017 kecuali seksyen 241 dan Divisyen 8 Bahagian III. AS 2016 telah menggantikan Akta Syarikat 1965 (AS 1965). Manakala peruntukan berhubung skim kepentingan pula yang sebelum ini berada di bawah Divisyen 5 Bahagian 4 AS 1965 digantikan dengan Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK 2016) untuk menyediakan rangka kerja yang lebih menyeluruh bagi menangani produk-produk pelaburan yang lebih kompleks dan rumit dengan perundangan yang lebih mantap.

Selaras dengan penguatkuasaan kedua-dua Akta, SSM telah mengeluarkan peraturan-peraturan baharu di bawah AS 2016 dan ASK 2016 diikuti dengan beberapa arahan amalan, garis panduan dan maklum balas kepada soalan-soalan lazim (FAQs) seperti yang diilustrasikan dalam Diagram A.

DIAGRAM A:

Peraturan-peraturan Baharu, Arahan Amalan, Garis-garis Panduan dan Soalan Lazim (FAQs) yang dikeluarkan selepas AS 2016 dan ASK 2016 dikuatkuasakan



Perundingan Awam

Perundingan awam telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan dan komen pihak berkepentingan dan orang ramai mengenai rangka kerja perundungan yang dicadangkan atau dasar undang-undang yang akan dilaksanakan.

Pada tahun 2017, SSM telah mengeluarkan empat (4) dokumen rundingan iaitu:

- (a) Dokumen Rundingan Kajian Semula Akta Pendaftaran Perniagaan 1956;
- (b) Dokumen Rundingan Berkaitan Garis Panduan Skim Kepentingan;

- (c) Dokumen Rundingan Berkaitan Garis Panduan Perakaunan Skim Kepentingan; dan
- (d) Rundingan Awam Bagi Pengenalan Rang Undang-Undang Pendaftaran Sekuriti Harta Peribadi (Personal Property Securities Registration) di Malaysia.

Butiran setiap dokumen rundingan adalah seperti di Diagram B.

DIAGRAM B:

Dokumen Rundingan Yang Dikeluarkan Dalam Tahun 2017

Dokumen Rundingan 01	Dokumen Rundingan 02	Dokumen Rundingan 03	Dokumen Rundingan 04
<p>Kajian Semula Akta Pendaftaran Perniagaan 1956</p> <ul style="list-style-type: none">• Inisiatif SSM untuk memodenkan APP 1956 ke arah menyediakan persekitaran yang kondusif dan dinamik bagi perniagaan untuk berkembang.• 21 kenyataan dasar dicadangkan untuk dipertimbangkan sebagai asas untuk menformulasikan proses dan prosedur pendaftaran perniagaan yang lebih cekap. 	<p>Garis Panduan Skim Kepentingan</p> <ul style="list-style-type: none">• Menyediakan garis panduan yang lebih berkesan dan komprehensif untuk mengawal selia aktiviti skim kepentingan secara meluas.• Menetapkan dasar bagi mengawal selia skim kepentingan di bawah ASK 2016 berhubung pendaftaran, pengurusan, proses dan penamatan yang perlu dipatuhi oleh syarikat pengurusan dan pemegang amanah yang diluluskan.• Berfungsi sebagai rujukan utama ke atas mana-mana garis panduan subsidiari yang dikeluarkan secara berasingan untuk memenuhi keperluan sebarang kategori skim kepentingan. 	<p>Garis Panduan Perakaunan Skim Kepentingan</p> <ul style="list-style-type: none">• Disediakan bagi menggariskan parameter pematuhan berkaitan dengan keperluan kewangan bagi tujuan pemohonan skim kepentingan berdaftar.• Merupakan garis panduan subsidiari kepada Garis Panduan Skim Kepentingan. 	<p>Pengenalan Rang Undang-Undang Pendaftaran Sekuriti Harta Peribadi di Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none">• Menyediakan cadangan berhubung pengenalan kerangka kerja undang-undang melibatkan <i>secured transaction</i> dan penubuhan <i>unified collateral registry</i> di Malaysia.• Menyediakan saranan am mengenai kesesuaian untuk melaksanakan rangka kerja pendaftaran sekuriti di Malaysia dengan berpandukan latar belakang keseluruhan mengenai rangka kerja yang dicadangkan berserta cadangan undang-undang untuk diterima pakai. 

PROGRAM KESEDARAN AWAM PENDAFTARAN HARTA BERCAGAR (PPSR)

Pada 8 Mei 2017, SSM telah mengadakan program kesedaran mengenai pengenalan terhadap Undang-Undang Pendaftaran Harta Bercagar di Malaysia:

- (a) Program Kesedaran PPSR untuk pihak berkepentingan iaitu jabatan-jabatan kerajaan, badan profesional dan Badan Peguam; dan
- (b) Program Kesedaran PPSR untuk sektor perbankan.

Pembentangan utama bagi program kesedaran ini dikendalikan oleh Profesor Michael Gedye dari Universiti of Auckland, New Zealand. Profesor Gedye memperkenalkan intipati utama dalam rangka kerja transaksi terjamin yang diamalkan di negara-negara seperti Kanada, New Zealand, Australia dan Amerika Syarikat. Program kesedaran ini selaras dengan inisiatif yang sedang dijalankan oleh SSM untuk membangunkan Rang Undang-Undang Pendaftaran Harta Bercagar di Malaysia.

PASUKAN PETUGAS TINDAKAN KEWANGAN (FATF)

Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) adalah sebuah badan antara kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1989 dengan tujuan untuk menetapkan piawaian dan mempromosikan pelaksanaan undang-undang, pengawalseliaan dan operasi yang efektif untuk memerangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan ancaman-ancaman lain yang berkaitan dengan keutuhan sistem kewangan antarabangsa.

Malaysia telah diberikan keahlian penuh FATF semasa sesi Plenary FATF pada bulan Februari 2016 berdasarkan komitmen yang ditunjukkan melalui pelan tindakan dan penambahbaikan yang berterusan dalam usaha Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT).

Dalam tahun 2017, SSM dan Bank Negara Malaysia serta beberapa agensi lain telah mewakili Malaysia di dalam dua (2) program yang dianjurkan oleh FATF iaitu:

- (a) FATF Forum Perundangan Sektor Swasta 2017 (NPOs) yang telah diadakan dari 20 hingga 22 Mac 2017 di Vienna, Austria; dan
- (b) FATF Mesyuarat Pleno dan Kumpulan Kerja dari 19 hingga 23 Jun 2017 di Valencia, Sepanyol.

SSM terus menyokong usaha AML/CFT Malaysia dengan menyertai program yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu agensi utama yang menggerakkan inisiatif AML/CFT Malaysia iaitu:

- (a) Pencegah Pengubah Wang Haram dan Pencegah Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) sesi perbincangan bersama syarikat-syarikat Amanah yang telah diadakan pada 15 Mac 2017 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia; dan
- (b) Bengkel Serantau APG (Kumpulan Asia Pasifik dalam Pengubah Wang Haram) bertajuk "*The Exploitation of Non-Profit Organizations (NPOs) For Terrorist Finance*" yang diadakan dari 24 hingga 25 November 2017.

Dalam tahun 2017, SSM turut terlibat dalam kaji selidik berkaitan AML/CFT:

- (a) Kajian Domestik NPO dan Penilaian Risiko Kebangsaan 2017 yang dijalankan oleh Jawatankuasa Koordinasi Kebangsaan Untuk Menghadapi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Komuniti Penyelaras Kebangsaan Untuk Menghadapi) atau dikenali sebagai NCC;
- (b) Kajian susulan Laporan Penilaian Mutual Malaysia 2015, yang menfokuskan kepada pematuhan teknikal ke atas cadangan-cadangan FATF. Inisiatif yang diambil oleh Bank Negara Malaysia ini adalah berdasarkan kepada *The National Anti-Money Laundering, Counter Financing of Terrorism and Counter Proliferation Financing Strategic Plan 2015-2020*; and
- (c) Kajian mendatar dan penguatkuasaan *Beneficial Ownership* yang dijalankan oleh Kumpulan Pembangunan Dasar (PDG) iaitu kumpulan kerja di bawah FATF.

BANK DUNIA "EASE OF DOING BUSINESS REPORT" 2018

Laporan Bank Dunia "Ease of Doing Business" 2018 (DB2018) merupakan siri ke-15 laporan tahunan yang mengukur aspek-aspek peraturan perniagaan dan impaknya ke atas penubuhan dan operasi sesebuah perniagaan melibatkan ekonomi 190 negara. Tumpuan utama laporan DB2018 adalah "mempromosikan pembaharuan undang-undang yang memperkasakan keupayaan sektor swasta untuk mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi untuk lebih berkembang."

DB2018 melaporkan Malaysia berada pada kumpulan 25 negara teratas dalam iklim dunia perniagaan yang memberangsangkan. Malaysia menduduki tempat ke-24 di kalangan 190 negara berbanding kedudukan ke-23 pada tahun sebelumnya. Walaupun terdapat sedikit penurunan, keseluruhan skor Distance to Frontier (DTF)

Malaysia mencatat peningkatan sebanyak 0.96, iaitu dari 77.47 pada tahun sebelumnya kepada 78.43 tahun ini. Skor DTF mengukur jarak setiap negara ke "negara sempadan" iaitu negara yang mempunyai prestasi terbaik bagi setiap petunjuk (*indicator*) di antara semua negara yang terlibat sejak DB2015. Daripada 25 negara teratas, hanya Malaysia dan 10 negara yang lain mencatat peningkatan dalam skor DTF. (Sumber: *Malaysia in Doing Business 2018 - 15th Edition*).

Dalam usaha memperbaiki kedudukan Malaysia, SSM terlibat secara aktif dan menyediakan input bagi tujuan penilaian DB 2018 yang melibatkan empat (4) bidang penilaian spesifik iaitu Memulakan Perniagaan, Menyelesaikan Insolvensi, Mendapatkan Kredit dan Melindungi Kepentingan Minoriti.

DIAGRAM C:

Penglibatan SSM Dalam 4 Bidang Utama Penilaian Untuk Memperbaiki Kedudukan Malaysia di "Doing Business Report" 2018

Penglibatan SSM Dalam 4 Bidang Utama Penilaian Untuk Membaiki Kedudukan Malaysia di dalam Doing Business 2018

Memulakan Perniagaan

- Penglibatan dalam Bengkel APEC untuk memula perniagaan: Permudahan Pemerbadanan Dan Pendaftaran Perniagaan
- Perbincangan Bersama Bank Dunia: Memperbaiki *Doing Business 2018*
- Perbincangan dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kastam DiRaja Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk menyelesaikan isu mengenai Bank Dunia *Doing Business 2017*
- Perbincangan bersama pihak berkepentingan seperti Setiausaha Syarikat berkaitan MyCoID

**BANK DUNIA
"DOING BUSINESS REPORT" 2018**

FOKUS UTAMA
"Mempromosikan pembaharuan undang-undang yang akan memperkasakan keupayaan sektor swasta untuk mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi untuk lebih berkembang"

Mendapatkan Kredit

- Penglibatan dalam Kumpulan Fokus Pemudah untuk mendapatkan kredit (FGGC)
- Mendorong dokumen Perundingan mengenai Pengenalan Undang-Undang Pendaftaran Sekuriti Bercagar di Malaysia

Melindungi Kepentingan Minoriti

- Empat (4) siri perbincangan bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Bank Dunia

Menyelesaikan Insolvensi

- Penglibatan aktif dalam Kumpulan Fokus Menyelesaikan Insolvensi (FGRI)
- Draf Peraturan Syarikat (Mekanism Penyelamat Korporat) 2017 yang perlu dikuatkuasa serentak dengan Divisyen 8 Bahagian 3 AS 2016



PENILAIAN KESAN PENGAWAL SELIAAN (RIA)

Penilaian Kesan Pengawal Seliaan (RIA) adalah proses menyemak dan menilai kesan yang dijangka daripada perundungan yang dicadangkan serta pelbagai pilihan alternatif yang dapat memenuhi objektif polisi yang dibangunkan oleh pegawai selia.

Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pengawal selia kebiasaannya mempunyai kesan meluas di antara kumpulan-kumpulan kepentingan yang berbeza. Oleh itu, RIA boleh membantu pengawal selia untuk lebih memahami pihak yang akan menerima kesan pelaksanaan sesuatu polisi dan bagaimana ianya mempengaruhi kumpulan berkaitan.

Pada tahun 2017, SSM telah memulakan proses RIA untuk menyemak peraturan-peraturan berikut bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan yang maksimum:

(a) Semakan Akta Syarikat Amanah 1949;

- (b) Pindaan Peraturan (Pembubaran) Syarikat 1972;
- (c) Semakan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; dan
- (d) Pengenalan terhadap undang-undang Pendaftaran Sekuriti Bercagar.

Pada 25 dan 26 Julai 2017, SSM menjemput penceramah dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menjayakan bengkel berkenaan prosedur dan proses RIA. Jemputan bengkel terdiri daripada staff SSM dan jemputan daripada KPDKKK, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Bank Rakyat. Peserta-peserta bengkel diberi penerangan tentang pendekatan dan kaedah-kaedah yang disediakan untuk menyediakan Borang Pemberitahuan Kawal Selia (RNF) dan Penilaian Kesan Pengawal Seliaan (RIA).

Perubahan yang dibawa oleh Akta Skim Kepentingan 2016

ASK 2016 telah berkuatkuasa pada 31 Januari 2017. Tujuan memperkenalkan Akta baharu ini adalah untuk menyediakan satu undang-undang khusus untuk mengawal selia skim kepentingan sebagai satu platform pembiayaan alternatif dan model bagi penjanaan dana untuk memenuhi keperluan perniagaan dan usahawan di samping memastikan perlindungan terhadap pemegang kepentingan.

Antara perubahan utama yang diperkenalkan oleh ASK 2016 adalah:

- (a) Menggalakkan proses transformasi dalaman SSM untuk mewujudkan kaedah memproses permohonan skim yang telus, mampan, cekap dan mampu meneliti peserta pasaran yang sesuai.
- (b) Meningkatkan kuasa penguatkuasaan pendaftar seperti kuasa untuk menamatkan skim tidak berdaftar, kuasa untuk mengarah pembayaran pampasan, kuasa untuk campur tangan dalam hal pengurusan skim dan meningkatkan hukuman penalti yang bersifat pencegahan.
- (c) Meningkatkan tanggungjawab Syarikat Pengurusan untuk mentadbir skim kepentingan dan tanggungjawab pemegang amanah untuk mengawasi kepentingan pemegang kepentingan.

- (d) Memberi akses dan peluang kepada semua sektor ekonomi untuk terlibat dengan aktiviti penjanaan dana melalui skim kepentingan dengan membuka kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mendaftarkan skim kecil.
- (e) Menggalakkan skim kepentingan patuh Shariah, dengan menyediakan rangka kerja yang membolehkan prospektus atau perjanjian kontrak disediakan berdasarkan prinsip Shariah.

Jawatankuasa Kerja Industri Skim kepentingan

Tiga (3) sesi mesyuarat Jawatankuasa Kerja Industri Skim kepentingan (JKSK) telah diadakan pada tahun 2017 dan dihadiri oleh pelbagai pemain industri seperti pemegang amanah, setiausaha syarikat, peguam dan persatuan skim kepentingan. Salah satu matlamat utama mesyuarat dijalankan adalah untuk membincangkan maklumbalas industri terhadap dua (2) dokumen konsultatif yang merupakan asal usul kepada garis panduan induk yang akan diperkenalkan oleh SSM. Penglibatan bersama industri ini penting bagi mengelakkan kemungkinan impak kawalselia yang negatif terhadap industri tanpa menjelaskan matlamat utama untuk melindungi pelabur dan pemegang kepentingan.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2017

EzBiz

KPI	SASARAN	PENCAPAIAN	HASIL & IMPAK
Memastikan aktiviti pendaftaran perniagaan mematuhi piagam pelanggan yang ditetapkan.	<ul style="list-style-type: none"> Pendaftaran melalui kaunter 99% EzBiz Online 90% 	<ul style="list-style-type: none"> Pendaftaran melalui Kaunter 99.22% EzBiz Online 93.99% 	<ul style="list-style-type: none"> Sijil pendaftaran dan kelulusan dapat dikeluarkan dalam tempoh ditetapkan. Keperluan dan kehendak pelanggan terjamin.

Pencapaian Piagam Pelanggan Syarikat 2017

NO.	JENIS BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
1.	Pemerbadanan Syarikat	1 Hari	100
2.	Kelulusan Permohonan Nama	1 Hari	100
3.	Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam	1 Hari	100
4.	Perubahan Pertukaran Nama Syarikat	1 Hari	100
5.	Pertukaran Status Syarikat	1 Hari	100
6.	Pendaftaran Gadaian	2 Hari	100
7.	Kelulusan Surat Ikatan Amanah	5 Hari	100
8.	Pendaftaran Prospektus	3 Hari	100

MALAYSIA CORPORATE IDENTITY (MyCoID)

AS 2016 telah dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017. Selaras dengan penguatkuasaan AS 2016 ini, SSM telah menaik taraf portal MyCoID sedia ada kepada portal MyCoID 2016 pada 31 Januari 2017 bagi membolehkan pemerbadanan syarikat dibuat secara atas talian.


Perkhidmatan yang ditawarkan melalui portal MyCoID 2016 dan tarikh pelaksanaannya adalah seperti berikut:

NO.	PERKHIDMATAN	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Pendaftaran Pengguna	31 Januari 2017
2.	Permohonan nama syarikat	31 Januari 2017
3.	Pemerbadanan syarikat	31 Januari 2017
4.	Pelantikan setiausaha syarikat pertama	31 Januari 2017
5.	Penyata perumpukan syer	10 Februari 2017
6.	Daftar anggota	10 Februari 2017
7.	Serah Simpan Perlembagaan Syarikat serta <i>e-stamping</i>	1 Mac 2017
8.	Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar	31 Mac 2017
9.	Pemberitahuan perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha	31 Mac 2017
10.	<i>Reassignment of company secretary</i>	31 Mac 2017
11.	Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian	31 Mac 2017

Statistik MyCoID 2016 bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

NO.	TRANSAKSI	2017	2016	2015
1.	Permohonan nama syarikat	87,088	88,360	91,105
2.	Pemerbadanan syarikat	47,690	42,158	44,173
3.	Pelantikan setiausaha syarikat pertama	44,034	-	-
4.	Penyata perumpukan syer	36,190	-	-
5.	Daftar anggota	86,765	-	-
6.	Serah simpan perlembagaan syarikat serta <i>e-stamping</i>	4,058	-	-
7.	Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar	24,576	-	-
8.	Pemberitahuan perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha	77,129	-	-
9.	<i>Reassignment of company secretary</i>	5,455	-	-
10.	Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian	607	-	-
Jumlah		413,592	130,518	135,278

MyCoID



Dari jumlah permohonan yang diterima melalui portal MyCoID 2016, permohonan carian nama merupakan permohonan yang tertinggi iaitu sebanyak 21.06% berbanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Susulan daripada pelaksanaan portal MyCoID 2016 dan bagi memudahkan kemaskini alamat berdaftar syarikat, SSM telah menetapkan serah simpan alamat berdaftar syarikat dibuat secara mandatori melalui portal MyCoID 2016 berkuatkuasa pada 1 Disember 2017.

Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad

NO.	TRANSAKSI	2017	2016	2015
1.	Pendaftaran PLT baharu	3,995	3,207	2,841
2.	Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada PLT	102	95	88
3.	Penukaran daripada syarikat persendirian kepada PLT	35	45	39
Jumlah		4,132	3,347	2,968

PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

NO.	JENIS-JENIS PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN		
		2017	2016	2015
1.	Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2) dan 340(4) AS 2016	1,965	881	736
2.	Permohonan pelantikan proksi	1	2	2
3.	Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan penyata kewangan beraudit dan laporan pengarah di bawah seksyen 255(1) AS 2016	155	147	141
4.	Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah seksyen 247(3) AS 2016	64	56	53
5.	Permohonan pengenepian (waiver) bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah seksyen 575(7) AS 2016	67	68	66
6.	Serah simpan <i>initial public offerings, abridged prospectus</i> dan dokumen lain yang berkaitan	880	562	631
7.	Serah simpan Borang 28A <i>Share Buy Back</i>	140	660	565
8.	Serah simpan Laporan Suku Tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat	98	114	159
Jumlah		3,370	2,490	2,353

SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN

Jumlah SBMJ sehingga 31 Disember 2017

Tanpa Berhad1,459
Dengan Berhad946

Statistik permohonan bagi mendapatkan kelulusan Menteri adalah seperti jadual di bawah:

NO.	JENIS-JENIS PERMOHONAN KELULUSAN MENTERI	JUMLAH PERMOHONAN		
		2017	2016	2015
1.	Permohonan bagi memperbadankan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad'	58	75	96
2.	Permohonan bagi memperbadankan SBMJ dengan perkataan 'Berhad'	51	58	74
3.	Permohonan untuk menggugurkan perkataan 'Berhad'	2	3	5
4.	Permohonan untuk memiliki / menjual / mencagar tanah / harta tanah	188	58	47
5.	Permohonan bagi pelantikan pengarah baharu	366	212	226
6.	Permohonan untuk mendapatkan sumbangan / derma dari orang ramai	17	20	13
7.	Permohonan untuk pindaan Perlembagaan syarikat	71	81	70
Jumlah		753	507	531

NO.	JENIS-JENIS PERMOHONAN KELULUSAN PENDAFTAR	2017
1.	Permohonan kelulusan Pendaftar bagi pelantikan pengarah baharu	34
2.	Permohonan kelulusan Pendaftar untuk mendapatkan sumbangan / derma dari orang ramai	1
3.	Permohonan kelulusan Pendaftar untuk pindaan Perlembagaan syarikat	8
Jumlah		43

SKIM KEPENTINGAN

NO.	PERMOHONAN	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
1.	Kelulusan Surat Ikatan Amanah	5 Hari	100%
2.	Pendaftaran Prospektus	3 Hari	100%


Pecahan status permohonan adalah seperti berikut:




Secara keseluruhannya, bilangan skim kepentingan berdaftar telah meningkat kepada 205 skim dengan nilai anggaran berjumlah RM23.7 bilion. Jadual di

bawah menunjukkan statistik skim kepentingan berdaftar di Malaysia:

Statistik Pendaftaran Skim



Penamatan Skim Kepentingan Berdaftar



GADAIAN



STATISTIK PENDAFTARAN GADAIAN



STATISTIK PENDAFTARAN PELEPASAN GADAIAN

PENGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA SYARIKAT

KATEGORI		2017	2016	2015
	Penggulungan:			
1.	Syarikat yang digulungkan	2,169	2,764	2,363
2.	Syarikat yang dibubarkan	1,634	1,866	1,797
	Pembatalan Nama Syarikat:			
1.	Syarikat yang dibubarkan	58,712	56,243	30,643

PENGURUSAN ASET BAGI SYARIKAT BUBAR

KATEGORI		2017	2016	2015
1.	Permohonan untuk Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016	34	24	23
2.	Peletakhakan aset di bawah seksyen 557 AS 2016	5	26	60
3.	Permohonan pembelian aset syarikat bubar di bawah seksyen 558 AS 2016	6	1	4
Jumlah		45	51	87


PAKEJ INSENTIF ORANG KELAINAN UPAYA

PAKEJ INSENTIF OKU				
TAHUN	2017	2016	2015	
Transaksi	322	312	9	


PERKHIDMATAN KAUNTER - PENDAFTARAN PERNIAGAAN

BORANG	JUMLAH PENDAFTARAN DI KAUNTER		
	2017	2016	2015
BORANG A (PENDAFTARAN PERNIAGAAN)	361,600	365,431	364,230
BORANG A1 (PEMBAHARUAN PERNIAGAAN)	620,246	426,845	372,186
BORANG B (PERUBAHAN MAKLUMAT PERNIAGAAN)	209,104	205,195	223,744
BORANG C (PENAMATAN PERNIAGAAN)	48,632	30,547	35,450
JUMLAH	1,239,582	1,028,018	995,610

Serahsimpan Dokumen Berbayar



Serahsimpan Dokumen Tanpa Bayaran



Aktiviti KBPP di negeri-negeri pada tahun 2017

NEGERI	KEKERAPAN	PENDAFTARAN PERNIAGAAN BAHRU	PERUBAHAN MAKLUMAT	PEMBAHARUAN PERNIAGAAN
Kuala Lumpur	80	504	254	37
Labuan	1	0	0	0
Perlis	23	109	12	36
Terengganu	113	1,972	541	1,926
Melaka	135	1,020	156	526
Pahang	59	1,113	609	1,759
Negeri Sembilan	108	1,600	415	1,742
Kedah	263	6,609	2,287	9,564
Kelantan	103	2,446	628	3,567
Perak	133	4,187	1,857	4,421
Pulau Pinang	90	3,217	1,735	6,541
Selangor	81	2,068	530	822
Johor	221	6,292	2,862	6,740
Jumlah	1,410	31,137	11,886	37,681

**KAUNTER PERKHIDMATAN
DI KPDKKK PUTRAJAYA**

Jumlah transaksi mengikut tahun

2017	2016	2015
TRANSAKSI		
108,640 (Kaunter) 8,234 (EzBiz OTC)	141,052	101,142

KAUNTER PERKHIDMATAN DI CYBERJAYA

Jumlah transaksi mengikut tahun

2017	2016	2015
TRANSAKSI		
7,984 (Kaunter) 142 (EzBiz OTC)	782 (Kaunter)	-

**PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)
KUALA LUMPUR, MELAKA, PAHANG DAN TERENGGANU**

UTC	2017		2016		2015	
	Syarikat	Perniagaan	Syarikat	Perniagaan	Syarikat	Perniagaan
	Transaksi		Transaksi		Transaksi	
Kuala Lumpur	-	141,108	-	103,387	2,605	164,510
Melaka	10	313,214	59	12,461	478	9,904
Pahang	-	11,285	-	29,341	-	23,657
Terengganu	12,765	38,838	6,362	12,048	-	-

Pendaftaran Pengguna EzBiz Online

AKTIVITI	2017		2016	
	Pendaftaran Pengguna	144,952	Pendaftaran Pengguna	47,193

Transaksi SSM e-Info

TAHUN	TRANSAKSI
2017	1,612,774
2016	1,958,801
2015	1,655,076

Transaksi MyDATA-SSM

TAHUN	TRANSAKSI
2017	1,251,964
2016	2,195

Data Maklumat Korporat dan Perniagaan (CBID)

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN
2017	128
2016	452
2015	638

EzBiz Kiosk

NO.	LOKASI	UNIT	TARIKH OPERASI
1.	SSM Selangor	2	6 Januari 2017
2.	SSM Johor	2	10 Januari 2017
3.	SSM Pulau Pinang	2	20 Januari 2017
4.	SSM Kedah	1	
5.	SSM Kelantan	2	
6.	SSM Melaka	1	
7.	SSM UTC Melaka	1	
8.	SSM Negeri Sembilan	1	
9.	SSM Pahang	1	
10.	SSM UTC Pahang	1	
11.	SSM Perak	2	1 Julai 2018 (Tarikh Sasaran)
12.	SSM Perlis	1	
13.	SSM UTC Terengganu	1	
14.	SSM Muar, Johor	2	
15.	SSM Temerloh, Pahang	1	
16.	SSM KPDKKK, Putrajaya	1	
17.	SSM Kedah, Sungai Petani	1	
18.	SSM Kedah, Langkawi	1	

EzBiz KIOSK

Transaksi EzBiz Kiosk mengikut aktiviti sehingga 31 Disember 2017



● Pembayaran Kompaun



● Pembaharuan Perniagaan



● Pembelian Maklumat Perniagaan

ALTERNATIF e-PERKHIDMATAN LAIN

Bank Simpanan Nasional

TAHUN	TRANSAKSI
2017	122,255
2016	70,900
2015	58,215

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia

TAHUN	TRANSAKSI
2017	4,361
2016	98

PRODUK

SSM BizTrust

Pelaksanaan projek SSM BizTrust merupakan salah satu projek utama bagi tahun 2017. SSM BizTrust telah dilancarkan secara rasmi oleh YB. Menteri kpdnkk pada 20 Julai 2017 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kampus Kuantan, Pahang. Ianya diperkenalkan sejajar dengan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan tahap keyakinan pengguna terutamanya para peniaga dalam talian bagi merangsang pertumbuhan ekonomi serta perniagaan e-dagang di Malaysia.

SSM BizTrust merupakan satu piawaian yang ditawarkan secara dalam talian oleh SSM kepada mana-mana entiti perniagaan samada syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad yang menggunakan medium laman web atau media sosial dan entiti perniagaan tersebut telah mematuhi prinsip dan kriteria SSM BizTrust iaitu pendaftaran, privasi dan keselamatan web perniagaan mereka.

SSM BizTrust dibangunkan berdasarkan:

- 

PRINSIP PENDAFTARAN
Entiti telah berdaftar dan mempunyai kredibiliti yang baik dengan SSM serta mematuhi amalan perniagaan selari dengan prinsip pendaftaran SSM BizTrust.
- 

PRINSIP KESELAMATAN
Entiti menunjukkan kebolehan untuk melindungi keselamatan sistem selaras dengan prinsip keselamatan SSM BizTrust.
- 

PRINSIP PRIVASI
Entiti menunjukkan kebolehan untuk melindungi privasi para pelanggan selaras dengan prinsip privasi SSM BizTrust.

SSM BizTrust menyediakan platform kepada para peniaga dalam talian bagi mendapatkan pensijilan BizTrust melalui logo (*seal*) yang akan dipaparkan pada laman web perniagaan mereka. Manakala satu pautan (*link*) akan dibekalkan untuk paparan pada laman media sosial perniagaan mereka. Melalui paparan logo dan pautan ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan para pelanggan yang menjalankan urusniaga dengan peniaga-peniaga dalam talian.

Setelah mendapat kelulusan permohonan oleh SSM, syarikat, perniagaan atau PLT boleh memaparkan meterai BizTrust SSM di laman web/laman media sosial peniaga. Dengan memaparkan meterai BizTrust tersebut, perniagaan dalam talian akan mendapat kepercayaan dan keyakinan pelanggan semasa membeli produk dan perkhidmatan melalui laman web/media sosial.

BizTrust ditawarkan dalam tiga (3) tahap:





Statistik SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2017

TAHAP 3	17
TAHAP 2	5
TAHAP 1	510




Sijil Memperingati

Pada tahun 2017, SSM telah mereka bentuk sembilan (9) corak baharu sijil peringatan bagi memperingati Ulangtahun SSM yang ke-15, tarikh 17 Julai 2017


bersempena dengan tarikh pelancaran Fasa 2 Transit Aliran Masa (MRT) yang melengkapkan jajaran Sungai Buloh-Kajang dan Hari Kemerdekaan yang ke-60 tahun.



Sijil-sijil peringatan Ulangtahun SSM yang ke-15



17 Julai 2017 - Pelancaran Fasa 2 Transit Aliran Masa (MRT)



Hari Kemerdekaan yang ke-60 tahun

PUSAT PANGGILAN SSM

TRANSAKSI	2017	2016	2015
Jumlah panggilan diterima	191,248	112,334	107,144
Jumlah e-mel diterima	78,592	30,351	28,714
Jumlah faks diterima	652	804	828
Jumlah	270,492	143,489	136,686

INISIATIF-INISIATIF BAHRU

Penasihat Perniagaan

Dalam merealisasikan hala tuju strategik SSM ke arah mencapai visi “Untuk Menjadi Pendaftar dan Pengawal Selia Korporat Terulung”, SSM secara konsisten merujuk kepada piawaian tertinggi yang dicapai oleh Pendaftar Korporat di seluruh dunia. Oleh itu, pengenalan Unit Penasihat Perniagaan telah diwujudkan sebagai sebahagian daripada peningkatan proses perniagaan di SSM.

Unit ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perundingan yang berkualiti dan holistik dengan memberikan maklumat terkini mengenai kemudahan proses persediaan perniagaan di Malaysia. Unit ini juga akan sentiasa bekerjasama dengan agensi kerajaan dan badan profesional lain untuk menambahbaik proses persediaan perniagaan.

Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (Skim 1P1P)

Skim 1P1P telah diwujudkan apabila YAB Perdana Menteri Malaysia, mengumumkan peruntukan geran

pendaftaran perniagaan sebanyak RM10 juta untuk tempoh sepuluh (10) tahun kepada para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.

Geran berjumlah RM10 juta ini akan diagihkan selama sepuluh (10) tahun bersamaan RM1 juta setiap tahun. Di bawah Skim 1P1P, pelajar yang mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah layak menikmati insentif daripada bayaran pendaftaran sebanyak RM30.00 bagi pendaftaran perniagaan atas nama seperti di kad pengenalan atau RM60.00 bagi pendaftaran perniagaan atas nama tred dan cetakan maklumat sebanyak RM10.60 (termasuk GST).

Hasil daripada permintaan yang tinggi dan sambutan yang menggalakkan daripada golongan pelajar, SSM telah mengstrukturkan semula peruntukan geran daripada dihadkan kepada RM1 juta untuk setiap tahun kepada peruntukan geran S1P1P berjumlah RM10 juta akan digunakan dalam tempoh sepuluh tahun atau sehingga peruntukan RM10 juta habis digunakan.

BILANGAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN DI BAWAH S1P1P MENGIKUT
PECAHAN BENTUK PERNIAGAAN

JENIS PERNIAGAAN	PENDAFTARAN
PEMILIKAN TUNGGAL	16,464
PERKONGSIAN	1,956
JUMLAH	18,420

SKIM 1P1P MENGIKUT JANTINA

2017	LELAKI	PEREMPUAN
JANUARI HINGGA JUN	5,431	6,465
JULAI	528	673
Ogos	630	501
SEPTEMBER	898	1,044
OKTOBER	806	971
NOVEMBER	566	966
DISEMBER	291	464
JUMLAH	9,150	11,084

Digital CTC


Produk salinan dokumen disahkan benar secara digital (*Digitally Certified True Copy*) bagi Salinan Imej Dokumen Berkanun Syarikat telah mula diperkenalkan bermula 31 Januari 2017 bagi menggantikan salinan dokumen yang dibekalkan melalui pengesahan secara manual. Salinan dokumen disahkan benar secara digital ini boleh diperolehi melalui portal MyData SSM di capaian <https://www.mydata-ssm.com.my>. Pihak-pihak berkepentingan telah dimaklumkan tentang pelaksanaan digital CTC ini. Antaranya adalah melalui edaran kepada pihak berkepentingan seperti agensi-agensi yang berkaitan, institusi kewangan, badan-badan profesional dan persatuan-persatuan.

Taklimat berkaitan kesedaran produk Digital CTC telah diadakan di seluruh Malaysia dari Januari hingga Jun 2017 di SSM Kuala Lumpur dan pejabat-pejabat negeri. Taklimat juga telah diberikan kepada pihak setiausaha syarikat di pelbagai negeri, Mahkamah Johor, Pihak Berkusa Tempatan di Selangor, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Kejayaan besar Produk Digital CTC ialah pengiktirafan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media (SKMM), dan *Malaysia Book of Records* (MBR) pada 17 Julai 2017 di mana MBR telah menyenaraikan SSM sebagai agensi pertama yang melaksanakan Digital CTC ini.



Sijil Pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR)



Surat Pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR)

Malaysia Book of Records (MBR) untuk Digital CTC. Pengiktirafan ini telah diumumkan oleh Menteri KPDNKK pada 29 Jun 2017 di Le' Meridien KL dan diraikan pada Majlis Salam Mesra Aidilfitri SSM pada 17 Julai 2017.

Inkubator

SSM dengan kerjasama RS Centre Cube Sdn. Bhd. telah mengambil inisiatif mewujudkan *one stop centre* atau inkubator yang bersifat sebagai pusat penyediaan perkhidmatan sewaan pejabat kepada peniaga-peniaga atas talian yang menetap di Sarawak untuk mendaftarkan perniagaan di bawah APP 1956. Permohonan pendaftaran perniagaan melalui inkubator untuk penduduk negeri Sarawak boleh dibuat di portal EzBiz Online.

Proses pendaftaran adalah sama dengan pendaftaran perniagaan melalui EzBiz Online cuma terdapat bayaran bagi perjanjian penyewaan yang dikenakan kepada pengguna yang bersetuju menggunakan perkhidmatan inkubator dan setiap perniagaan yang

berdaftar melalui inkubator mestilah menggunakan alamat utama perniagaan seperti berikut:

**LG-03, SME Technopreneur Center 3
Block 3740, Persiaran APEC, Cyber 8
63000, Cyberjaya, Selangor**

Pendaftaran perniagaan melalui inkubator juga telah dikembangkan di kalangan pelajar di bawah S1P1P di negeri Sarawak menerusi program YPGo dan KBPP. Sehingga Disember 2017 sebanyak 172 perniagaan telah didaftarkan menggunakan perkhidmatan inkubator.

PROGRAM TRANSFORMASI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah melalui proses transformasi secara menyeluruh. Salah satu aspek yang diberi keutamaan ialah permodenan prasarana teknologi maklumat.



Vforum 2017 telah mengiktiraf SSM melalui jemputan sebagai penceramah bagi slot “Data Center Modernisation”, yang berlangsung di Hotel One World pada 21 November 2017.



REDHAT APAC Innovation Awards melalui pembangunan Middleware Services pada 3 Oktober 2017 yang berlangsung di Hilton KL.

Pengiktirafan ini juga menggambarkan tahap keupayaan SSM dalam menggarap teknologi semasa dalam memastikan saluran penyampaian adalah berada pada tahap yang diharapkan. EzBiz Online merupakan satu inovasi yang telah diperkenalkan pada tahun 2015. EzBiz Online merupakan platform pendaftaran perniagaan dalam talian yang disediakan oleh SSM untuk membolehkan pemilik perniagaan mendaftar perniagaan, memperbaharui perakuan pendaftaran perniagaan, mendaftar perubahan perniagaan, menamatkan dan membeli maklumat perniagaan.

Pada tahun 2017, EzBiz Online telah ditambahbaik dengan memperkenalkan konsep “Daftar Online, Bayar Offline dan Self Service Registration.” Konsep ini membenarkan pemilik perniagaan membuat bayaran secara tunai bagi transaksi yang ditawarkan dalam EzBiz Online. Konsep ini juga membenarkan pemilik perniagaan membuat pengaktifan ID User sendiri di Kiosk Self Service Registration.



EzBiz Self Service Kiosk

Jadual di bawah menunjukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan sepanjang 2015-2017:

PERKHIDMATAN		TARIKH
1.	Pembaharuan Perniagaan (Borang A1)	19 September 2015
2.	Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 Ogos 2016
3.	Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B1, B2, B3)	9 Disember 2016
4.	Pembayaran Kompaun (Perniagaan dan Syarikat)	16 Mac 2017
5.	Penutupan Perniagaan (Borang C)	15 Ogos 2017
6.	Pembayaran EzBiz Over The Counter (OTC)	
	SSM Kuala Lumpur	1 April 2017
	Negeri Sembilan	5 Julai 2017
	Pahang & UTC Pahang	19 Julai 2017
	Temerloh	31 Julai 2017
	Perak	1 Ogos 2017
	Perlis	9 Ogos 2017
	Kedah	10 Ogos 2017
	Pulau Pinang	11 Ogos 2017
	Putrajaya & Cyberjaya	21 Ogos 2017
	UTC Kuala Lumpur	24 Ogos 2017
	Selangor	29 Ogos 2017

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Sistem EzBiz sepanjang 2015-2017.

Sehingga kini, seramai 103,726 pengguna berdaftar dan aktif telah menggunakan EzBiz Online. Secara

keseluruhan, pencapaian keberhasilan adalah seperti rajah di bawah:

TAHUN	2017	2016	2015
Jumlah Transaksi (<i>Online</i> dan OTC)	194,202	9,679	147
Jumlah Pengguna Berdaftar	72,144	21,410	325

Jumlah Pengguna Berdaftar dan Transaksi EzBiz.

Pelaksanaan EzBiz Online dalam penyampaian perkhidmatan SSM dapat merapatkan jurang perbezaan ICT dan penyeragaman proses kerja antara ibu pejabat dengan pejabat SSM negeri dan cawangan. EzBiz Online juga secara langsung menyokong program insentif S1P1P iaitu sebagai platform bagi pelajar-pelajar yang ingin memulakan perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara online. Secara keseluruhannya, Ezbiz Online memberikan kemudahan kepada rakyat dan dapat mengurangkan interaksi di kaunter serta dapat menjimatkan masa dan kos.

Gerbang Integrasi Nasional 2017

SSM telah melaksanakan Projek Gerbang Integrasi Nasional (*Middleware*) yang dibangunkan pada 6 Mei 2016 dengan kerjasama Mesiniaga Berhad.

Projek ini bertujuan untuk merealisasikan capaian integrasi di antara sistem SSM dengan sistem lain yang terdiri daripada aplikasi dalaman dan juga luaran.

Pada tahun 2017, SSM berjaya melaksanakan tawaran perkhidmatan secara atas talian melalui Gerbang Integrasi Nasional dalam memastikan *middleware* digunakan secara optimum.

Agensi yang telah menggunakan perkhidmatan integrasi SSM adalah seperti berikut:

NO.	AGENSI/JABATAN
1.	Jabatan Perangkaan Malaysia
2.	Bank Negara Malaysia
3.	Kementerian Kewangan Malaysia
4.	Lembaga Hasil Dalam Negeri
5.	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
6.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
7.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Bagi tahun 2017 juga, SSM telah meningkatkan penglibatan pengguna-pengguna IT dalam melalui program kesedaran pengguna tentang ancaman-ancaman keselamatan IT semasa serta amalan-amalan baik yang perlu diperlakukan. Pendekatan yang diambil adalah dengan mengadakan seminar dasar keselamatan ICT SSM sebanyak dua (2) kali setahun dengan memanggil wakil-wakil pengguna SSM dari ibu pejabat, pejabat-pejabat negeri dan cawangan SSM seluruh negara. Emel kesedaran dengan frekuensi bulanan juga ditambah dengan emel kesedaran khas semasa satu-satu ancaman timbul membantu pengguna IT SSM untuk lebih bersedia.

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

Bengkel Penghasilan Projek Horizon Baharu KIK telah diadakan pada 13 hingga 15 April 2017 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam. Seramai 64 peserta yang terdiri daripada fasilitator, ketua dan ahli pasukan KIK

dari pelbagai Bahagian di Ibu Pejabat dan Pejabat SSM Negeri telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah:

- (a) Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pasukan KIK tentang konsep Horizon Baharu KIK;
- (b) Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pasukan KIK tentang penulisan dan dokumentasi laporan KIK; dan
- (c) Meningkatkan kefahaman skema pemarkahan untuk meletakkan projek kumpulan setaraf dengan kehendak pemarkahan konvensyen di peringkat kementerian dan kebangsaan.

Selain daripada itu, bagi memantapkan lagi pengetahuan berhubung dengan Horizon Baharu KIK, fasilitator dan ketua pasukan KIK juga telah dihantar untuk mengikuti kursus luar anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) mengikut zon:

17 Januari 2017	Zon Sarawak
19 Januari 2017	Zon Tengah (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor)
24 Januari 2017	Zon Sabah dan Labuan
6 Februari 2017	Zon Utara (Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan Perak)
8 Februari 2017	Zon Timur (Terengganu, Kelantan dan Pahang)
21 Februari 2017	Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan)

SSM telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Inovatif dan Kreatif dalam usaha menyemarakkan pembudayaan inovasi dan kecemerlangan di SSM. Jawatankuasa ini berperanan dalam menentukan matlamat serta hala tuju yang ingin dicapai serta

menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti KIK yang akan dijalankan serta memberikan pertimbangan dan kelulusan kepada cadangan-cadangan penyelesaian masalah serta aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh kumpulan KIK.

TAHUN	PASUKAN KIK SSM	TAJUK
2016	Transformers	Penyediaan fail pendakwaan mengambil masa yang panjang.
	Dynamic 10	Tempoh menunggu giliran berurusan di kaunter ROB yang lama.
	Predictor	EzBiz Kiosk.
2017	Dynamic 10	EzBiz Online kurang mendapat sambutan.
	Dc Tech	Ketidakcekapan proses pembekalan dokumen disahkan benar secara manual di kaunter.
	KIK Sarawak	Kurang pengetahuan dan kesedaran terhadap produk, perkhidmatan dan Akta-Akta yang ditadbir urus oleh SSM di kalangan pihak-pihak berkepentingan.

Berikut merupakan pencapaian penyertaan KIK dalam Konvensyen KIK KPDNKK bagi tahun 2016 dan 2017:

TAHUN	PENCAPAIAN
2016	<ul style="list-style-type: none"> Pasukan KIK Transformers telah berjaya dinobatkan sebagai johan di Konvensyen KIK KPDNKK 2016 dan Anugerah Dokumentasi Terbaik. Pasukan KIK Dynamic 10 diumumkan sebagai naib johan di Konvensyen KIK KPDNKK 2016. Pasukan KIK Transformers telah mewakili Kementerian dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Tahun 2016.
2017	<ul style="list-style-type: none"> Pasukan KIK Dc Tech telah berjaya dinobatkan sebagai johan di Konvensyen KIK KPDNKK 2017 di bawah kategori KIK Hibrid dan Anugerah Dokumentasi Terbaik. Salinan Dokumen Disahkan Benar Secara Digital telah diumumkan sebagai johan Anugerah Inovasi Peringkat KPDNKK 2017.



Struktur Organisasi Baharu

SSM telah melaksanakan Program Transformasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSMTP) yang bertanggungjawab dalam memastikan semua perubahan berkaitan sumber manusia dilaksanakan

pada tahun 2017 termasuk perubahan struktur SSM, pengisian perjawatan baharu, penyediaan pelan latihan dan pelbagai lagi inisiatif berjalan lancar.

NAMA ASAL	NAMA BAHARU	TARIKH KUATKUASA
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi	Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi	21 Mac 2017
Bahagian Akademi Latihan	Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan	21 Mac 2017
Bahagian Kewangan & Pentadbiran	Bahagian Kewangan & Akaun	10 Ogos 2017
Seksyen Integriti & Disiplin	Seksyen Integriti & Disiplin	26 Oktober 2017
Seksyen Pengurusan Risiko	Seksyen Pengurusan Risiko	26 Oktober 2017
Seksyen Audit Dalam	Seksyen Audit Dalam	26 Oktober 2017
Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan	Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan	22 Disember 2017
Bahagian Pematuhan	Bahagian Pematuhan Korporat	29 Disember 2017

STRUKTUR KORPORAT ASAL SSM



STRUKTUR KORPORAT BAHARU SSM



PENGAMBILAN

Sepanjang tahun 2017, seramai 73 orang pekerja baharu dari pelbagai gred telah melapor ke pelbagai bahagian, seksyen dan pejabat negeri SSM. Selain itu, seramai 15 orang pekerja telah dinaikkan pangkat

ke pelbagai jawatan dan gred di pelbagai bahagian, seksyen dan pejabat negeri. Berikut adalah statistik kemasukan pekerja baharu dan kenaikan pangkat bagi tahun 2017:

JAWATAN & GRED	STATUS KEMASUKAN		JUMLAH
	PEKERJA BAHARU	KENAIKAN PANGKAT	
PENGURUSAN KANAN	-	3	3
PENGURUSAN PERTENGAHAN	1	4	5
EKSEKUTIF	36	7	43
KUMPULAN SOKONGAN	36	1	37
JUMLAH	73	15	88

PENJAGAAN KESIHATAN & KESEJAHTERAAN PEKERJA – PROGRAM ‘BOOKDOC’, PENYEDIAAN KATIL URUT CERAGEM & SENAMAN JOM SIHAT

Bagi menggalakkan pekerja SSM kekal sihat dan produktif, SSM memperkenalkan Platform Penjagaan Kesihatan & Kesejahteraan atas talian yang dinamakan sebagai BookDoc. BookDoc merupakan trend semasa yang menggunakan aplikasi telefon pintar yang menggalakkan pekerja untuk menjalani gaya hidup sihat seperti bersenam atau beriadah, memilih makanan yang berkhasiat, membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala dengan pakej kesihatan yang menarik dan membolehkan proses temujanji dengan pakar kesihatan yang bertauliah dibuat dengan mudah dan lain-lain faedah penjagaan kesihatan secara atas talian yang berfaedah kepada pekerja serta ahli keluarga pekerja. Selain itu, SSM turut menyediakan katil urut rawatan berhaba automatik (Ceragem) untuk kegunaan pekerja SSM yang mengalami masalah sakit tulang belakang atau *slip disc*, otot, saraf dan masalah pengaliran darah tidak lancar yang boleh mengakibatkan penyakit seperti darah tinggi, kencing manis dan sebagainya. Senaman Jom Sihat turut diperkenalkan di Ibu Pejabat yang diadakan pada setiap hari Rabu jam 5.00 petang hingga 6.00 petang.

PENGENALAN WAKTU KERJA BERPERINGKAT SSM

SSM telah melaksanakan Waktu Kerja Berperingkat (Waktu Anjal) bermula pada 1 Julai 2017. Waktu kerja berperingkat yang disediakan adalah seperti berikut:

WA1 – 8.15 pagi hingga 5.15 petang
WA2 – 9.00 pagi hingga 6.00 petang
WA3 – 9.30 pagi hingga 6.30 petang

PEMBANGUNAN BAKAT Kursus Induksi SSM 2017

Kursus Induksi SSM 2017 telah berlangsung dengan jayanya di Felda Residence Trolak, Sungkai, Perak dari 5 hingga 11 Mac 2017 yang dihadiri oleh seramai 50 orang kakitangan baharu SSM.



Kursus Induksi SSM 2017

Kursus Pra – Persaraan SSM 2017

Program telah berlangsung dengan jayanya di Century Langkawi Beach Resort, Langkawi pada 19 hingga 23 Januari 2017 dan telah dihadiri oleh 32 orang peserta daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri.



Kursus Pra-Persaraan SSM 2017

Program Pembangunan Kepimpinan SSM 2017

Program Pembangunan Kepimpinan SSM 2017 telah berlangsung dengan jayanya pada 11 hingga 13 November 2017 di Cheringin Hills Convention & Spa Resort Janda Baik, Pahang dan telah dihadiri oleh 31 orang peserta.



Program Pembangunan Kepimpinan SSM 2017

Laporan Analisa Keperluan Pembangunan Pekerja

Pada awal tahun 2017, Bahagian Modal Insan telah menjalankan TNA dengan tujuan untuk mengenalpasti:

- Keperluan pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (KPI) pekerja.
- Jurang prestasi kerjaya pekerja.
- Rancangan pembangunan kerjaya pekerja.

Metodologi kajian adalah melalui borang kaji selidik yang disediakan dengan sasaran sekurang-kurangnya 90% pekerja SSM.

Data yang diperolehi daripada kajian ini menyumbang kepada Kitaran Latihan yang diterima pakai pada tahun 2017.



PENGURUSAN ARKITEK ENTERPRISE

Penambahbaikan Pengurusan Arkitek Enterprise pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

NO.	KATEGORI	PENERANGAN
1.	Teknologi	<ul style="list-style-type: none">i. Pengoperasian Orbus iServer sebagai platform rasmi SSM bagi tujuan repositori untuk keseluruhan artifikat Enterprise Architecture.ii. Migrasi Repositori EA SSM (<i>Orbus iServer</i>) kepada versi terkini (2017).
2.	Proses	<ul style="list-style-type: none">i. Penubuhan dan pengoperasian SSM “<i>Enterprise Architecture Board (EAB)</i>” bagi memastikan tadbir urus Arkitek Enterprise SSM.ii. Mengeluarkan dan mengedarkan Pekeliling Enterprise Architecture Bil. 1 Tahun 2017 - Garis Panduan Pengurusan Enterprise Architecture (EA) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 31 Mac 2017. Pekeliling ini memperkenalkan dua (2) garis panduan supaya proses pengurusan <i>enterprise architecture</i> di SSM dapat difahami dan dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">a. Garis Panduan Permohonan EA untuk Projek.b. Garis Panduan Daftar <i>Architecture Definition Document (ADD)</i>.iii. Seksyen EA telah menguruskan dua (2) Change Request bagi projek XBRL untuk kelulusan Enterprise Architecture Board (EAB).iv. Seksyen EA juga telah mendapatkan <i>Architecture Definition Document (ADD)</i> bagi lima (5) projek SSMTP.
3.	Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none">i. Anggota-anggota EAM mempunyai pensijilan <i>Enterprise Architecture</i>:<ul style="list-style-type: none">a. 60% dari keseluruhan anggota EAM mendapat Togaf 9.1 certified; danb. 60% dari keseluruhan anggota EAM telah memperolehi pensijilan <i>Certified IT Architect – Foundation (CITA-F)</i>

PENGURUSAN PERUBAHAN

Unit Pengurusan Perubahan merupakan satu pasukan untuk mengendalikan pengurusan perubahan telah dibentuk selaras dengan SSMTP. Pasukan ini telah diletakkan di Bahagian Strategi dan Komunikasi Korporat di bawah penstrukturkan semula SSM. Pasukan ini bertanggungjawab untuk membantu warga SSM mendapat maklumat berkenaan SSMTP dan juga bertujuan untuk mengurangkan gangguan prestasi dalam yang timbul dari proses transformasi ini.


Unit Pengurusan Perubahan akan menyediakan pelan komunikasi bersama Jawatankuasa Duta Perubahan agar penyampaian maklumat kepada warga SSM dapat disampaikan dengan jelas dan teratur oleh duta perubahan yang dilantik. Duta perubahan ini juga dikenali sebagai *Change Ambassador* (CA).



Kumpulan Pengurusan Perubahan dan Duta Perubahan SSM 2017

STRUKTUR PELAPORAN JAWATANKUASA DUTA PERUBAHAN

Kunci kejayaan komunikasi yang efektif adalah struktur penyampaian maklumat yang berkesan.



Nota: Struktur Pelaporan





**CAC perlu melapor status pengurusan perubahan, maklum balas dan penambahbaikan pelan komunikasi kepada EPM

AKTIVITI-AKTIVITI PENGURUSAN PERUBAHAN 2017

NO.	AKTIVITI	PELAKSANAAN
1.	Kaji selidik kesediaan perubahan di kalangan warga SSM terhadap program transformasi SSM	31 Mac 2017 dan 1 Disember 2017
2.	CA Knowledge Sharing and Project Updates to State Directors	12 Mei 2017
3.	CA Knowledge Sharing with SMEs	15 Jun 2017
4.	CA Knowledge Sharing with SSMTP Project Managers	14 Ogos 2017
5.	Excellent Change Management for Change Ambassador	17-19 Ogos 2017
6.	CA Meet and Greet @ State Office – SSM Melaka & SSM Negeri Sembilan	7 September 2017
7.	SSM Change Ambassador Meet and Greet - 15 sesi seluruh Malaysia	25 September 2017
8.	CA Meet and Greet @ Branch Office – SSM Muar	5 Oktober 2017
9.	Corporate Image Excellence, Business Etiquette and Grooming for Change Ambassadors	8-10 November 2017
10.	CA Meet and Greet @ Branch Office – SSM Temerloh	20 Disember 2017
11.	CA Meet and Greet @ Branch Office – SSM Miri	20 Disember 2017
12.	CA Meet and Greet @ Branch Office – SSM Tawau	21 Disember 2017
13.	Pengedaran e-Postcard di setiap suku tahunan 2017	31 Mac 2017, 31 Jun 2017, 30 September 2017 dan 29 Disember 2017

Peningkatan yang positif dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan pengurusan perubahan

dan duta perubahan. Ini dibuktikan melalui keputusan kaji selidik yang dijalankan pada bulan Disember 2017.



Pengedaran e-Postcard di setiap suku tahunan 2017



e-Postcard No 1/2017



e-Postcard No 2/2017



e-Postcard No 3/2017



e-Postcard No 4/2017



TINGKATKAN
KEYAKINAN
PELANGGAN
DENGAN
PAPARAN
LOGO
SSM BIZTRUST
DI LAMAN WEB ANDA

- Entiti berdaftar dengan SSM
 - Mempunyai laman web / media sosial
 - Mematuhi etika perniagaan dalam talian
- <https://biztrust.ssm.com.my>**

[ssmofficialpage](#)

Menara SSM@Sentral,
No. 7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur
Tel: +603 7721 4000
enquiry@ssm.com.my



Pendaftaran Perniagaan Secara

PERCUMA

bagi pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej, Institut Kemahiran dan Pusat Kemahiran di Malaysia



"Perniagaan Anda Bermula Di SSM"

Untuk Maklumat Lanjut:

www.ssm.com.my | 03-7721 4000 | enquiry@ssm.com.my



ssmofficialpage

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

FORUM PENDAFTAR Korporat (CRF) 2017

FORUM PENDAFTAR KORPORAT (CRF) YANG KE-13 ANJURAN HONG KONG COMPANIES REGISTRY TELAH BERLANGSUNG DI KOWLOON, HONG KONG PADA 6-10 MAC 2017 BERTEMAKAN “**CORPORATE REGISTRIES – CHALLENGES AND OPPORTUNITIES, TODAY AND TOMORROW**”. MALAYSIA DIWAKILI OLEH SSM, YANG MERUPAKAN AHLI PENGASAS CRF.

Seramai lebih 190 orang peserta dari 59 buah negara pendaftar korporat yang mewakili pelbagai benua

telah mengambil bahagian dalam persidangan tahun ini. Encik Rezy Izwan Ramly, Pengarah Bahagian Pematuhan SSM telah membentangkan kertas kerja bagi sesi 14 bertajuk “*Regulation of Company Secretaries*.” Forum ini, selain daripada sesi suai kenal dan membina rangkaian kerjasama, ianya juga membolehkan pendaftar korporat untuk berkongsi pengalaman mengenai cabaran yang dihadapi dan juga perkembangan baharu mengenai pembaharuan struktur perniagaan dari seluruh dunia. YBhg. Dato’ Zahrah Abd. Wahab Fenner juga telah membuat penggulungan berkenaan sesi 14 yang bertajuk “*Regulation of Company Secretaries*”.

Delegasi dari SSM yang terdiri daripada tiga (3) orang pegawai kanan dan diketuai oleh YBhg. Dato’ Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.



EUROPEAN COMMERCE REGISTERS' FORUM (ECRF) 2017

SSM telah menyertai Forum Pendaftar Korporat Eropah (ECRF) yang ke-20 bertemakan "*Getting the Right Direction*" pada 14-16 Jun 2017 bertempat di Vilnius, Lithuania anjuran State Enterprise Centre of Registers, Lithuania.

Forum ini mengumpulkan beberapa penceramah jemputan yang telah menyampaikan kertas kerja berhubung isu berkaitan aktiviti pendaftaran perniagaan serta topik mengenai pemilikan benefisial,

isu data yang mempengaruhi Pendaftar Korporat dan perkembangan terkini daripada organisasi Pendaftaran Antarabangsa. YBhg. Dato' Zahrah Abd. Wahab Fenner juga telah membuat pembentangan berkenaan Forum Pendaftar Korporat (CRF) dalam kapasitinya sebagai ahli Exco CRF.

Delegasi dari SSM diketuai oleh YBhg. Dato 'Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.



BENGKEL TEKNIKAL FORUM PENDAFTAR KORPORAT 2017

The Companies and Intellectual Property Commission's (CIPC) of South Africa telah menganjurkan Bengkel Teknikal Forum Pendaftar Korporat (Bengkel Teknikal CRF) yang ke-3 di Pretoria, Afrika Selatan bertemakan "*Efficiencies of a modernized registry, from a registration office to being a regulator*" pada 23-25 Ogos 2017. Bengkel ini telah disertai oleh delegasi daripada Malaysia, Afrika Selatan, Botswana, Lesotho, Mauritius, Zambia, Nigeria, Ghana, Sierra Leone, Tunisia, Uganda, The United Arab Emirates, Singapura dan Pakistan bersama delegasi daripada Bank Dunia.

YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai Eksekutif SSM telah membentangkan kertas kerja berkaitan perjalanan transformasi SSM dari sebuah

pejabat pendaftar kepada pengawal selia serta faedah transformasi tersebut.

Lawatan ke pejabat dan ruang pelanggan CIPC merupakan acara utama para delegasi pada forum kali ini yang mana delegasi boleh melihat kiosk layan diri bagi perjalanan transaksi hampir *real-time* dilakukan.




FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT (CPCF)

Dalam tahun 2017, SSM telah menganjurkan dua (2) sesi CPCF di bawah Jawatankuasa Kecil Bagi Penstrukturran Insolvensi dan Amalan (RIPSC) pada 21 April 2017 dan 15 Jun 2017. Kedua-dua

sesi membincangkan tentang pindaan Peraturan (Penggulungan) Syarikat dan peraturan baharu iaitu Peraturan (Mekanisma Penyelamat Korporat) Syarikat.

Diagram A: Forum Rundingan Amalan Korporat



PROGRAM KESEDARAN AKTA SYARIKAT 2016

Program kesedaran diteruskan pada tahun 2017 sebagai salah satu saluran utama SSM untuk memberi pendedahan kepada pihak-pihak berkepentingan berhubung AS 2016 selaras dengan penguatkuasaan Akta tersebut.

Sebanyak empat (4) siri program kesedaran diadakan dengan penyertaan 282 delegasi daripada pelbagai agensi kerajaan dan tempatan, bank-bank, badan profesional, persatuan-persatuan dan pengamal

undang-undang. Selain dari tujuan utama untuk menggalakkan pemahaman ke atas undang-undang baharu, program tersebut juga telah mengumpul dan membincangkan impak AS 2016 ke atas proses dan prosedur bagi tujuan permohonan permit, lesen dan kebenaran daripada agensi-agensi kerajaan dan tempatan termasuk kemudahan-kemudahan oleh sektor perbankan.

Diagram B: Program Kesedaran Akta Syarikat 2016

PROGRAM KESEDARAN AKTA SYARIKAT 2016

**SESI
01**

**SESI
02**

**SESI
03**

**SESI
04**

- Menggalakkan persefahaman mengenai akta yang baharu dan untuk merapatkan hubungan antara SSM, industri dan badan profesional.
- Saling berkongsi idea dan menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu operasi yang seterusnya akan meningkatkan kecekapan pelaksanaan Akta keseluruhan.
- Menyebarluaskan maklumat kepada pengamal profesional dan orang awam bagi memastikan kelancaran peralihan daripada AS 1965 kepada AS 2016.

55

Delegasi dari
Sektor Perbankan
Malaysia

125

Delegasi dari Agensi
Kerajaan, Pihak Berkuasa
Tempatan, Badan-Badan
Profesional,
Persatuan

48

Delegasi dari
Dewan-Dewan
Perniagaan

57

Delegasi dari
Bank-Bank
Pelaburan

Program Kesedaran AS 2016



KUNJUNGAN HORMAT SSM KE LUAR NEGARA

Lawatan Kerja ke Thailand

SSM telah mengadakan lawatan kerja ke *Department of Business Development (DBD), Ministry of Commerce, Thailand* dan *Business Online Public Company Limited (BOL)* pada 10 hingga 11 Ogos 2017 bagi mempelajari pelaksanaan *eXtensible Business Reporting Language (XBRL)*, *Trustmark* dan perkongsian maklumat perniagaan yang dilaksanakan di Thailand.

Lawatan ke Thailand dimulakan dengan kunjungan ke DBD yang merupakan agensi kawal selia korporat dan

perniagaan yang menjalankan pelaksanaan operasi pendaftaran, penyeliaan dan perkhidmatan perniagaan di samping membangunkan produk dan mempromosi perniagaan di Thailand.

Lawatan diteruskan dengan kunjungan ke BOL yang merupakan pejabat operasi pembekal DBD yang membangunkan sistem pemfailan secara elektronik dikenali sebagai DBD *e-filing*. Selain itu, BOL juga turut menawarkan pembekalan maklumat berbentuk analisa prestasi kewangan, prestasi kredit, prestasi pelaburan serta pelbagai maklumat yang dapat membantu syarikat dalam membuat keputusan strategik secara *real time* bagi sesebuah syarikat. Perkhidmatan ini memerlukan langganan secara tahunan.



Bergambar bersama *Business Online Public Company Limited (BOL)*, Thailand



Bergambar bersama *Department of Business Development (DBD)*, Thailand

PAMERAN DAN EKspo DALAM DAN LUAR NEGARA

BizTrust

Program-program berkaitan BizTrust sepanjang 2017 ialah seperti berikut:

NO.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Knowledge Sharing & Brainstorming Change Ambassador 2017</i> di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur	15-16 Jun 2017
2.	Forum e-Dagang Kebangsaan (<i>National e-Commerce Forum</i>) di Menara MITI, Kuala Lumpur	26 Julai 2017
3.	SSM & Lazada <i>Collaboration Images</i> di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur	27 Julai 2017
4.	<i>WIEF IdeaLab Boutique Conference 2017</i> di Hotel Park Royal, Kuala Lumpur	2-3 Ogos 2017
5.	Perkongsian Maklumat Bersama <i>Change Ambassador 2017</i> di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur	14 Ogos 2017
6.	<i>Varsity Entrepreneurship Skills & Talents (Vest) 2017</i> di UiTM Puncak Alam dan UKM Bangi	18 Ogos 2017
7.	Persidangan Kebangsaan SSM 2017 di Hotel Sunway Resort & Spa, Sunway Pyramid	22-23 Ogos 2017
8.	#MYCYBERSALE 2017 <i>Networking Session</i> di MAGIC, Cyberjaya	24 Ogos 2017
9.	Taklimat Pengiraan Penilaian Prestasi Pertengahan Tahun di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur	24 Ogos 2017
10.	Persidangan Kecemerlangan Operasi SSM 2017 di Philea Mines Beach Resort, Seri Kembangan	7-9 September 2017
11.	<i>Lazada Reseller Conference</i> di Sunway Convention Centre, Sunway Pyramid	13 September 2017
12.	Sesi Taklimat kepada Bahagian Pematuhan & Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur	18 September 2017
13.	MIDA <i>Open Day</i> di Perkarangan Menara SSM dan MIDA, Kuala Lumpur	18 September 2017
14.	Program <i>Grazroots Skatfest</i> di Anjung Floria, Putrajaya	23-24 September 2017
15.	Karnival Youngpreneurs, GO! (YPGo!) di UNIKL, Kuala Lumpur	29-30 September 2017

NO.	PROGRAM	TARIKH
16.	Persidangan Insolvensi Kebangsaan SSM 2017 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur	3 Oktober 2017
17.	ONE SSM di Mydin MiTC, Melaka	7-8 Oktober 2017
18.	TMEF SME TECH SUMMIT di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur	11 Oktober 2017
19.	Program <i>Knowledge Sharing 2017</i> (Zon Pantai Timur) di SSM Terengganu	28 Oktober 2017
20.	Persidangan Daya eUsahawan Digital Entrepreneurship, MDEC di PWTC, Kuala Lumpur	30-31 Oktober 2017
21.	Program Keusahawanan INSKEN di The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang	2 November 2017
22.	TMEF SME TECH SUMMIT di KSL Hotel, Johor Bahru	15 November 2017
23.	LAZADA - #everyonecansell di Tropical Inn, Johor Bahru	16 November 2017
24.	<i>Technical Briefing</i> bersama warga SSM Johor di SSM Johor	17 November 2017
25.	<i>SMIDEX - SME Annual Showcase Conference</i> di MITEC, Johor Bahru	15-17 November 2017
26.	Program <i>Knowledge Sharing 2017</i> (Zon Malaysia Timur) di SSM Sabah	18 November 2017
27.	Program <i>Knowledge Sharing 2017</i> (Zon Tengah) di Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur	25 November 2017
28.	Karnival Jualan Mega 2017 di Ipoh, Perak	22-26 November 2017
29.	Program <i>Knowledge Sharing 2017</i> (Zon Malaysia Timur) di SSM Sarawak	9 Disember 2017
30.	Program CHALK 2017 (<i>Chat, Listen and Knowledge</i>)	11 Disember 2017
31.	Program <i>Knowledge Sharing 2017</i> (Zon Utara) di SSM Pulau Pinang	16 Disember 2017

JALINAN KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DAN SEKTOR SWASTA DI BAWAH TERAS STRATEGIK KEEMPAT: MENYEDIAKAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG DIPERCAYAI

Bagi mempromosikan produk-produk dan perkhidmatan, SSM menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti:

(a) Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)

SSM telah membuka KBPP di Kompleks PERHEBAT, Kem Sungai Buloh sebanyak empat (4) kali iaitu pada bulan Mac, Mei, Ogos dan Disember 2017. PERHEBAT merupakan salah satu organisasi yang selalu menggunakan perkhidmatan KBPP SSM.

(b) Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

SSM merupakan Ahli Jawatankuasa Pemandu #MyCybersale di mana proses kelulusan penyertaan peniaga atas talian atau *etailers* akan disemak oleh SSM iaitu kepatuhan perniagaan atau syarikat.



Scara tidak langsung, menyokong Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan. #MyCybersale telah dianjurkan selama empat (4) hari dari 9 hingga 13 Oktober 2017.

Selain daripada itu, SSM juga telah menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak di Konvensyen Daya

eUsahawan 2017 dari 30 hingga 31 Oktober 2017 di Putra World Trade Centre (PWTC).

(c) Telekom Berhad

SSM dengan bantuan pejabat negeri telah mengambil bahagian di empat (4) program TM SME BizFest seperti berikut:

- Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur;
- Borneo Convention Center, Sarawak;
- Persada Johor International Convention Centre, Johor;
- Grand Riverview Hotel, Kelantan; dan
- The Magellan Sutera Resort Kota Kinabalu, Sabah.

Di setiap lokasi, SSM telah diberi slot ceramah selama 15 minit dan juga diberi booth secara percuma.

(d) The Malaysian Entrepreneurs Festival (jenama di bawah DNL Events Sdn. Bhd.)

SSM dengan bantuan pejabat negeri telah mengambil bahagian di empat (4) program TMEF SME Tech Summit dan SME Digital Business Talk 2017 seperti berikut:

- The Top Komtar, Pulau Pinang;
- Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur;
- Vistana Kuantan City Centre, Pahang; dan
- KSL Hotel, Johor Bahru, Johor.

(e) Program-program di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

- Hari Hak-Hak Pengguna 2017;
- Program Coca Cola Ku;
- Eksperasi Negaraku Kembaraku;
- Jelajah Transformasi Perniagaan;
- PNS Varsity Entrepreneurship Skills & Talents (VEST); dan
- Karnival Jualan Mega 2017.

(f) Program-program Kementerian Kewangan

- Bahtera Johor; dan
- Program Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) – di seluruh Malaysia

JALINAN KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DAN SEKTOR SWASTA DI BAWAH TERAS STRATEGIK KEEMPAT: MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA SSM DAN LAZADA

SSM dan eCart Services Malaysia Sdn. Bhd. (atau lebih dikenali dengan LAZADA) telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) pada 20 Mei 2017 di Karnival SSM ONE di Pulau Pinang.

Seminar eDagang SSM Lazada, Menara SSM@Sentral

SSM dan Lazada telah menganjurkan Seminar eDagang iaitu 'Luaskan Perniagaan Mu' pada 27 Julai 2017 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral. Peniaga yang telah berdaftar dengan SSM dijemput hadir bagi meningkatkan pengetahuan serta meluaskan peluang peniaga kecil untuk menceburi bidang eDagang. Seramai 118 peniaga telah hadir, melebihi daripada sasaran program iaitu seramai 70 peniaga.

Pada 17 November 2017, SSM Johor dengan kerjasama Pusat Pembangunan Ekonomi Negeri Johor dan rakan-rakan kongsi #Everyonecansell (kempen Lazada) telah menganjurkan seminar separuh hari di Hotel Tropical Inn, Johor Bahru. Seramai 175 peniaga telah hadir ke seminar ini yang telah mendapat latihan eDagang dari SSM, SME Corp, Telekom, Maybank dan Lazada.

SSM & MYDATA INTERNATIONAL

MyDATA International merupakan satu-satunya platform yang dihubungkan ke lebih 180 pendaftar di seluruh dunia. Portal ini telah dibangunkan dengan kerjasama Big Dataworks Sdn. Bhd., iaitu penyedia perkhidmatan maklumat korporat SSM dan KYCKR Ltd, sebuah syarikat tersenarai di Bursa Sekuriti Australia

yang berpangkalan di Sydney, London dan Ireland.

Portal MyDATA SSM International telah dilancarkan pada 24 Oktober 2017 oleh Timbalan Menteri KPDKKK.

Portal ini akan menjadi satu medium bagi syarikat-syarikat tempatan dan asing untuk melakukan carian latar belakang sesebuah entiti perniagaan sebelum mereka menjalinkan kerjasama dengan rakan kongsi perniagaan yang mana juga dapat menghapuskan *money laundering, terrorism financing and curb tax evasion*.

Malaysia merupakan negara yang pertama di ASEAN menawarkan perkhidmatan ini.

Program dan acara lain anjuran SSM pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

NO.	PROGRAM	TARIKH
1.	Karnival <i>Youngpreneurs Go!</i> (YPGO) di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Pauh Putra, Perlis.	24 Februari 2017
2.	Karnival <i>Online Networking Entrepreneurs</i> (ONE) di Plaza Angsana Johor Bahru, Johor.	31 Mac 2017
3.	Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM yang ke-15 di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur.	17 April 2017
4.	Majlis Penyerahan Zakat SSM di Dewan Majlis Daerah Selama, Perak.	20 April 2017
5.	Karnival <i>Youngpreneurs Go!</i> (YPGO) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).	22 April 2017
6.	Majlis Penyerahan Sumbangan Mesin Hemodialisis di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak.	25 April 2017
7.	Majlis Pecah Tanah Bangunan SSM Perak.	25 April 2017
8.	Karnival <i>Online Networking Entrepreneurs</i> (ONE) di Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	19 - 21 Mei 2017
9.	Majlis Sambutan Aidilfitri SSM di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur.	17 Julai 2017
10.	Forum Perdana dan Majlis Pelancaran BizTrust SSM di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pahang.	20 Julai 2017
11.	Karnival <i>Online Networking Entrepreneurs</i> (ONE) di East Coast Mall Kuantan, Pahang.	21 - 23 Julai 2017
12.	Kunjungan Korporat Mamee - Double Decker (M) Sdn. Bhd. ke SSM dan pelancaran video #SSM Patriotik di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur.	2 Ogos 2017
13.	Program Jom Naik MRT bersama YB Menteri KPDKKK.	17 Ogos 2017
14.	Karnival <i>Youngpreneurs Go!</i> (YPGO) di UniKL Kampus Gurney Jalan Dato' Keramat, Kuala Lumpur.	29-30 September 2017
15.	Karnival <i>Online Networking Entrepreneurs</i> (ONE) di Mydin Mall MITC, Melaka.	7 - 8 Oktober 2017
16.	Lawatan Kerja Bahagian Penguatkuasaan KPDKKK ke SSM di Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur.	25 Oktober 2017

Senarai Lawatan ke SSM

NO.	PROGRAM	TARIKH
1.	Lawatan Bahagian Paten, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).	24 Januari 2017
2.	Lawatan pelajar Universiti Kyoto, Jepun.	13 Februari 2017
3.	Lawatan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Alam, Shah Alam, Selangor.	16 Februari 2017
4.	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Saffi, Perlis.	23 Mac 2017
5.	Lawatan dari Kolej Universiti Bestari, Setiu, Terengganu.	26 Mac 2017
6.	Lawatan dari <i>The Timor-Leste, SERVE Team</i> .	29 Mac 2017
7.	Lawatan ke Kaunter Pendaftaran Perniagaan SSM di KPDKKK, Putrajaya oleh Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Sumber Manusia.	25 April 2017
8.	Lawatan dari Unit Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia berkenaan Akta Syarikat 2016.	26 April 2017
9.	Lawatan Jabatan Kewangan DBKL.	6 Jun 2017
10.	Lawatan Politeknik Metro KL, Setiawangsa berhubung Taklimat Skim 1P1P.	14 Jun 2017
11.	Lawatan Delegasi Korea Selatan.	27 Julai 2017
12.	Kunjungan Korporat MAMEE Double-Decker (M) Sdn. Bhd.	2 Ogos 2017
13.	Lawatan Siswazah Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.	10 Ogos 2017
14.	Lawatan pelajar Kolej Vokasional, Slim River, Perak.	16 Ogos 2017
15.	Lawatan pelajar Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu.	21 September 2017
16.	Lawatan kerja dari Bahagian Pengurusan KPKDNNK.	25 Oktober 2017
17.	Lawatan pelajar Management and Science University, Malaysia dan pelajar Universitas Sebelas MARET, Surakarta, Indonesia.	23 November 2017

SSM telah menganjurkan program berkaitan integriti dan disiplin pada tahun 2017:

NO.	PROGRAM	TARIKH
1.	Taklimat mengenai 'Gangguan Seksual di Tempat Kerja' oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).	14 Februari 2017
2.	Taklimat mengenai 'Rasuah dan Salah Guna Kuasa' oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).	5 April 2017
3.	Pembentangan Pelan Integriti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (PISSM) bersama pihak Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).	11 Mei 2017
4.	Taklimat mengenai 'Pengurusan Kewangan yang Berhemah'.	12 Julai 2017
5.	Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).	17 Ogos 2017
6.	Sambutan Hari Integriti di Pejabat Negeri SSM Melaka.	17 November 2017
7.	Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) SSM bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Hotel Dorsett, Putrajaya.	18 Disember 2017




Imbas Kod QR
untuk paparan video



Karnival ONE SSM
di Pulau Pinang
(TV3, 21 Mei 2017)



50,882 Peniaga Online Berdaftar
dengan SSM (TV3, 22 Mei 2017)



Online Traders Must
Register With SSM
(NTV7, 28 Mei 2017)



Peniaga Melalui
Pasaran E-Dagang
Wajib Berdaftar
(TV3, 28 Mei 2017)



SSM First
Government Agency
to Implement Digital
CTC (NTV7, 17 Julai 2017)



SSM Dapat
Pengiktirafan
Pelaksanaan Digital
CTC (TV1, 17 Julai 2017)



SSM BizTrust Pensijilan
Digital Tangani Risiko
Urusniaga Dalam Talian
(TV3, 21 Julai 2017)



Tawarkan Sijil
Perniagaan Percuma
Kepada Pelajar
(TV3, 22 Julai 2017)



Imbas Kod QR
untuk paparan video



**SSM Serbu Syarikat Skim
Pelaburan Tidak Berdaftar**
(BERNAMA TV, 9 Ogos 2017)



**Pendapatan Perniagaan Melonjak
Tiga Kali Ganda**
(TV3, 17 Ogos 2017)



**Fiesta Getthis Tarik
10,000 Pengunjung di
Melaka**
(TV3, 8 September 2017)



**SSM Menganjurkan
Karnival YPGO
di UniKL**
(TV1, 30 September 2017)



**Lebih 1,000
Usahawan Muda
Daftar Perniagaan**
(TV3, 30 September 2017)



**SSM Sasar Bubar
50 Peratus Syarikat
Dorman** (BERNAMA TV,
3 Oktober 2017)





**Pelaksanaan Tempoh
Moratoriun**
(TV1, 3 Oktober 2017)



**MyData SSM International
Capaian Maklumat Lebih
130 Syarikat Antarabangsa**
(TV3, 24 Oktober 2017)

INISIATIF PENGUATKUASAAN




TEMPOH MASA ADUAN DISELESAIKAN	
KATEGORI	BILANGAN
Dalam tempoh masa tiga (3) hari bekerja	873
Dalam tempoh masa 14 hari bekerja	26
Dalam tempoh masa 21 hari bekerja	397
JUMLAH	1,296


KLASIFIKASI PENERIMAAN ADUAN

ADUAN MELIBATKAN PELANGGARAN AKTA	ISU	JUMLAH
	1. Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan	65
	2. Salah laku pengarah syarikat	108
	3. Salah laku setiausaha syarikat	96
	4. Salah laku juruaudit syarikat	2
	5. Penipuan dan kesalahan serius seperti tadbir urus korporat dan serah simpan maklumat palsu dan mengelirukan	347
	6. Salah laku semasa penggulungan syarikat	12
	7. Ketidakakuratan perakaunan	12
	8. Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan tidak berdaftar	15
	9. Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan yang berdaftar	18
	10. Kesalahan asas dan rutin	316
	11. Isu yang tidak melibatkan kesalahan yang ditadbir seperti tuntutan, masalah dalaman dan aturan mesyuarat	83
	12. Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan	200
	13. Aduan atau pertanyaan mengenai salah laku korporat	56
	14. Pendedahan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	0
	JUMLAH	1,330


PECAHAN TIGA (3) ADUAN TERTINGGI 2017



26.09%
Penipuan dan
kesalahan
serius



23.76%
Kesalahan
asas dan
rutin



15.04%
Isu yang
melibatkan
bidang kuasa
agensi lain

STRATEGI PEMANTAUAN



KADAR PEMATUHAN DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF

Meningkatkan kadar pematuhan dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan memastikan tadbir urus korporat yang baik di kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan.



KUALITI DAN INTEGRITI PENYATA KEWANGAN

Menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik di kalangan pengarah syarikat dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat dengan memberi penekanan kepada kualiti dan integriti Penyata Kewangan.



TADBIR URUS, AMALAN DAN TAHAP KOMPETENSI INTERMIDIARI KORPORAT

Memastikan tadbir urus, amalan dan tahap kompetensi yang baik di kalangan pengantara korporat dengan memantau pematuhan setiausaha syarikat dan juruaudit terhadap perundangan, kaedah, kod etika dan garis panduan dalam pentadbiran sesebuah syarikat.

OBJEKTIF PEMANTAUAN



MEMASTIKAN PEMATUHAN

Memastikan pematuhan terhadap Akta yang dikawal selia oleh SSM



TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN

Memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap kesalahan undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh entiti-entiti yang dikawal selia oleh SSM



KELAYAKAN YANG SESUAI


Memastikan pegawai-pegawai syarikat serta pengantara korporat mempunyai kelayakan dan kompetensi yang sesuai untuk mentadbir syarikat dengan telus dan bertanggungjawab



MEMINIMUM RISIKO

Meminimum risiko penyalahgunaan syarikat untuk menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara





AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
		2017	2016	2015
Semakan ke atas maklumat syarikat dan perniagaan yang disimpan di dalam pangkalan data SSM (pemantauan data)	<ul style="list-style-type: none"> • Status serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 165(4) AS 1965. • Menganalisa penyata kewangan yang diserah simpan di SSM. • Memantau kelayakan pengarah-pengarah syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 130(1) dan 125(1) AS 1965. • Memantau pematuhan syarikat di dalam proses penggulungan di bawah seksyen 234(3) dan 188(1) AS 1965. • Memantau tarikh luput pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 12(1)(b) APP 1956. • Memantau serah simpan Perakuan Tahunan PLT berdasarkan peruntukan seksyen 68(2) Akta PLT 2012. • Pemeriksaan berhubung status pematuhan syarikat dan perniagaan yang mempunyai lesen atau permit daripada agensi berkaitan (Kerjasama dengan pihak berkuasa Temptan dan agensi perlesenan seperti Majlis Perbandaran dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). 	825,048	1,205,616	1,026,117

AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
		2017	2016	2015
Pemeriksaan fizikal ke atas premis perniagaan dan pejabat berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan berkaitan paparan nama perniagaan dan nombor pendaftaran di luar premis perniagaan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 121(3) AS 1965 dan Kaedah 13A Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 (KPP 1957) dan pemeriksaan berkaitan pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 12(2) APP 1956. • Pemeriksaan berkaitan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956. • Pemeriksaan rekod dan penyelenggaraan Buku Berkanun oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan di bawah AS 1965 dan Kaedah-kaedah Syarikat 1966. • Pematuhan PLT terhadap keperluan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 Akta PLT 2012. 	22,174	22,582	24,513

AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
		2017	2016	2015
Pemantauan perniagaan berdasarkan internet dan iklan-iklan media	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 121(1)(b) AS 1965 berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan syarikat. Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956 berhubung pendaftaran dan pembaharuan perniagaan. Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh syarikat dan perniagaan. 	4,510 laman sesawang syarikat dan perniagaan 2,535 iklan syarikat dan perniagaan di media	4,610 laman sesawang syarikat dan perniagaan 2,534 iklan syarikat dan perniagaan di media	2,744 laman sesawang syarikat dan perniagaan 1,156 iklan syarikat dan perniagaan di media
Pemantauan berkaitan Intermediari Korporat	Pemantauan terhadap kewajipan dan kebebasan juruaudit dan penyelesaian syarikat: <ul style="list-style-type: none"> Kelayakan dan kebebasan juruaudit di bawah seksyen 9 AS 1965 dan Syarat Kelulusan atau Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Kewajipan juruaudit dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun di bawah seksyen 174(3)(b) AS 1965. Kelayakan dan kebebasan penyelesaian syarikat di bawah seksyen 10 AS 1965. 	824 Firma audit 657 Juruaudit 737 Laporan Juruaudit 67 Penyelesaian syarikat 394 Setiausaha Syarikat	1,029 Firma audit 840 Juruaudit 1,692 Laporan Juruaudit 42 Pelikuidasi 413 Setiausaha Syarikat	795 Firma audit 567 Juruaudit 1,070 Laporan Juruaudit 53 Pelikuidasi 399 Setiausaha Syarikat


AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
		2017	2016	2015
	<p>Pemantauan terhadap kelayakan dan kompetensi setiausaha syarikat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 139C AS 1965. • Pemantauan terhadap sebuah syarikat di bawah seksyen 139(1) AS 1965 bagi memastikan setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha syarikat. • Penilaian kompetensi setiausaha syarikat melalui penilaian terhadap peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. <p>Pemantauan terhadap pemegang saham substansial:</p> <p>Pemantauan terhadap pemegang saham substansial di bawah seksyen 69E, 69F dan 69G AS 1965.</p>	188 Pemegang saham substansial		
Jumlah		857,134	1,239,358	1,057,414

HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

Kadar Pematuhan

Berdasarkan hasil pemeriksaan melalui pangkalan data, SSM telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pematuhan yang lebih baik terhadap keperluan menyerahsimpan Penyata Tahunan dan

Penyata Kewangan. Inisiatif-inisiatif tersebut telah menyumbang kepada 92% kadar pematuhan (2016: 93%). Berikut adalah inisiatif-inisiatif dan hasil daripada aktiviti pemantauan pangkalan data:



Pemeriksaan

JADUAL A: Pemeriksaan Premis Syarikat, Perniagaan dan PLT

	2017	2016
Premis Syarikat	8,440	6,955
Premis Perniagaan	13,478	15,489
Premis PLT	256	138
TINDAKAN DARI HASIL PEMERIKSAAN		
• Seksyen 121(3) AS 1965 • Kaedah 13A(2) KPP 1957 Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mempamerkan nama dan nombor syarikat/perniagaan di premis perniagaan, pejabat berdaftar dan dokumen rasmi syarikat/perniagaan	478	644
• Seksyen 12(2) APP 1956 Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mempamerkan sijil pendaftaran perniagaan di premis perniagaan	226	142
• Seksyen 12(1)(a) APP 1956 • Seksyen 12(1)(b) APP 1956 Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mendaftar atau memperbaharui pendaftaran perniagaan serta mengemaskini butir-butir perniagaan kepada Pendaftar	261,164	153

JADUAL B: Pemantauan Internet dan Media

KESALAHAN-KESALAHAN DIKESAN	2017	2016
• Seksyen 12(1)(a) APP 1956 • Seksyen 12(1)(b) APP 1956 Gagal mendaftar atau memperbaharui perniagaan	Notis Pematuhan: 348	Notis Pematuhan: 195
• Seksyen 121(1)(b) AS 1965 Gagal mempamer nama/nombor pendaftaran syarikat di laman sesawang/media		
• Seksyen 143(1), 165(4) & 169(1) AS 1965 Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan	Notis kompaun: 365	Notis kompaun: 59
• Pemilik web gagal dikenalpasti	Laman web: 159	Laman web: 505

JADUAL C: Pemantauan Pengarah Bankrap dan Disabitkan Kesalahan

KESALAHAN-KESALAHAN DIKESAN	JUMLAH TINDAKAN 2017	JUMLAH TINDAKAN 2016
<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 125 & 141(6)(b) AS 1965 Dikeluarkan kepada pengarah bankrap sebagai makluman hilang kelayakan dan mengarahkan peletakan jawatan. 	Notis Pematuhan: 17	Notis Pematuhan: 27
<ul style="list-style-type: none"> Tindakan senarai hitam 	Pengarah syarikat: 33 Individu: 111	Pengarah syarikat: 57

JADUAL D: Pemantauan Syarikat Dalam Proses Pembubaran

KESALAHAN-KESALAHAN DIKESAN	JUMLAH TINDAKAN 2017	JUMLAH TINDAKAN 2016
Pengarah gagal mengemukakan Penyata Hal Ehwal kepada pelikuidasi melibatkan 299 syarikat.	Notis Pematuhan: 438	Notis Pematuhan: 389

Pemantauan Penyata Kewangan

NO.	AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
			2017	2016	2015
1.	Pemeriksaan data dan fizikal ke atas syarikat dengan laporan juruaudit bersyarat.	Pemantauan berdasarkan isu yang telah dibangkit oleh Juruaudit syarikat bagi penyata kewangan semasa.	1,104	1,609	2,270
2.	Pemantauan ke atas Penyata Kewangan Syarikat Persendirian Terkecuali (EPC).	Pengeluaran Notis 27B Akta SSM 2001 kepada setiausaha syarikat yang mana perlu mengemukakan penyata kewangan beraudit dan memberikan maklum balas atas talian.	1,050	988	1,140
3.	Pemeriksaan data dan fizikal ke atas rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang perlu disimpan oleh PLT di bawah seksyen 69 Akta PLT 2012.	Menjalankan pemeriksaan ke atas rekod-rekod perakaunan PLT bagi pematuhan PLT di bawah seksyen 69 Akta PLT 2012.	84	35	36
4.	Pemeriksaan ke atas rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang perlu disimpan oleh syarikat asing bagi negara-negara yang berisiko tinggi di bawah seksyen 336A AS 1965.	<ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan fizikal berkaitan rekod perakaunan bagi syarikat asing mematuhi peruntukan di bawah seksyen 336A AS 1965. Fokus pemeriksaan pada negara yang berisiko tinggi bagi penggubahan wang haram seperti disenaraikan oleh FATF. 	14	14	9

NO.	AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
			2017	2016	2015
5.	Pemantauan data ke atas Syarikat Amanah.	Pemeriksaan data ke atas rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang perlu disimpan oleh Syarikat Amanah di bawah seksyen 167 AS 1965.	31	31	8
6.	Pemantauan data dan pemeriksaan terhadap lain-lain penyata kewangan.	Pemantauan ke atas penyata kewangan syarikat fokus kepada aduan rasmi, laporan juruaudit di bawah seksyen 266(8), (9) AS 2016 dan seksyen 174 (8A) dan (8) AS 1965, media dan laman sesawang dan syarikat yang membentangkan penyata kewangan tidak beraudit di mesyuarat agung tahunan di bawah seksyen 169 (4) AS 1965.	56	32	7
Jumlah			2,339	2,709	3,470

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Kesalahan-kesalahan adalah seperti jadual di bawah:

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AS 1965		JUMLAH KESALAHAN
Seksyen 165A Memberi percanggahan maklumat berhubung status keupayaan syarikat untuk memenuhi liabilitinya pada waktu ianya perlu dijelaskan dalam sijil EPC.		62
Seksyen 166A Gagal mematuhi piawaian perakaunan yang telah ditetapkan di dalam penyediaan penyata kewangan.		472
Seksyen 167 Gagal merekod dan menyimpan transaksi perakaunan dalam tempoh masa yang ditetapkan.		197
Seksyen 169(4) Gagal untuk membentangkan penyata kewangan yang telah diaudit di dalam MAT.		15
Seksyen 169(1) Gagal membentangkan penyata kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tahun kewangan berakhir.		6
Seksyen 336A Gagal merekod dan menyimpan transaksi perakaunan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh syarikat asing.		2
Seksyen 364(2) Memberi maklumat palsu dan mengelirukan kepada pendaftar.		2
Seksyen 365 Pengarah membuat pembayaran dividen dalam keadaan syarikat mengalami kerugian.		12

Pemantauan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)

Statistik berhubung pemantauan SBMJ bagi tiga (3) tahun adalah seperti jadual di bawah:

NO.	AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
			2017	2016	2015
1.	Pemeriksaan fizikal ke atas SBMJ	<ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan fizikal di pejabat berdaftar SBMJ untuk memastikan pematuhan dengan peruntukan AS 1965 berhubung penyediaan akaun. • Skop pemeriksaan memberi tumpuan kepada perkara seperti yang dinyatakan di bawah: <ul style="list-style-type: none"> (a) Merekod dan menyelenggara buku berkanun dan setiausaha syarikat menurut keperluan AS 1965 dan PS 1966. (b) Untuk memastikan pegawai SBMJ mentadbir syarikat dengan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi. (c) Memastikan SBMJ tidak disalahgunakan untuk kegiatan haram dan terhadap kepentingan awam. 	30 SBMJ	30 SBMJ	21 SBMJ
2.	Borang Maklumat Kewangan (BMK) dan Pengendali Kawalan Dalaman	<ul style="list-style-type: none"> • SBMJ menghendaki melaporkan operasinya kepada SSM termasuk pelaporan pengumpulan dana serta aktiviti pengagihan dana melalui Borang Maklumat Kewangan dan soal jawab kawalan dalaman. • Skop pemantauan: <ul style="list-style-type: none"> (a) Mengendalikan kaji selidik pematuhan untuk mendapatkan kesedaran SBMJ mengenai pengubahan wang haram dan isu berkaitan pembiayaan pengganas. (b) Mengumpul data melalui soal selidik yang berkaitan dengan polisi kawalan dalaman dan rekod perakaunan. (c) Memantau aktiviti SBMJ kerana mereka mempunyai risiko tinggi disalahgunakan sebagai platform untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang, terutamanya dalam pengubahan wang haram dan pembiayaan isu keganasan melalui kaji selidik dalam talian. 	1,208 BMK Pengendali Kawalan Dalaman: 50 SBMJ	1,432 BMK Pengendali Kawalan Dalaman: 0	360 BMK Pengendali Kawalan Dalaman: 0

NO.	AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN		
			2017	2016	2015
3.	Pemeriksaan Data: Pemantauan Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan SBMJ mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan. Memastikan rekod perakaunan SBMJ diselenggara dengan baik dan menyokong penemuan audit. Memastikan SBMJ mengekalkan rekod perakaunan yang betul dan mematuhi peruntukan AS 1965. Memantau SBMJ untuk memastikan setiap tahun SBMJ mengadakan AGM tahunan dan menyerahsimpan penyata tahunan dan penyata kewangan kepada Pendaftar. 	4,580 PK Melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> PK berstatus <i>Qualified</i> dan patuh kepada Seksyen 166A: 500 PK Berdasarkan kepada kategori SBMJ: 2,040 PK Berdasarkan kepada jumlah aset, jumlah asset semasa, jumlah liabiliti, hasil and perbelanjaan dalam Penyata Kewangan SBMJ: 2,040 PK 	-	-
4.	Memantau dana permulaan RM1 juta yang dinyatakan dalam syarat lesen di bawah seksyen 24(3) AS 1965 dalam tempoh enam (6) bulan selepas diperbadankan.	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan setiap SBMJ yang diperbadankan telah memenuhi keperluan di bawah seksyen 24 (3) AS 1965 dengan mendepositkan dana awal RM1 juta ke dalam akaun bank SBMJ dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pemerbadanan. Memantau transaksi akaun bank SBMJ. Bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi pelesenan supaya patuh kepada AS 1965. 	25 syarat lesen	-	-
5.	Program kesedaran yang berterusan	<ul style="list-style-type: none"> Untuk mendidik dan mengingatkan para pengarah syarikat tentang kewajipan fidusiai dan tanggungjawab undang-undang mereka. Hubungan rangkaian yang berterusan untuk memastikan setiausaha syarikat menyimpan rekod statutori, mengadakan mesyuarat agung tahunan dan menyerahkan dokumen berkanun yang sesuai. 	20 SBMJ	-	-
Jumlah			5,863	1,462	381

**TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS SYARIKAT BERHAD
MENURUT JAMINAN**

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AS 1965	JUMLAH TINDAKAN 2017	JUMLAH TINDAKAN 2016
Seksyen 166A Gagal mematuhi piawaian perakaunan yang telah ditetapkan di dalam penyediaan penyata kewangan	Notis kompaun: 1 syarikat	Notis kompaun: 1 syarikat Notis peringatan: 5 syarikat
Seksyen 19(2) Gagal mendapatkan kelulusan Menteri untuk memegang / melepaskan tanah.	Notis kompaun: 5 syarikat	Notis kompaun: 2 syarikat Notis peringatan: 1 syarikat
Seksyen 165(7) Gagal menyerahsimpan penyata tahunan bagi SBMJ.	-	Notis kompaun: 1 syarikat
Seksyen 7(11)(b) Gagal memberi maklumat yang diminta oleh Pendaftar berhubung Borang Maklumat Kewangan.	Notis kompaun: 1 syarikat	Notis kompaun: 1 syarikat
Seksyen 24(3) dan 24(6) Gagal mematuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh Menteri.	Kes dalam proses untuk penarikan balik lesen di bawah seksyen 24(6): 4 syarikat	Kes dalam proses untuk penarikan balik lesen di bawah seksyen 24(6): 2 syarikat
Seksyen 12 Notis pematuhan di bawah seksyen 12 berhubung kegagalan menyerahsimpan penyata tahunan.	-	Notis peringatan: 1 syarikat

Pelesehan dan Pemantauan Setiausaha Syarikat

Pada tahun 2017, sebanyak 2,606 (2016: 2,625) daripada 16,028 (2016: 16,102) individu yang menjalankan praktis sebagai setiausaha syarikat berlesen yang berdaftar dengan SSM.

Sebanyak 211 permohonan baharu bagi mendapatkan lesen setiausaha syarikat diterima oleh SSM sepanjang 2017 berbanding 271 permohonan pada tahun 2016. Melalui 37 sesi temuduga yang telah dijalankan, sebanyak 57% telah lulus dan layak diberi lesen berbanding 53% dalam tahun 2016.

Bagi pembaharuan lesen setiausaha, sebanyak 969 permohonan telah diterimanya mana 158 permohonan

telah dikuerti kerana gagal memenuhi keperluan skim mata Pendidikan Profesional Lanjutan SSM (**CPE**) yang telah diperkenalkan sejak Januari 2010.

Bagi pemantauan setiausaha syarikat, sebanyak 394 (2016: 413) penilaian kompetensi setiausaha syarikat telah dijalankan di pejabat berdaftar syarikat bagi menilai peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. Sebanyak 108 (2016: 272) notis pemantauan dikeluarkan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 235(2) di bawah AS 2016.

PELESEHAN SETIAUSAHA 16,028 (2016: 16,102) Setiausaha menjalankan praktis	2,606 (2016: 2,625) Setiausaha berlesen.	13,422 (2016: 13,477) Ahli Badan Profesional.	
	211 (2016: 271) Permohonan baharu lesen setiausaha.	969 (2016: 747) Permohonan pembaharuan lesen.	
	37 Sesi temuduga (2016: 39).	158 (2016: 88) Dikuriri kerana tidak patuh syarat CPE.	
	57% lulus untuk dilesenkan (2016: 53%).		
PEMANTAUAN SETIAUSAHA SYARIKAT 394 (2016: 413) Setiausaha dipantau	Kelayakan Setiausaha (Tamat tempoh lesen) 108 (2016: 272).	Status Kompetensi Kompeten: 95% Sederhana: 4% Tidak kompeten: 1%	Pemeriksaan ke atas Tahap Kecekapan 286 (2016: 141).
TINDAKAN (Berdasarkan hasil pemeriksaan) 2,424 (2016: 5,859) Notis dikeluarkan	92 (2016: 272) Notis Pematuhan di bawah seksyen 139C AS 1965 kepada setiausaha yang hilang kelayakan. 280 (2016: 4,465) Notis Pematuhan di bawah seksyen 139C AS 1965 kepada pengarah bagi menggantikan setiausaha yang hilang kelayakan.	2018 (2016: 1,417) Notis di bawah seksyen 139(1B) AS 1965 kepada pengarah yang gagal mengisi kekosongan jawatan setiausaha dalam tempoh 30 hari dari tarikh kekosongan jawatan. 34 (2016: 18) Tindakan Pentadbiran.	

Pemantauan Pemegang Saham Substansial

Pada tahun 2017, SSM telah mengenalpasti 380 kesalahan bagi kelewatan memaklumkan perubahan pegangan saham dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan tersebut yang melibatkan 188 pemegang saham substansial.

Ringkasan aktiviti pelesenan dan pemantauan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

PEMANTAUAN PEMEGANG SAHAM SUBSTANSIAL	188 pemegang saham substansial	380 kesalahan gagal memaklumkan dalam tempoh tujuh (7) hari
---------------------------------------	--------------------------------	-------------------------------------------------------------

Pemantauan Juruaudit

Aktiviti pemantauan tahun 2017 diringkaskan seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH PEMANTAUAN TAHUN 2017	JUMLAH PEMANTAUAN TAHUN 2016
Laporan Audit	737	1,692
Firma Audit	824	1,029
Juruaudit	657	802

Kesalahan yang dikenalpasti

1. 35 kesalahan di bawah seksyen 9(1)(c)(ii) AS 1965

Melibatkan 35 juruaudit yang bertindak sebagai juruaudit dan dalam masa yang sama merupakan majikan kepada pegawai syarikat berkenaan.

2. Enam (6) kes melibatkan pelanggaran syarat pembaharuan kelulusan sebagai juruaudit bil (i)(a)

Di mana pelesen telah bertindak sebagai juruaudit kepada syarikat di mana dia/pasangannya adalah pegawai syarikat berkenaan.

Tindakan bagi ketidakpatuhan

TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN	JUMLAH KETIDAKPATUHAN TAHUN 2017	JUMLAH KETIDAKPATUHAN PADA TAHUN 2016
Surat Amaran.	39	50
Notis Kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 9(1)(c)(ii) AS 1965.	35	50
Kes dirujuk kepada Jabatan Akauntan Negara bagi memaklumkan pelanggaran juruaudit.	6	8

SIASATAN

**PADA TAHUN 2017,
PENGUATKUASAAN
UNDANG-UNDANG
SCERA TEGAS
MASIH MENJADI
AGENDA UTAMA DI
DALAM FUNGSI
KAWALSELIA SSM.**

SSM terus menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara agresif terhadap kesalahan yang berkaitan dengan salah laku korporat dan pelanggaran undang-undang yang berkaitan. Sebanyak 521 kertas siasatan telah diselesaikan berbanding 324 pada tahun 2016. Bagi memastikan tahap penguatkuasaan yang tinggi, SSM terus menggunakan semua kuasa penguatkuasaan termasuk seksyen 27J(5) Akta SSM 2001 untuk menyekat perjalanan ke luar negara bagi individu yang gagal memberikan kerjasama dalam menjalankan siasatan. Tindakan administratif juga diambil seperti permohonan injunksi ke atas syarikat kepada Mahkamah Tinggi yang ingkar peruntukan akta dengan menghalang syarikat tersebut daripada meneruskan perniagaannya sehingga siasatan diselesaikan. Bagi mengukuhkan tindakan penguatkuasaan, SSM mengamalkan strategi yang komprehensif dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan effektif.



STRATEGIK 2

INOVASI

Mengamalkan budaya kerja berinovasi bagi pencapaian yang berkualiti



ANJAKAN PARADIGMA

Berubah bagi memenuhi kehendak pihak kepentingan



STRATEGIK 2

PENAMBAHBAIKAN

Meningkatkan kemahiran dan kebolehan


STRATEGIK 3

STRATEGIK 1

Pengendalian Kertas Siasatan

Berikut merupakan statistik pembukaan dan penyelesaian Kertas Siasatan (IP) / Kertas Inkuiiri (EP) bagi tahun 2017. Sebanyak 774 IP / EP telah disemak (yang mana 337 merupakan IP / EP yang baharu dibuka

dalam tahun semasa). Terdapat peningkatan sebanyak 60% di dalam penyelesaian IP / EP bagi tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016.



KERTAS SIASATAN DAN KERTAS INKUIRI DIBUKA DAN DISELESAIKAN



KESALAHAN LAZIM YANG DISIASAT
DI BAWAH AS 1965 & APP 1956

SEKSYEN 364(2) AS 1965



- Kemasukan atau pengeluaran pengarah syarikat tanpa pengetahuan
- Pemalsuan maklumat saham di dalam Borang 24 dan Borang 32A
- Pemalsuan maklumat di dalam Laporan Tahunan syarikat
- Pemalsuan maklumat di dalam Penyata Kewangan syarikat
- Mengisytiharkan maklumat palsu di dalam Borang 308 untuk permohonan pembatalan daftar syarikat
- Auditor palsu
- Laporan audit palsu

SEKSYEN 132 AS 1965



- Mengambil / menggunakan duit, kereta atau aset milik syarikat tanpa kebenaran pemegang saham
- Mengambil kesempatan ke atas peluang, maklumat dan kedudukan untuk kepentingan sendiri
- Membeli atau melupuskan harta syarikat bernilai substansial tanpa kebenaran pemegang saham
- Membuat keputusan urus niaga bukan untuk kepentingan syarikat atau untuk kepentingan diri sendiri
- Bersaing dengan syarikat untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang sama
- Transaksi dengan pihak yang berkaitan

SEKSYEN 366 AS 1965



- Mendorong orang awam untuk melabur di dalam sesbuah pelaburan melalui perjanjian/instrumen palsu
- Mendorong orang awam untuk melaburkan wang/asset/saham ke dalam pelaburan haram

SEKSYEN 12(1)(d) APP 1956



- Kemasukan atau pengeluaran pemilik atau rakan kongsi sesebuah perniagaan tanpa pengetahuan dan kebenaran
- Penggunaan alamat premis perniagaan tanpa pengetahuan dan kebenaran pemilik premis
- Menggunakan maklumat individu untuk pendaftaran perniagaan tanpa pengetahuan dan kebenaran

SEKSYEN 125(1) AS 1965



- Individu yang berstatus bankrap (tidak mendapat pelepasan dari mahkamah) bertindak sebagai pengarah atau pegawai dalam menguruskan syarikat

SEKSYEN 91 AS 1965



- Menawarkan skim pelaburan yang tidak berdaftar

Carian Maklumat

Dalam mengumpul bahan bukti serta maklumat saksi untuk melengkapkan setiap kertas siasatan, SSM telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan jalinan strategik melalui kaedah perkongsian

maklumat bersama dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Pengumpulan bukti dan maklumat telah dilakukan mengikut peruntukan undang-undang di Malaysia.



Carian
maklumat kewangan
melalui institusi
kewangan

192



Aktiviti Penguatkuasaan & Pentadbiran



OBJEKTIF:
Mendapatkan
keterangan saksi dan
mengumpul bukti
dokumen

Seksyen 7D AS 1965 /
Seksyen 111 Kanun Prosedur Jenayah
(Akta 593)

1,653



Seksyen 7B(2) AS 1965 /
Seksyen 27B Akta SSM 2001

289



Seksyen 7(11)(a)
AS 1965


68



Seksyen 10 APP 1956

206





SSM telah mengadakan jalinan kerjasama strategik bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain

melalui beberapa perbincangan dan mesyuarat berkenaan dengan aktiviti penguatkuasaan bersepada.



Pendakwaan & Litigasi

Antara program yang diadakan pada tahun ini ialah Persidangan Penguatkuasaan 2017 kali ke-9 pada 5 hingga 7 November 2017. Persidangan Penguatkuasaan

ini bertujuan untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini serta mengeratkan lagi hubungan antara warga kerja Pejabat Penguatkuasaan SSM.



**Jumlah Kes Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang Disabitkan
di bawah AS 1965 dan APP 1956**

NO.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965 DAN APP 1956	JUMLAH KES YANG DISABITKAN KESALAHAN		
		2017	2016	2015
KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS		2017	2016	2015
1.	Seksyen 91(1) AS 1965: Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan.	-	1	-
2.	Seksyen 94(1)(b) AS 1965: Gagal untuk mematuhi waad dalam surat ikatan amanah yang diluluskan.	-	-	-
3.	Seksyen 132(1) AS 1965: Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat.	-	-	-
4.	Seksyen 132(2)(a) AS 1965: Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung.	-	-	-
5.	Seksyen 363(3) AS 1965: Menawarkan syer-syer bagi pesanan atau belian kepada orang ramai.	-	-	-
6.	Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	4	1	1
7.	Seksyen 364A(1)(a) AS 1965: Seorang pegawai dengan disedarinya dan dengan sengaja memberi kuasa membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada ahli-ahli syarikat tersebut.	-	-	-
8.	Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	1	7	2
Jumlah		5	9	3

Jumlah Kes Kesalahan-Kesalahan Lazim yang Disabitkan
di bawah AS 1965 dan APP 1956

NO.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965 DAN APP 1956	JUMLAH KES YANG DISABITKAN KESALAHAN		
		2017	2016	2015
KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM		2017	2016	2015
1.	Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	197	138	222
2.	Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan.	141	16	86
3.	Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	674	582	874
4.	Seksyen 165A AS 1965: Gagal melampirkan penyata juruaudit.	9	-	12
5.	Seksyen 370(1) AS 1965: Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan.	29	44	-
6.	Seksyen 139C AS 1965: Setiausaha yang hilang kelayakan.	-	14	52
7.	Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	4	10	-
8.	Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	29	2	21
9.	Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan.	3	-	-
10.	Kaedah 17A(1)(b) APP 1956: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	-	10	-
11.	Kaedah 17A(2) APP 1956: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	1	11	1
Jumlah		1,087	827	1,268

Kes-kes penting pada 2017

NO.	PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
1.	Malim bin Mohamed lwn Pendakwa Raya	Menggunakan kedudukan sebagai pengarah untuk mendapatkan manfaat bagi dirinya	Seksyen 132(2)(d) AS 1965	<p>Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan perayu terhadap sabitannya bagi kesalahan telah menggunakan peluang korporat yang disedarinya semasa beliau menjalankan tugasnya selaku pengarah di Satang Jaya Sdn. Bhd. apabila beliau memberikan kontrak yang diperolehi daripada Kerajaan Malaysia kepada GSE Engineering Sdn. Bhd. dan Kobat Engineering Sdn. Bhd. untuk manfaat dirinya sendiri tanpa sebarang kelulusan di mesyuarat agung.</p> <p>Mahkamah menyatakan bahawa dapatan fakta terhadap kebersalahan perayu bagi semua pertuduhan yang dibuat oleh hakim bicara adalah betul dan tidak wajar untuk diganggu oleh Mahkamah Tinggi.</p> <p>Mahkamah turut membenarkan permohonan peguambela perayu untuk menggantung pelaksanaan hukumam sementara menanti rayuan lanjut di Mahkamah Rayuan dan mengekalkan nilai jaminan sebanyak RM140,000 dengan seorang penjamin ke atas perayu.</p>
2.	Pendakwa Raya lwn Annanithy A/L R Periasamy	Memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 12(1)(d) APP 1956	<p>Tertuduh telah dituduh atas kesalahan memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar di dalam Borang B iaitu borang Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan yang mana maklumat palsu tersebut adalah berkaitan dengan pengeluaran pemilik perniagaan Sunmark Hair Saloon.</p> <p>Mahkamah telah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah dan telah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya.</p> <p>Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 18 bulan dan denda RM10,000 jika gagal membayar denda, tiga (3) bulan penjara ke atas tertuduh.</p>

NO.	PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
3.	Pendakwa Raya lwn Thanasilan a/l Rajandran	Memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 12(1)(d) APP 1956	<p>Tertuduh telah memberi maklumat palsu kepada Pendaftar melalui Borang A bagi alamat perniagaan Booking Enterprise di mana tertuduh mengetahui bahawa ia bukan alamat yang benar.</p> <p>Tertuduh telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.</p> <p>Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM4,000.00 dan jika gagal membayar denda, penjara lima (5) bulan.</p>
4.	Pendakwa Raya lwn Koh Thong Siang	Memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 12(1)(d) APP 1956 (e-Lodgement)	<p>Tertuduh merupakan pengarah syarikat firma pengurusan PKP Business Management Sdn. Bhd. dan telah didakwa dengan tiga (3) pertuduhan kerana telah memberi maklumat palsu kepada Pendaftar berkaitan kemasukan individu bernama Liew Woon Kian sebagai pemilik perniagaan bagi tiga (3) perniagaan yang berlainan melalui Borang-Borang A bertarikh 20.3.2014, 4.6.2014 dan 11.6.2014 di mana pendaftaran tiga (3) perniagaan tersebut dilakukan melalui sistem e-Lodgement SSM.</p> <p>Tertuduh telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan-pertuduhan dan telah dikenakan denda sebanyak RM2,000 bagi setiap kesalahan.</p>
5.	Pendakwa Raya lwn Goh Hee Seng	Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 364(2) AS 1965	<p>Tertuduh telah didakwa dengan dua (2) pertuduhan iaitu memberi maklumat palsu kepada Pendaftar berkaitan pemotongan nama syarikat di bawah seksyen 308(1) AS 1965 bagi syarikat Bukit Nilai Development Sdn. Bhd. dan Build Through Engineering Sdn. Bhd.</p> <p>Tertuduh telah mengaku salah dan dijatuhkan hukuman dengan denda sebanyak RM40,000 dan jika gagal membayar denda, penjara tiga (3) bulan.</p>

Pendaftaran Kes Mahkamah Tahun 2017

SSM telah merekodkan pendaftaran kes di Mahkamah sebanyak 1,917 kes bagi kesalahan-kesalahan lazim manakala 14 kes telah didaftarkan di Mahkamah bagi

kesalahan tadbir urus korporat. Pecahan jumlah kes adalah seperti di bawah:

**Jumlah kes Kesalahan-Kesalahan Lazim yang didaftarkan
di bawah AS 1965 dan APP 1956**

NO.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965 DAN APP 1956	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
		2017	2016	2015
KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM		2017	2016	2015
1.	Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan MAT syarikat.	576	1,721	581
2.	Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dimesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan.	596	1,342	499
3.	Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	8,991	11,510	8,041
4.	Seksyen 121(1)(b) AS 1965: Gagal mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat.	1	50	1
5.	Seksyen 121(3) AS 1965: Kegagalan mempamerkan nama syarikat di semua pejabat.	-	30	2
6.	Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	2	-	-
7.	Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	158	104	133
8.	Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan.	18	20	2
9.	Kaedah 17A(1)(b) APP 1956: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	22	12	1
10.	Kaedah 17A(2) APP 1956: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	35	44	9
Jumlah		10,399	14,833	9,269

Jumlah Kes Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang didaftarkan
di bawah AS 1965 dan APP 1956

NO.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965 DAN APP 1956	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
		2017	2016	2015
KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS				
1.	Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	2	35	1
2.	Seksyen 7D(5) AS 1965: Kegagalan mematuhi notis 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar.	1	-	1
3.	Seksyen 89 AS 1965: Pengeluaran kepentingan kepada orang awam bukan daripada syarikat atau ejen syarikat.	-	-	1
4.	Seksyen 91(1) AS 1965: Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan.	-	1	1
5.	Seksyen 125(1) AS 1965: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	2	4	2
6.	Seksyen 132(1) AS 1965: Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat.	-	1	-
7.	Seksyen 132(2)(c) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat.	-	-	1
8.	Seksyen 132(2)(d) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan peluang dalam syarikat yang dia sedari.	-	-	1
9.	Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan pernyataan palsu atau mengelirukan.	8	7	5
10.	Seksyen 370(1) AS 1965: Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan.	61	20	-
Jumlah		74	68	13

Sabitan Pendakwaan Pada Tahun 2017

NO.	KATEGORI	KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	KESALAHAN LAZIM
1.	Syarikat	-	488
2.	Pengarah	1	521
3.	Pemilik/Perniagaan Individu	2	22
Jumlah		3	1,031

LITIGASI

	JUMLAH FAIL YANG DIBUKA 2017	JUMLAH FAIL YANG DIBUKA 2016	JUMLAH FAIL YANG DIBUKA 2015	
KES MAHKAMAH	01 408	440	450	
	4	27	15	02
PROJEK / MESYUARAT	03 1	2	6	
	12	6	5	04
	JUMLAH	425	475	476

PANDANGAN PERUNDANGAN

PELBAGAI

Ulasan Kes-Kes Sivil Penting Yang Melibatkan SSM

Kes-kes sivil yang dikendalikan oleh SSM meliputi isu-isu berikut:

- (a) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (seksyen 555 AS 2016);
- (b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (seksyen 335 AS 2016);

- (c) Tindakan di bawah ASK 2016;
- (d) Permohonan berkaitan dengan pindaan pada dokumen di bawah AS 2016;
- (e) Penguatkuasaan serah simpan dokumen di bawah seksyen 607 AS 2016; dan
- (f) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.



ULASAN KES SIVIL PENTING MELIBATKAN SSM

MAHKAMAH TINGGI
MALAYA DI KUALA LUMPUR
SAMAN PEMULA NO:
WA-24NCC-393-09/2017
PENDAFTAR SYARIKAT
(SURUHANJAYA SYARIKAT
MALAYSIA)
V. AJWA DATE PLANTATION
BERHAD & DATE PALM
AGRO BERHAD



Ini merupakan permohonan SSM terhadap Defendan-Defendant untuk injunksi terhadap penganjur skim pelaburan tidak berdaftar melibatkan tanaman 'pokok Kurma Safawi'. SSM telah memperolehi Perintah Injunksi dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Dagang) terhadap penganjur skim pelaburan tidak berdaftar melibatkan tanaman 'pokok Kurma Safawi' pada 26 Oktober 2017. Penganjur skim ini adalah Ajwa Date Plantation Berhad (No. Syarikat.: 1145358-X) ("ADPB") dan syarikat Date Palm Agro Berhad (No. Syarikat.: 1150928-H) ("DPAB"). Melalui perintah injunksi ini, syarikat ADPB dan syarikat DPAB, Pegawai-pegawaiannya, ejen dan/ atau pekerja dan/atau mana-mana entiti lain di bawah arahannya adalah dilarang daripada terus menawarkan skim pelaburan tidak berdaftar melibatkan tanaman 'pokok Kurma Safawi' sehingga mereka mematuhi peruntukan di bawah Bahagian II dan III ASK 2016. Kes ini bersidang di hadapan YA Hakim Khadijah Binti Idris. Mahkamah juga memutuskan kos sebanyak RM2,000.00 dibayar kepada SSM oleh setiap Defendant.



MAHKAMAH SESYEN SHAH ALAM

SAMAN PEMULA NO:
BA-A54-69-09/2017
SAYEEDA BINTI ALAGAN
(DAHULUNYA DIKENALI
SEBAGAI KALIDEVI A/P
ALAGAN)
V. SURUHANJAYA SYARIKAT
MALAYSIA



Tindakan sivil ini adalah lanjutan daripada sabitan bersalah ke atas Annanithy A/L R Periasamy di bawah seksyen 12(1)(d) APP 1956 di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Tindakan pendakwaan telah diambil oleh SSM ke atas tertuduh iaitu Annanithy A/L R Periasamy dan pihak SSM telah berjaya membuktikan kes melampaui kerauan munasabah. Pihak Plaintiff dalam tindakan sivil ini, Sayeeda Binti Alagan adalah merupakan pemilik sebenar kepada satu perniagaan bernama Sunmark Hair Saloon (No. Perniagaan:001157447-T) (selepas daripada ini dirujuk sebagai "Perniagaan Sunmark"). Plaintiff telah memohon kepada Mahkamah untuk Perintah-perintah yang antara lainnya adalah menurut peruntukan Seksyen 7 APP 1956 untuk membetulkan maklumat Perniagaan Sunmark.

SSM telah meneliti permohonan pihak Plaintiff, dan berdasarkan kepada bukti-bukti semasa yang dikemukakan oleh pihak Plaintiff, serta kebenaran bertulis oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (Sayeeda adalah seorang yang Bankrap) yang membenarkan agar pihak Plaintiff memulakan tindakan Mahkamah ini, SSM berpendapat bahawa Mahkamah patut mempertimbangkan untuk membenarkan Permohonan Plaintiff dengan syarat bayaran kos permohonan dibayar oleh pihak Plaintiff kepada SSM.

YA Hakim Mahkamah Sesyen Puan Norshila Binti Kamaruddin bersetuju dengan pandangan pihak SSM dan telah membenarkan permohonan pihak Plaintiff serta mengarahkan agar pihak Plaintiff membayar kos permohonan kepada SSM.



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agenzi di bawah KPDNKK)

Salinan Disahkan Benar Secara Digital

Salinan disahkan benar secara digital (*Digital CTC*) adalah transformasi perkhidmatan pengesahan dokumen secara manual kepada digital melalui gabungan teknologi pengimejan dokumen, tandatangan digital, *Quick Response Code (QR Code)* dan *date time stamping*.



Salinan dokumen ini disahkan benar melalui proses pengesahan secara digital yang dilakukan oleh POS Digicert Sdn. Bhd. (457608-K) selaku syarikat yang diberi kuasa sebagai "*Certification Authority*" di Malaysia di bawah Seksyen 8, Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan Tandatangan Digital 1998.



Digital CTC boleh diperolehi melalui



<https://www.mydata-ssm.com.my>

03-2775 9339

support@mydata-ssm.com.my





PENYATA KAWALAN DALAMAN

Seksyen Audit Dalaman telah diberi mandat untuk menyediakan perkhidmatan perundingan dan jaminan bebas dan objektif yang dirangka untuk menambah nilai dan membantu SSM mencapai visinya. Ini dilaksanakan menerusi suatu pendekatan yang sistematis dan berdisiplin untuk menilai dan menambah baik keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman, operasi dan tadbir urus. Seksyen Audit Dalaman akan menambah nilai dengan memilih audit yang boleh menyumbang kepada pencapaian objektif strategik dan muncul sebagai agensi penasihat yang dipercayai bagi memastikan pencapaian segala matlamat penting SSM.

Seksyen Audit Dalaman memelihara keberkecualian, kemahiran dan tahap profesionalisme yang sewajarnya seperti yang digariskan dalam Piagam Audit Dalaman dengan membuat perancangan dan laporan secara langsung kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Audit (JPRA). Seksyen Audit Dalaman menerima pakai standard dan prinsip yang telah ditetapkan dalam Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa oleh Institute of Internal Auditors. Pendekatan yang diguna pakai oleh Seksyen Audit Dalaman adalah audit berdasarkan analisis data dan risiko.

Seksyen Audit Dalaman melaporkan aspek kefungsianya kepada JPRA dan aspek pentadbirannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Ia menjalankan audit ke atas pelbagai bidang secara bebas termasuk aktiviti pengurusan, perakaunan, kewangan dan operasi selaras dengan rancangan audit dalaman tahunan yang telah dibentangkan untuk kelulusan JPRA.



PENYATA KEWANGAN





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 48.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) untuk disimpan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



ZAAABA BIN ZAINUDDIN, C.A.(M)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 OGOS 2018



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **DATO' SRI JAMIL BIN HJ. SALLEH** dan **DATO' ZAHRAH BT ABD WAHAB FENNER**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

Nama : **DATO' SRI JAMIL
BIN HJ. SALLEH**

Gelaran: **PENGERUSI SURUHANJAYA**

Tarikh : **30 OGOS 2018**

Tempat : **KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Suruhanjaya,

Nama : **DATO' ZAHRAH BT
ABD WAHAB FENNER**

Gelaran: **ANGGOTA SURUHANJAYA**

Tarikh : **30 OGOS 2018**

Tempat : **KUALA LUMPUR**


SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG PERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Saya, **ROSLI BIN HJ AHMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di **KUALA LUMPUR** pada
30 OGOS 2018



Di hadapan saya,

W 505
ALI BIN OMAR

PESURUJAYA SUMPAH

MALAYSIA

Tingkat 11, Blok A2-2, Wisma Yakin
Jalan Masiid India 50100 Kuala Lumpur

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

NOTA	2017 RM	2016 RM
Aset Bukan Semasa		
Harta, kelengkapan dan peralatan	4 134,015,559	123,784,018
Hartanah pelaburan	5 8,724,017	-
Pelaburan jangka panjang	6 160,589,952	106,018,686
Kerja dalam kemajuan	7 23,286,833	2,081,513
Pembentangan pekerja	8 55,309,681	57,351,768
	381,926,042	289,235,985
Aset Semasa		
Penghutang perdagangan	9 6,457,459	2,223,652
Penghutang lain, deposit dan pra bayar	10 41,195,695	35,796,752
Pelaburan jangka pendek	11 493,701,628	491,153,866
Inventori	12 277,820	277,820
Tunai dan kesetaraan tunai	13 78,423,772	42,083,499
	620,056,374	571,535,589
JUMLAH ASET	1,001,982,416	860,771,574

Nota-nota di muka surat 10 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan) PADA 31 DISEMBER 2017

NOTA	2017 RM	2016 RM
EKUITI DAN LIABILITI		
Ekuiti		
Lebihan terkumpul	758,701,722	646,896,496
Dana pembiayaan pekerja	14 91,000,000	91,000,000
	849,701,722	737,896,496
Liabiliti Bukan Semasa		
Geran Kerajaan	15 -	5,152,876
Peruntukan faedah pekerja	16 52,552,152	55,494,772
	52,552,152	60,647,648
Liabiliti Semasa		
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	17 55,845,096	28,769,616
Pemiutang lain	18 19,698,681	22,237,133
Pemiutang projek	19 5,684,765	1,430,681
Cukai dan Zakat	24 18,500,000	9,790,000
	99,728,542	62,227,430
Jumlah Liabiliti	152,280,694	122,875,078
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	1,001,982,416	860,771,574

Nota-nota di muka surat 10 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	NOTA	2017 RM	2016 RM
Pendapatan	20	430,071,432	379,718,073
Perbelanjaan Operasi			
Kos pekerja	21	126,167,535	182,458,048
Kos pentadbiran	22	108,914,330	92,804,269
Susutnilai	4	8,705,887	7,975,174
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang		133,358	319,368
Kerugian di atas pelupusan pelaburan dan pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		–	262,490
		243,921,110	283,819,349
Lebihan sebelum Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan		186,150,322	95,898,724
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	16	55,845,096	28,769,616
Lebihan sebelum Cukai	22	130,305,226	67,129,108
Cukai dan Zakat	23	18,500,000	9,790,000
LEBIHAN BAGI TAHUN		111,805,226	57,339,108

Nota-nota di muka surat 10 hingga 48 merupakan
sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	2017 RM	2016 RM
Lebihan bagi tahun	111,805,226	57,339,108
Pendapatan Komprehensif Lain:		
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-
JUMLAH PENDAPATAN KEMPREHENSIF BAGI TAHUN	111,805,226	57,339,108

Nota-nota di muka surat 10 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	LEBIHAN TERKUMPUL RM	DANA PEMBIAYAAN PEKERJA RM	JUMLAH RM
Baki pada 1 Januari 2017	646,896,496	91,000,000	737,896,496
Lebihan bagi tahun	111,805,226	-	111,805,226
Pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	111,805,226	-	111,805,226
BAKI PADA 31 DISEMBER 2017	758,701,722	91,000,000	849,701,722
Baki pada 1 Januari 2016	589,557,388	91,000,000	680,557,388
Lebihan bagi tahun	57,339,108	-	57,339,108
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun	-	-	-
Pendapatan komprehensif bagi tahun	57,339,108	-	57,339,108
BAKI PADA 31 DISEMBER 2017	646,896,496	91,000,000	737,896,496

Nota-nota di muka surat 10 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	2017 RM	2016 RM
Aktiviti Operasi		
Lebihan sebelum cukai	130,305,226	67,129,108
Pelarasan bagi:		
Susutnilai	8,705,887	7,975,174
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	133,358	319,368
(Keuntungan)/Kerugian dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	(267,722)	24,046
Keuntungan dari pembiayaan	(1,550,793)	(2,124,217)
Keuntungan dan dividen daripada pelaburan	(24,756,332)	(25,211,260)
Pembalikan kerugian rosotnilai	–	(3,150,981)
KEUNTUNGAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	112,569,624	44,961,238
Perubahan di dalam inventori	–	(220)
Perubahan di dalam penghutang perdagangan	(4,233,807)	702,064
Perubahan di dalam penghutang lain, deposit dan prabayar	(5,398,943)	(24,956,268)
Perubahan di dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	27,075,480	(21,895,444)
Perubahan di dalam pemutang lain	(2,538,452)	1,574,248
Perubahan di dalam pemutang projek	4,254,084	1,430,681
Perubahan di dalam peruntukan faedah pekerja	(2,942,620)	55,153,649
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI	128,785,366	56,969,948

Nota-nota di muka surat 10 hingga 48 merupakan
sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan) BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	2017 RM	2016 RM
Keuntungan dan dividen pelaburan	24,756,332	25,211,260
Zakat berbayar	(9,790,000)	(7,235,000)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI	143,751,698	74,946,208
Tunai dari aktiviti pelaburan		
Pemerolehan harta, kelengkapan dan peralatan	(18,937,932)	(4,874,641)
Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	268,226	2,648
Hartanah pelaburan	(8,724,017)	-
Kerja dalam kemajuan	(21,205,320)	2,735,482
Peletakan dalam pelaburan	(57,252,386)	(76,142,732)
Pengkelasan semula geran	(5,152,876)	-
Pembentangan pekerja	-	14,394,231
Pembentangan pekerja	3,592,880	(2,904,656)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN	(107,411,425)	(66,789,668)
PERTAMBAHAN/ (PENGURANGAN) TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	36,340,273	8,156,540
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	42,083,499	33,926,959
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	78,423,772	42,083,499

Nota-nota di muka surat 10 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah mengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan mana-mana perundungan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas. Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

Ibu pejabat Suruhanjaya beroperasi di alamat Menara SSM @ Sentral, No 7. Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali seperti yang didekahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan mengikut MPERS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

(b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambilkira semua perbelanjaan terus dan susut nilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

(i) Kos

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset.

Kos berikutnya diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

(ii) Susutnilai

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilaiaw semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	Tempoh pajakan
Bangunan	2%
Peralatan Bangunan	20%
Kenderaan	20%
Perisian dan Perkakasan Komputer	20% - 33 1/3%
Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan	20%
Ubahsuai	20% - 33 1/3%

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan akan dihentikan apabila dinyahiktiraf dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda rosotnilai. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk nota 2(d) polisi perakaunan mengenai rosotnilai aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(d) Rosotnilai Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian rosotnilai sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

(e) Pajakan

Termasuk pajakan oleh Suruhanjaya yang menjangka dengan ketara segala risiko dan ganjaran bagi hak pemilikan adalah dikategorikan sebagai pajakan kewangan dan termasuk pajakan di mana Suruhanjaya menjangka dengan ketara semua risiko dan ganjaran dikategorikan sebagai pajakan operasi.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi dikenalpasti sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh pajakan.

(f) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

(g) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermudahkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

(h) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang rugu.

(i) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun invois ditolak peruntukan hutang rugu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

(j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(k) Inventori

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

(l) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

(m) Faedah Pekerja

(i) Faedah Pekerja Jangka Pendek

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

(ii) Pelan Caruman Wajib

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk pekerja yang berada dalam skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

(iii) Faedah Pekerja Jangka Panjang

Pembayaran faedah pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/ atau setelah tamat perkhidmatan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai kos faedah pekerja, manakala dalam penyata kedudukan kewangan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(m) Faedah Pekerja (sambungan)

(iii) Faedah Pekerja Jangka Panjang (sambungan)

Jenis-jenis faedah pekerja jangka panjang yang diiktiraf adalah seperti berikut:

- a) ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan (GPS); dan
- b) ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM)

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara atau yang tamat tempoh perkhidmatan adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Gaji akhir di bawah sistem Saraan Malaysia digunakan untuk pengiraan liabiliti di bawah GPS manakala jangkaan gaji masa hadapan digunakan untuk pengiraan liabiliti bayaran gantian cuti rehat dalam bentuk tunai di bawah SSSSM.

(iv) Pelan Manfaat Tetap

Suruhanjaya telah menubuhkan Pelan Manfaat Tetap yang dinamakan Saguhati Tamat Perkhidmatan bagi pekerja Suruhanjaya selepas tamat perkhidmatan.

Suruhanjaya menentukan nilai semasa obligasi faedah dan nilai saksama pelan secara tetap supaya jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tidak berlainan materialiti daripada jumlah pada akhir tempoh pelaporan.

(n) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) mewakili caruman sebanyak tiga puluh peratus (30%) daripada lebihan tahunan semasa sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 35(1) (Pindaan) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah lebihan tahunan semasa sebelum peruntukan cukai dan zakat.

(o) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

(p) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(p) Cukai (sambungan)

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar-benar boleh dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

(r) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskau.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

(i) Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing - masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

.....(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001).....

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(r) Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

(ii) Kompaun

Kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima kerana memandangkan setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah merupakan satu tawaran dengan tempoh pembayaran yang ditetapkan oleh Pendaftar. Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan selaras dengan peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

(iii) Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

(iv) Faedah, Dividen Dan Keuntungan

Faedah, dividen dan keuntungan diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti dapat diakrukan kepada Suruhanjaya.

(s) Pelaburan Hartanah

Pelaburan harta tanah merangkumi bahagian pejabat bangunan dan tanah bagi tujuan peningkatan modal atau peroleh hasil sewaan atau kedua-duanya.

Pada peringkat awal pelaburan harta tanah direkodkan berdasarkan kos yang terdiri daripada harga belian dan sebarang perbelanjaan secara langsung serta kos lain semasa urusan belian. Kemudiannya pelaburan harta tanah direkodkan berdasarkan nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, dan perubahan dalam nilai saksama direkodkan dalam penyata pendapatan.

Kos pengubahsuaian dan penambahbaikan utama direkodkan sebagai asset dan jumlah bawaan bagi komponen yang digantikan direkodkan dalam penyata pendapatan. Kos penyelenggaraan, pembaikpulih dan penambahbaikan kecil direkodkan di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

Bagi pelupusan pelaburan harta tanah, perbezaan di antara hasil pelupusan dan jumlah bawaan direkodkan di dalam penyata pendapatan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(t) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan kedua-dua aset kewangan sesuatu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti sesuatu perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.

3. ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

(a) Susut Nilai pada Harta, Kelengkapan dan Peralatan

Kos bagi sesuatu harta, kelengkapan dan peralatan telah disusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus yang menggambarkan penggunaan manfaat ekonomi aset tersebut berbanding dengan hayat penggunaan. Jangkaan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat penggunaan dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi harta, kelengkapan dan peralatan berkemungkinan berbeza daripada jangkaan yang digunakan dan ini akan membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu harta, kelengkapan dan peralatan.

(b) Faedah Tetap Liabiliti atau Aset

Suruhanjaya mempunyai pelan manfaat tetap untuk pekerjanya. Pengukuran nilai semasa pelan manfaat tetap ini adalah berdasarkan pada bilangan anggaran dan faktor yang ditentukan oleh asas aktuari perakaunan. Andaian yang digunakan dalam pengukuran kos pelan manfaat tetap dan liabiliti atau aset berkaitan termasuk jangkaan gaji pekerja, penggantian pekerja, inflasi, kos faedah dan kadar diskon yang bersesuaian menggunakan kadar peletakan di institusi tempatan dalam setiap bidang kuasa. Setiap perubahan dalam andaian akan mempunyai implikasi pada jumlah bawaan pada obligasi pelan manfaat tetap.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

Kos	BANGUNAN RM	PERALATAN BANGUNAN RM	PERALATAN PERABOT PEJABAT DAN KELENGKAPAN RM	PERISIAN DAN PERKAKASAN KOMPUTER RM	KENDERAAN RM	UBAHSUAI RM	JUMLAH RM
Pada 1 Januari 2017	135,307,436	16,650,580	14,815,965	64,257,647	7,802,588	34,882,340	273,716,556
Tambahan	6,231,441	-	2,538,480	6,918,634	315,660	2,933,465	18,937,680
Pelupusan	-	-	[510,853]	[31,715]	[1,944,972]	[2,508,927]	[4,996,467]
PADA 31 DISEMBER 2017	141,538,877	16,650,580	16,843,592	71,144,566	6,173,276	35,306,878	287,657,769
 Susutnilai terkumpul							
Susutnilai pada 1 Januari 2017	18,943,043	16,650,569	13,373,621	59,068,548	7,014,440	34,882,317	149,932,538
Susutnilai Pelupusan	2,758,077	-	756,649	4,477,553	469,153	244,455	8,705,887
PADA 31 DISEMBER 2017	21,701,120	16,650,569	13,619,548	63,514,392	5,538,640	32,617,941	153,642,210
NILAI BUKU BERSIH PADA 31 DISEMBER 2017	119,837,757	11	3,224,044	7,630,174	634,636	2,688,937	134,015,559

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Kos	BANGUNAN RM	PERALATAN BANGUNAN RM	PERALATAN PERABOT PEJABAT DAN KELENGKAPAN RM	PERISIAN DAN PERKAKASAN KOMPUTER RM	KENDERAAN RM	UBAHSUAI RM	JUMLAH RM
Pada 1 Januari 2016	135,307,436	16,650,580	14,082,705	60,790,336	7,447,588	35,654,584	269,933,229
Tambahan	-	-	1,001,500 (268,240)	3,715,790 (248,479)	355,000	-	5,072,290 (1,288,963)
Pelupusan	-	-			-	(772,244)	
PADA 31 DISEMBER 2016	135,307,436	16,650,580	14,815,965	64,257,647	7,802,588	34,882,340	273,716,556
Susutnilai terkumpul dan kemerosotan							
Susutnilai pada 1 Januari 2016	16,236,894	16,650,569	13,209,666	55,221,323	6,246,619	35,654,561	143,219,632
Rosotnilai pada 1 Januari 2016	-	-	-	3,150,981	-	-	3,150,981
Susutnilai	2,706,149	-	429,176 (265,221)	4,072,028 (224,803)	767,821	-	7,975,174 (1,262,268)
Pelupusan	-	-	-	(3,150,981)	-	(772,244)	(3,150,981)
Pelepasan kerugian kemerosotan	-	-	-	-	-	-	-
PADA 31 DISEMBER 2016	18,943,043	16,650,569	13,373,621	59,068,548	7,014,440	34,882,317	149,932,538
NILAI BUKU BERSIH PADA 31 DISEMBER 2016							
	116,364,393	11	1,442,344	5,189,099	788,148	23	123,784,018

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Aset-aset di bawah Projek Migrasi telah dipeletakhkan kepada Suruhanjaya mengikut Perjanjian Novasi (Novation Agreement) bertarikh 23 April 2004 dan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh peletakhkan. Penerbalikan kerugian rosot nilai berjumlah RM 3,150,981 telah dibuat pada tahun 2016 selepas mengambil kira naik taraf aset dan direkodkan di dalam penyata pendapatan.

Pelarasan semula kategori harta, kelengkapan dan peralatan ke atas aset tahun-tahun terdahulu yang telah mempunyai susutnilai sepenuhnya:

	PERALATAN PERABOT PEJABAT DAN KELENGKAPAN RM	PERISIAN DAN PERKAKASAN KOMPUTER RM
Susut Nilai Terkumpul:		
Baki Pada 1 Januari 2016	13,048,818	55,184,532
Pelarasan semula	160,848	36,800
BAKI PADA 1 JANUARI 2016	13,209,666	55,221,323

5. PELABURAN HARTANAH

	2017 RM	2016 RM
Pada 1 Januari	-	-
Tambahan	8,724,017	-
Perubahan dalam nilai saksama	-	-
PADA 31 DISEMBER	8,724,017	-

Nilai saksama pelaburan harta tanah ditentukan dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran harta tanah yang setanding dengan harga pasaran terkini. Pelaburan harta tanah direkodkan pada nilai saksama di dalam penyata pendapatan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

6. PELABURAN JANGKA PANJANG

	2017 RM	2016 RM
Pelaburan jangka panjang	192,249,478	204,142,347
Bahagian pelaburan semasa matang dalam tempoh satu (1) tahun (Lihat nota 11)	(31,659,526)	(98,123,661)
	160,589,952	106,018,686
 Pelaburan pada kos terlunas:		
Sukuk	110,304,075	135,222,209
Sekuriti Hutang	29,901,834	14,942,747
Akaun Amanah	47,335,860	49,086,569
Pelaburan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian ("FVTPL"): Dana Public Ittikal Sequal	4,707,709	4,890,822
	192,249,478	204,142,347

Pelaburan jangka panjang terdiri daripada pelaburan dalam Keluaran Pelaburan Kerajaan, Cagamas Berhad Sukuk dan *Islamic Medium Term Notes* dengan kadar kupon antara 4.0% hingga 5.0% (2016: 3.55% hingga 5.01%). Tempoh peletakan bagi pelaburan ini adalah sehingga sepuluh (10) tahun.

Suruhanjaya juga telah meletakkan dananya dalam Akaun Amanah Institusi yang diselenggarakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam berhad dengan saham yang diperbadarkan di Malaysia. Keuntungan kasar boleh terima oleh Suruhanjaya ialah 4.25% hingga 4.40% setahun (2016: 4.25% hingga 4.40% setahun) dengan tempoh matang peletakan selama tiga (3) tahun (2016: tiga (3) tahun).

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

7. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	2,081,513	4,816,995
Tambahan kerja dalam kemajuan dalam tahun semasa	52,191,691	4,427,302
Pindahan ke penyata pendapatan	(5,649,204)	(3,449,534)
Permodalan kepada harta, kelengkapan dan peralatan	(25,337,167)	(3,713,250)
BAKI PADA 31 DISEMBER	23,286,833	2,081,513

Kerja dalam kemajuan adalah termasuk bangunan Suruhanjaya dan projek teknologi maklumat dan komunikasi ditawarkan pada tahun semasa seperti berikut:

	2017 RM	2016 RM
Bangunan dan pengubahsuaian dalam kemajuan	10,150,058	-
Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kemajuan	13,136,775	2,081,513
BAKI PADA 31 DISEMBER	23,286,833	2,081,513

Projek-projek ini telah diklasifikasikan sebagai kerja dalam kemajuan pada tahun semasa berdasarkan invois yang diterima.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

7. KERJA DALAM KEMAJUAN

(a) Pembinaan Bangunan Pejabat Suruhanjaya

Suruhanjaya telah memeterai perjanjian bersama Basco Sdn Bhd (BSB) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan (PSKNP) untuk pembelian sebidang tanah dan membina bangunan lapan (8) tingkat bersama dengan dua (2) tingkat tempat letak kenderaan dan petak aksesori berjumlah RM 70.0 juta. Perjanjian jual dan beli telah ditandatangani pada 21 November 2016.

Tanah tersebut berstatus pajakan untuk tempoh sembilan puluh sembilan (99) tahun yang berakhir pada tahun 13 Mei 2112.

Suruhanjaya juga telah membeli bangunan dengan pemilikan kosong bersama-sama dengan 10 Pejabat Blok Pejabat Komersial dengan sub-basement di Section 64, Daerah Bandaraya Kuching, Dataran Bandar, Jalan Pending, Kuching, Sarawak dari Marawak Sdn. Bhd. melalui perjanjian jual beli bertarikh 23 Mei 2017. Harga pembelian harta tanah tersebut termasuk 62 tempat letak kereta percuma adalah RM 18.0 juta.

Selain daripada bangunan utama, Suruhanjaya juga telah menawarkan Marawak Sdn Bhd untuk melakukan kerja reka bentuk dalaman pejabat yang merangkumi kerja audio visual dan mekanikal, kerja-kerja pemasangan elektrik, kelengkapan dan pemasangan yang berjumlah RM 5.0 juta.

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM 31,805,253 (2016: tiada) adalah diperolehi daripada perkembangan kemajuan dalam tahun kewangan semasa.

Kerja dalam kemajuan berjumlah RM 25,337,167 (2016: RM 3,713,250) dipermodalkan di dalam tahun kewangan semasa berdasarkan tarikh Suruhanjaya memulakan operasi di bangunan tersebut.

(b) Pembangunan dan Pemasangan Infrastruktur dan Peralatan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM 20,386,437 (2016: RM 4,427,302) diperolehi daripada projek teknologi maklumat dan komunikasi yang sedia ada dan baru ditawarkan adalah masih dalam proses pembangunan pada tahun kewangan semasa.

Kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM 6,668,689 (2016: RM 3,713,250) dipermodalkan pada tahun kewangan semasa berdasarkan projek yang telah siap dan sedia untuk kegunaan atau berdasar sijil penerimaan yang dikeluarkan dalam tahun semasa.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

8. PEMBIAYAAN PEKERJA

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari Pembiayaan pekerja	57,351,768	66,717,126
<u>Pelarasan untuk MPERS pada 1 Januari 2016</u>		
Pembiayaan perumahan	–	(14,980,993)
Pembiayaan kenderaan	–	(88,418)
Pembiayaan komputer	–	(1,878)
<u>Pembiayaan bersih dan Perubahan dalam Nilai Semasa</u>		
Pembiayaan perumahan	(3,025,160)	4,290,511
Pembiayaan kenderaan	959,095	1,380,689
Pembiayaan komputer	23,978	34,731
BAKI PADA 31 DISEMBER	55,309,681	57,351,768

Pembiayaan pekerja merangkumi pembiayaan perumahan, kenderaan dan komputer secara Islamik kepada pekerja Suruhanjaya. Pembiayaan kenderaan dan komputer mempunyai tempoh bayaran balik maksima masing-masingnya selama sembilan (9) tahun dan empat (4) tahun (2016: sembilan (9) tahun dan empat (4) tahun) dengan kadar keuntungan pembiayaan sebanyak 4% setahun (2016: 4% setahun). Pembiayaan perumahan mempunyai tempoh bayaran balik maksima tiga puluh (30) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 2% setahun (2016: 2% setahun).

Pembiayaan pekerja telah dikira pada nilai saksama pasaran semasa.

Pada akhir tahun 2015 Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan cadangan penyumberan luar (*outsourcing*) kemudahan pembiayaan perumahan pekerja Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRM) berkuatkuasa daripada 1 Januari 2016.

BKRM menawarkan Pakej pembiayaan – I kepada pekerja SSM dengan kadar keuntungan sebanyak 4.67% setahun berdasarkan kepada formula yang telah dipersetujui iaitu kadar asas semasa ditambah dengan 0.80%. Pekerja SSM akan membayar semula dengan kadar keuntungan 2.0% dan SSM akan mensubsidiikan baki peratusan kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank. Kadar asas semasa bagi tahun kewangan semasa adalah 3.87% (2016: 3.87%).

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

9. PENGHUTANG PERDAGANGAN

	2017 RM	2016 RM
Penghutang perdagangan	6,457,459	2,223,652

Penghutang perdagangan terdiri daripada fi perkhidmatan belum terima, termasuk fi perkhidmatan e-info dan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang dibekalkan oleh ejen yang dilantik, perkhidmatan atas talian dan fi daripada Program Latihan Korporat.

Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah tiga puluh (30) hari daripada tarikh invoice dikeluarkan atau sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian dengan ejen yang dilantik.

10. PENGHUTANG LAIN, DEPOSIT DAN PRA BAYAR

	2017 RM	2016 RM
Keuntungan dan dividen belum terima	4,912,445	7,415,486
Deposit dan pra bayar	14,121,816	9,162,854
Pendahuluan pekerja	772,156	176,064
Lain-lain terimaan	2,289,342	1,976,400
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang boleh dituntut	4,705,705	2,671,717
Pembiayaan pekerja tertunda	14,394,231	14,394,231
	41,195,695	35,796,752

Termasuk dalam keuntungan dan dividen belum terima adalah keuntungan yang diterima terdahulu daripada Akaun Deposit Mudharabah (MDA) berjumlah RM 0 (2016: RM 5,700).

Cukai Barang dan Perkhidmatan yang boleh dituntut adalah jumlah cukai input melebihi jumlah cukai output.

Wang pendahuluan sebanyak 10% daripada Harga Pembelian termasuk 2% wang Kontrak Perjanjian berjumlah RM7,000,000 telah dibayar pada 22 Ogos 2016 dan 23 November 2016. Jumlah ini dikategorikan sebagai deposit dan pra bayar dalam tahun semasa.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

11. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2017 RM	2016 RM
Deposit Komoditi Murabahah	462,042,102	393,030,205
Pelaburan Jangka Panjang yang matang dalam tempoh dua belas (12) bulan (lihat Nota 6)	31,659,526	98,123,661
BAKI PADA 31 DISEMBER	493,701,628	491,153,866

Suruhanjaya telah membeli Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen dalam tahun semasa. Keuntungan efektif boleh terima oleh Suruhanjaya untuk sekuriti ini adalah pada kadar antara 3.00% hingga 4.30% setahun (2016: 3.00% hingga 4.75% setahun) dengan tempoh matang peletakan sehingga dua belas (12) bulan.

12. INVENTORI

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	277,820	277,600
Pelarasan	—	220
BAKI PADA 31 DISEMBER	277,820	277,820

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 Mac 2010 telah memberikan kelulusan di bawah seksyen 82 Akta Setem 1949 kepada Suruhanjaya untuk menjual setem hasil untuk dilekatkan atas *Memorandum and Article of Association* syarikat-syarikat yang diperbadankan.

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

13. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2017 RM	2016 RM
Baki tunai dan bank	42,379,706	25,032,240
Peletakan deposit dengan: Bank tempatan berlesen dan institusi kewangan	36,044,066	17,051,259
	78,423,772	42,083,499

Kadar keuntungan efektif bagi Akaun Pelaburan Wafiyah dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan adalah dalam lingkungan 3.0% setahun (2016: 0% setahun), dan bagi Al-Wadiyah adalah dalam lingkungan 2.90% hingga 3.20%.

Tempoh matang bagi Akaun Pelaburan Al-Wadiyah dan Wafiah ialah satu (1) hari hingga tiga (3) bulan (2016: adalah satu (1) hari hingga tiga (3) bulan).

14. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

	2017 RM	2016 RM
Dana pembiayaan perumahan	80,000,000	80,000,000
Dana pembiayaan kenderaan	10,000,000	10,000,000
Dana pembiayaan komputer	1,000,000	1,000,000
	91,000,000	91,000,000

Dana pembiayaan sebanyak RM 80.0 juta, RM 10.0 juta dan RM 1.0 juta untuk dana pembiayaan perumahan, kenderaan dan komputer masing-masing adalah untuk pekerja Suruhanjaya.

Pada Akhir tahun 2015, Suruhanjaya telah mempersetujui dan meluluskan pembiayaan luar bagi pembiayaan perumahan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan berkuatkuasa daripada 1 Januari 2016.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

15. GERAN KERAJAAN

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	5,152,876	5,152,876
Dipindahkan ke penyata pendapatan	(5,152,876)	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	-	5,152,876

Geran Kerajaan adalah termasuk geran operasi yang diberikan oleh Kerajaan, geran pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) dan manfaat peletakhakan pada Suruhanjaya. Geran operasi dan pembangunan diberikan bagi menampung perbelanjaan modal untuk bangunan baru dan projek pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi Suruhanjaya.

Manfaat peletakhakan bagi permulaan tahun kewangan adalah merupakan aset yang dipeletakhakan kepada Suruhanjaya dalam tahun 2002 hingga tahun 2004. Ini termasuk harta, kelengkapan dan peralatan, wang yang dikutip daripada Program Latihan Pengarah Syarikat dan novasi Projek Migrasi. Aset Projek Migrasi ini diklasifikasikan sebagai manfaat peletakhakan dan dinyatakan pada nilai saksama.

Pelunasan ke atas geran kerajaan dalam tahun semasa diambil kira sebagai manfaat penggunaan ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang berkenaan yang mana ia bersamaan dengan susutnilai harta, kelengkapan dan peralatan. Amaun ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

Pada tahun kewangan semasa 2017, SSM telah iktiraf baki geran dalam penyata pendapatan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

16. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari:		
Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat	57,200,045	415,352
<u>Pewujudan obligasi pada tahun semasa:</u>		
Pelan Manfaat Tetap	–	51,819,783
Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat	–	791,999
<u>Perubahan pada nilai semasa:</u>		
Pelan Manfaat Tetap	–	7,318,017
Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat	–	18,432
<u>Pembayaran dibuat kepada pekerja dalam tahun semasa:</u>		
Pelan Manfaat Tetap	(2,290,149)	(3,011,933)
Ganjaran wang tunai	(90,747)	(92,421)
Gantian cuti rehat di bawah SSSM		
Ganjaran wang tunai	(79,436)	(59,184)
Gantian cuti rehat di bawah GPS		
BAKI PADA 31 DISEMBER	54,739,713	57,200,045

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

16. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA (sambungan)

Struktur kematangan peruntukan faedah pekerja pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2017 RM	2016 RM
Liabiliti Semasa Dalam tempoh satu (1) tahun (Lihat Nota 18)	2,187,561	1,705,273
Liabiliti Bukan Semasa Lebih daripada satu (1) tahun	52,552,152	55,494,772
BAKI PADA 31 DISEMBER	54,739,713	57,200,045

Dalam tahun 2012, opsyen persaraan sehingga umur enam puluh (60) tahun telah ditawarkan kepada semua pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan selaras dengan opsyen Kerajaan untuk menaikkan umur persaraan kepada enam puluh (60) tahun.

Pada akhir tahun 2015, Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan pemberian ganjaran wang tunai gantian cuti rehat dan pelan manfaat tetap yang dinamakan sebagai Saguhati Tamat Perkhidmatan kepada pekerja Suruhanjaya yang tamat perkhidmatan berkuatkuasa daripada 1 Januari 2016.

Suruhanjaya menggunakan kaedah yang telah dipermudahkan untuk mengukur obligasi dan kos di bawah pelan manfaat yang ditetapkan untuk mengiktiraf sumbangan sebagai liabiliti. Permudahan pengukuran pelan manfaat tetap berkenaan dengan pekerja sedia ada adalah seperti berikut:

- (i) Tidak mengambil kira kenaikan gaji masa hadapan, iaitu mengandaikan gaji semasa berterusan sehingga pekerja sedia ada dijangka akan mula menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan.
- (ii) Tidak mengambil kira perkhidmatan masa hadapan pekerja semasa iaitu mengandaikan penutupan pelan untuk pekerja sedia ada dan pekerja baru; dan
- (iii) Tidak mengambil kira kemungkinan kematian dalam perkhidmatan bagi pekerja sedia ada, antara tarikh pelaporan dan tarikh menerima manfaat iaitu mengandaikan semua pekerja sedia ada akan menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

16. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA (sambungan)

Asas aktuari andaian perakaunan yang digunakan dalam pengukuran adalah seperti berikut:

	2017 %	2016 %
Kadar diskau	3.0	3.0
Anggaran kadar kenaikan gaji	5.0	5.0

17. KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	28,769,616	50,665,060
Peruntukan hasil belum bayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	55,845,096	28,769,616
Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	(28,769,616)	(50,665,060)
BAKI PADA 31 DISEMBER	55,845,096	28,769,616

Pindaan caruman Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan daripada lima puluh peratus (50%) jumlah hasil tahunan kepada tiga puluh peratus (30%) lebihan tahunan semasa di bawah peruntukan seksyen 35 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 telah diluluskan oleh Parlimen pada 8 Disember 2015 dan digazetkan tarikh kuatkuasa pada 20 Februari 2015.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

18. PEMIUTANG LAIN

	2017 RM	2016 RM
Perbelanjaan belum bayar dan terakru	8,394,947	13,070,968
Perbelanjaan statutori belum bayar	564,728	740,197
Akaun amanah	4,011,145	3,498,912
Lain-lain pemutang	4,540,300	3,221,783
Peruntukan faedah pekerja (Lihat Nota 16)	2,187,561	1,705,273
	19,698,681	22,237,133

Tempoh kredit yang diterima untuk pemutang lain adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

19. PEMIUTANG PROJEK

	2017 RM	2016 RM
Pemutang projek	5,684,765	1,430,681

Pemutang projek adalah kos yang ditanggung untuk projek teknologi maklumat dan komunikasi yang tertunggak pada akhir tahun.

Tempoh kredit yang diterima untuk pemutang projek adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

20. PENDAPATAN

	2017 RM	2016 RM
Pendapatan bersih daripada aktiviti operasi:		
Pendapatan perkhidmatan	326,081,738	293,673,003
Kompaun	65,055,833	49,500,956
Program Latihan Korporat	4,153,065	3,240,238
Pendapatan lain:		
Keuntungan dan dividen	24,756,332	25,211,260
Lain-lain pendapatan	4,871,588	8,092,616
Geran pendapatan dan manfaat	5,152,876	-
	430,071,432	379,718,073

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

21. KOS PEKERJA

	2017 RM	2016 RM
Gaji	63,368,692	61,116,222
Elaun tetap	13,749,062	13,449,257
Sumbangan berkanun	17,154,377	17,223,252
Elaun lebih masa	975,472	1,029,563
Bonus	15,320,811	20,220,596
Pelan manfaat pekerja dan manfaat lain	5,681,516	59,948,232
Faedah perubatan	8,132,983	7,211,621
Elaun Anggota	1,532,274	1,517,381
Subsidi pekerja atas pinjaman Kerajaan dan pembiayaan luar	252,348	741,924
	126,167,535	182,458,048

Bilangan pekerja Suruhanjaya sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 1,322 termasuk 106 orang pekerja sambilan (2016: 1,305 termasuk 126 orang pekerja sambilan).

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

22. KOS PENTADBIRAN

	2017 RM	2016 RM
Perjalanan dan penginapan	7,926,350	6,078,194
Komunikasi dan utiliti	7,857,483	7,909,167
Sewa	11,653,570	13,560,308
Percetakan dan alatulis	12,811,837	9,250,050
Penyelenggaraan peralatan	41,162,009	33,298,379
Penyelenggaraan dan kawalan pejabat	3,282,427	3,249,661
Fi professional	8,704,455	6,537,843
Keraian dan hospitaliti	14,048,753	11,563,794
Lain-lain kos pentadbiran	1,467,446	1,356,873
	108,914,330	92,804,269

Suruhanjaya telah meluluskan geran berjumlah sehingga RM10.0 juta di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) pada 28 November 2016 untuk menggalakkan pelajar daripada pusat pengajian tinggi yang berminat untuk menjalankan perniagaan untuk mendaftar dengan Suruhanjaya. Geran ini hendaklah digunakan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun berkuatkuasa daripada 1 Januari 2017 dan jumlah tersebut direkodkan sebagai kos keraian dan hospitaliti:

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	-	-
Peruntukan geran yang diluluskan	10,000,000	-
Pendaftaran perniagaan di bawah 1P1P	1,255,748	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	8,744,252	-

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

23. LEBIHAN SEBELUM CUKAI

	2017 RM	2016 RM
<u>Lebihan sebelum cukai bagi tahun semasa diperolehi setelah mengambil kira:</u>		
Keuntungan dan dividen	24,756,332	25,211,260
Pendapatan pelbagai	2,835,428	2,609,274
Sewa harta tanah	1,768,438	1,650,080
Faedah nilai saksama	-	682,281
Keuntungan pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	267,722	-
Pembalikan kerugian rosot nilai	-	3,150,981
Geran pendapatan dan manfaat	5,152,876	-
dan kenaan:		
Elaun Anggota	1,532,274	1,517,381
Ganjaran juruaudit	74,210	74,210
Bonus	21,002,327	20,220,596
Faedah pekerja jangka panjang dan pelan manfaat tetap	5,681,516	59,948,232
Pembiayaan pekerja pada nilai saksama	-	682,281
Susut nilai	8,705,887	7,975,174
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	-	319,368
Kerugian pelupusan pelaburan	133,358	238,444
Kerugian pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	-	24,046

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

24. CUKAI DAN ZAKAT

	2017 RM	2016 RM
Cukai Korporat	6,700,000	-
Zakat	11,800,000	9,790,000
	18,500,000	9,790,000

Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan statutori Suruhanjaya untuk tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun taksiran 2002 hingga tahun taksiran 2011 serta telah memberi lanjutan tempoh pengecualian cukai untuk tempoh lima (5) tahun daripada tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016.

Suruhanjaya menggunakan kaedah Modal Kerja (Syar'iyyah), iaitu mengambil kira kedudukan harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa dan dibuat pelarasan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira.

Perbezaan signifikan antara perbelanjaan cukai pendapatan dan pengiraan keuntungan yang didarab dengan kadar cukai yang dikenakan pada 24%, adalah seperti berikut:

	RM	24% RM
Lebihan sebelum cukai	130,305,226	31,273,254
Cukai pada kadar cukai yang dikenakan:		
Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(400,632,632)	(96,151,832)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	298,974,461	71,753,871
Zakat	(730,388)	(175,293)
PERBELANJAAN CUKAI		6,700,000

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

25. KOMITMEN MODAL

	2017 RM	2016 RM
Komitmen perbelanjaan modal:		
Diluluskan dan berkontrak	76,015,061	90,768,675

26. PENDEDAHAN LAIN

Bagi tahun kewangan 2017, Suruhanjaya telah menawarkan satu kontrak berjumlah RM33,300,000 untuk tempoh tiga (3) tahun (2016: dua (2) kontrak berjumlah RM2,548,800 dan RM57,640,756 masing-masing untuk tempoh tiga (3) dan lima (5) tahun).

Suruhanjaya telah memeterai perjanjian penyumberan luar (*outsourcing*) bersama Formis Network Services Sdn. Bhd. (FNS) untuk "*Supply, implementation, training, support, and maintenance of SSM Core Registry Solution*". Perjanjian ini berkuatkuasa pada 17 Mac 2017 sehingga 31 Mac 2023 dan selepas itu dilanjutkan dan diperbaharui secara automatik untuk tempoh lima (5) tahun seterusnya sehingga 31 Mac 2028. Perjanjian ini meliputi Perkhidmatan Pembangunan, Penyelenggaraan dan Perkhidmatan Sokongan serta perbelanjaan lain yang ditanggung sendiri oleh FNS sepanjang tempoh tersebut.

27. PAMPASAN PENGURUSAN UTAMA

Pampasan kepada Anggota dan pampasan kepada kakitangan pengurusan utama Suruhanjaya dibayar dan akan bayar pada tahun berakhir 31 Disember 2017 dan tahun sebelumnya:

	2017 RM	2016 RM
Anggota Suruhanjaya	1,532,274	1,517,381
Kakitangan pengurusan utama	2,474,759	3,693,804
	4,007,033	5,211,185

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

28. POLISI PENGURUSAN RISIKO

Program pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya menumpu kepada ramalan pasaran kewangan dan cubaan untuk meminimumkan potensi kesan yang berlawanan ke atas prestasi kewangan Suruhanjaya. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insuran dan pegangan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya. Suruhanjaya sentiasa mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi perbendaharaan yang merangkumi pengurusan risiko berkenaan.

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya adalah risiko kecairan, risiko aliran tunai, risiko kadar keuntungan dan faedah serta risiko nilai saksama.

(a) **Risiko Kecairan**

Suruhanjaya mengurangkan risiko kecairannya dengan mengekalkan sebahagian daripada pelaburannya dalam aset cair berbentuk deposit dengan institusi kewangan bagi memenuhi komitmen kewangan jangka pendek.

(b) **Risiko Aliran Tunai**

Suruhanjaya sentiasa mengkaji kedudukan aliran tunainya untuk pengurusan pendedahan turun naik aliran tunai masa hadapan.

(c) **Risiko Kadar Keuntungan dan Faedah**

Suruhanjaya mempunyai tunai, baki di bank dan peletakan deposit dengan bank dan institusi kewangan berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. Suruhanjaya mengurus risiko kadar keuntungan dan faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan mengikut terma kematangan, keuntungan dan kadar keuntungan dan faedah yang berbeza-beza.

(d) **Nilai Saksama**

Berhubung dengan tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan jangka pendek, penghutang perdagangan dan penghutang lain, sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, pemutang lain dan pemutang projek, nilai bawaan adalah lebih kurang nilai saksamanya disebabkan oleh tempoh matang yang pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan ini.

29. PERALIHAN KEPADA MPERS

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah penyata kewangan pertama yang disediakan mengikut MPERS.

Polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 telah digunakan dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Tarikh peralihan kepada MPERS adalah pada 1 Januari 2015.

Dalam penyediaan penyata kewangan pertama MPERS, Suruhanjaya telah menggunakan semua pengecualian mandatori MPERS. Tiada sebarang perubahan pada angka pembukaan 1 Januari 2016.

30. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan yang beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bertarikh 30 Ogos 2018.

DIREKTORI SSM

IBU PEJABAT

MENARA SSM@SENTRAL

No 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang

Pusat Panggilan SSM

Tel: 03-7721 4000
Faks: 03-7721 4001

Talian Umum SSM

Tel: 03 - 2299 4400
Faks: 03 - 2299 4411
Hotline: 03 - 2299 4400
E-mel: enquiry@ssm.com.my

PEJABAT NEGERI

JOHOR

Hairul Anuar bin Yasin
Podium 4B & 5, Menara Ansar,
65 Jalan Trus,
80000 Johor Bahru, Johor.

Waktu Operasi

Hari: Ahad - Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.00 petang
Tel: 07 - 224 4710
Faks: 07 - 224 1714 / 224 8169
Hotline: 07 - 224 4710
E-mel: hairul@ssm.com.my

KEDAH

Ramle bin Leen

Tingkat 1 & 2,
Wisma PERKESO,
No.186 Jalan Teluk Wan Jah,
05538 Alor Setar, Kedah.

Waktu Operasi

Hari: Ahad - Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
Hari: Ahad - Rabu
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.00 petang
Hari: Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 3.45 petang
Tel: 04 - 733 0111
Faks: 04 - 731 5517
Hotline: 04 - 733 0111
E-mel: lramle@ssm.com.my

KELANTAN

Ab Razak bin Isa

Tingkat 2 & 3 Kota Sri Mutiara,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu, Kelantan.

Waktu Operasi

Hari: Ahad - Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
Hari: Ahad - Rabu
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.00 petang
Hari: Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 3.45 petang
Tel: 09 - 748 2860 / 748 4599
Faks: 09 - 744 7622 / 747 2607
Hotline: 09 - 748 2860
E-mel: abrazak@ssm.com.my

MELAKA

Azrin Mohd Ripin

Aras Bawah Menara MITC,
Kompleks MITC,
Jalan Konvensyen,
75450 Ayer Keroh, Melaka.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang
Tel: 06 - 231 1717
Faks: 06 - 231 3502
Hotline: 06 - 231 1717
E-mel: azrin@ssm.com.my

NEGERI SEMBILAN

Rashidan bin Abd Rashid

Aras 3, Wisma Perkeso,
Lot 3757 & 52,
Jalan Sungai Ujong,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang
Tel: 06 - 761 9098 / 761 5506 /
06 - 764 1885 / 764 5598
Faks: 06 - 765 5877
Hotline: 06 - 761 9098
E-mel: rashidan@ssm.com.my

DIREKTORI SSM

PAHANG

Roslina binti Abdul Malek

No. 3.04 - 3.11, Tingkat 3,
Mahkota Square,
Jalan Mahkota,
25000 Kuantan, Pahang.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang
Tel: 09 - 516 4866 / 516 4600
Faks: 09 - 516 1869 / 516 3316
Hotline: 09 - 516 4866
E-mel: roslina@ssm.com.my

PERAK

Mohd Arif Hamzah

Tingkat 2C, Angsana Ipoh Mall,
Jalan Hospital,
30450 Ipoh, Perak.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang
Tel: 05 - 241 6900 / 254 7913 /
253 3071
Faks: 05 - 255 7162
Hotline: 05 - 241 6900
E-mel: arifh@ssm.com.my

PULAU PINANG

Muhsin bin Mahmood

Tingkat 6 - 7, Bangunan KWSP,
No. 3009, Off Lebuh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Pulau Pinang.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang
Tel: 04 - 397 7793
Faks: 04 - 397 7713
Hotline: 04 - 397 7793
E-mel: mnasir@ssm.com.my

SABAH

Mohd Yasin @ Jafri Abd Malik

Tingkat 4, Menara MAA,
6 Lorong Api - Api,
Locked Bag 2039,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.00 pagi - 4.00 petang
Tel: 088 - 233 551 / 233 346
Faks: 088 - 237 884
Hotline: 088 - 233 551
E-mel: yasin@ssm.com.my

SARAWAK

Rozaini bin Muhammed

Lot 11115, Section 64,
Kuching Town Land District,
Jalan Pending, City Square Phase 1,
93450 Kuching, Sarawak.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.00 pagi - 4.00 petang
Tel: 082-266111 / 266112 / 266113 /
266114
Faks: 082 - 266115
Hotline: 082 - 266111
E-mel: rozaini@ssm.com.my

SELANGOR

Khairudin bin Rusli

Blok 9, 10 & 11, Kompleks KPPMS,
Lot 291, Jalan RU 3/9A, Seksyen 3,
40000 Shah Alam, Selangor.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang
Tel: 03 - 5511 6500 / 5513 5997
Faks: 03 - 5510 4200
Hotline: 03 - 5511 6500
E-mel: krudin@ssm.com.my

DIREKTORI SSM

TERENGGANU

Mohd Rosly Mat Isa

Tingkat 6 - 7, Menara Yayasan Islam,
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Waktu Operasi

Hari: Ahad - Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
Hari: Ahad - Rabu
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.00 petang
Hari: Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 3.45 petang
Tel: 09 - 623 7170 / 624 0721
Faks: 09 - 623 0945
Hotline: 09 - 623 7170
E-mel: mrosly@ssm.com.my

PEJABAT CAWANGAN

MIRI

Syed Ahmad Kamal Syed Mahmood

Ground Floor, Yu Lan Plaza,
Lot 97, Jalan Brooke,
98008 Miri, Sarawak.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.00 pagi - 4.00 petang
Hari: Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.00 pagi - 4.00 petang
Tel: 085 - 424777 / 421117
Faks: 085 - 422225
Hotline: 085 - 424777
E-mel: syed@ssm.com.my

MUAR

Norsilawati binti Bachek

No.1, Jalan Perdagangan,
Off Bulatan Jalan Bakri,
84000 Muar, Johor.

Waktu Operasi

Hari: Ahad - Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.00 petang
Tel: 06 - 954 6611 / 954 7711
Faks: 06 - 954 6600
Hotline: 06 - 954 6611
E-mel: norsilawati@ssm.com.my

TAWAU

Abdul Malik bin Ahmad

TB 4444, GF & 1st floor,
Blok F, Sabindo Square,
Jalan Dunlop,
91018 Tawau, Sabah.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.00 pagi - 4.00 petang
Tel: 089 - 750 585 / 752 585
Faks: 089 - 754 585
Hotline: 089 - 750 585
E-mel: malik@ssm.com.my

SIBU

Ronatkinson Nujol

No. 3 & 5, Tingkat 1,
Jalan Lau King Howe,
Lot 776 & 777, Block 5,
Sibu Town District,
96000 Sibu, Sarawak.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.00 pagi - 4.00 petang
Tel: 084 - 250 145
Faks: 084 - 250 147
Hotline: 084 - 250 145
E-mel: ronatkinson@ssm.com.my

TEMERLOH

Adnan bin Hj Omar

No. 15 & 16,
Jalan Ahmad Shah,
28000 Temerloh, Pahang.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.15 petang
Tel: 09 - 296 4600 / 296 5600
Faks: 09 - 296 0010
Hotline: 09 - 2964600
E-mel: adnan@ssm.com.my

DIREKTORI SSM

PERLIS

Ahmad Nizam bin Samsoo

Urban Transformation Centre (UTC) Perlis
No.1 Aras 1, Blok B,
Pusat Transformasi Bandar (UTC)
Perlis, Mukim Sena 01000 Kangar,
Perlis.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
(kecuali cuti Umum)

Kaunter Perkhidmatan:

8.30 pagi - 9.00 petang

Tel: 04 - 9705471 / 04-9705472

Faks: 04 - 9705473

Hotline: 04 - 9705471

E-mel: nizam@ssm.com.my

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Mohamad Azies Han bin Mohd Fadzil

No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6,
Block 4, Kompleks Ujana Kewangan,
Jalan Merdeka,
87000 Wilayah Persekutuan Labuan.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat

Kaunter Perkhidmatan:

8.00 pagi - 4.00 petang

Tel: 087 - 414 100

Faks: 087 - 414 152

Hotline: 087 - 414 100

E-mel: azieshan@ssm.com.my

URBAN TRANSFORMATION CENTRE

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Ruang Legar, Tingkat Bawah,
Bangunan UTC Kuala Lumpur
Jalan Pudu (Pudu Sentral)
55100 Kuala Lumpur.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Ahad
(kecuali cuti Umum)

Kaunter Perkhidmatan:

8.30 pagi - 6.00 petang

8.00 malam - 9.00 malam

Tel: 03 - 2026 2041 / 03 - 2026 2042

Faks: 03 - 2026 2036

Hotline: 03 - 20262041

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) MELAKA

Aras 3, Wisma UTC
Jalan Hang Tuah
75300, Melaka

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Ahad

(kecuali cuti Umum / Negeri Melaka)

Kaunter Perkhidmatan:

8.30 pagi - 9.30 malam

Tel: 06 - 283 0076

Hotline: 06 - 283 0076

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) PAHANG

1-11 Aras Satu,
Bangunan UTC Pahang,
Jalan Stadium,
25200, Kuantan Pahang

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
(kecuali cuti Umum /
Negeri Pahang)

Kaunter Perkhidmatan:

8.30 pagi - 10.00 malam

Tel: 09 - 512 4137

Faks: 09 - 512 4136

Hotline: 09 - 622 6174

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) TERENGGANU

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
L4-UTC-04, UTC Terengganu,
Paya Bunga Square,
Jalan Masjid Abidin,
21000, Kuala Terengganu.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
(kecuali cuti Umum /
Negeri Terengganu)

Kaunter Perkhidmatan:

8.30 pagi - 10.00 malam

Tel: 09 - 622 6174 / 09 - 622 6765

Faks: 09 - 620 5851

Hotline: 09 - 622 6174

DIREKTORI SSM

PUSAT PERKHIDMATAN

LANGKAWI

Pusat Perkhidmatan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
No 4, Aras Mezzanine,
Kompleks LADA,
Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi, Kedah.

Waktu Operasi

Kaunter Perkhidmatan:
Hari: Rabu
Kaunter Perkhidmatan:
10.00 pagi - 4.00 petang
Hari: Khamis
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 3.45 petang
Tel: 04 - 966 7943
Faks: 04 - 966 5318
Hotline: 04 - 966 7943

KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

PUTRAJAYA

Kaunter Khidmat Pengguna,
Aras G, Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri Dan
Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP),
No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan,
62623 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Waktu Operasi

Hari: Isnin - Jumaat
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 5.15 petang
Tel: 03 - 8881 0143
Faks: Hotline: 03 - 8881 0143

CYBERJAYA

Unit LG-03, SME Technopreneur
Centre 3, Blok 3740,
Persiaran APEC, Cyber 8,
63500 Cyberjaya, Selangor.

Waktu Operasi

Hari: Selasa, Rabu dan Khamis
Pejabat: 8.15 pagi - 5.15 petang
Kaunter Perkhidmatan:
8.15 pagi - 4.00 petang
Tel: 03 - 8318 0281
Faks: 03 - 8318 0352
Hotline: 03 - 8318 0281

